

**MALAYSIA**

**DEWAN RAKYAT**

**Rabu, 12 April 2006**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]  
*mempengerusikan Mesyuarat*]

---

**PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA**

**KUNJUNGAN HORMAT H. E. DAVID HAWKER, SPEAKER OF THE HOUSE  
OF REPRESENTATIVES, AUSTRALIA DAN DELEGASI**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli-ahli Yang Berhormat ada tetamu kehormat di Dewan yang mulia ini, dengan ini saya ingin mengalu-alukan kehadiran dalam Dewan yang mulia ini The Honourable David Hawker Speaker of the House of the Representatives Australia dan rombongan beliau. *[Tepuk]*

Moga-moga kehadiran beliau dan rombongan dalam Dewan yang mulia ini akan mempererat lagi perhubungan di antara Malaysia dan Australia. *[Tepuk]*

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

*[Soalan No. 1 - Y.B Dato' Mohd. Sarit bin Haji Jusoh (Temerloh) tidak hadir]*

**2. Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan apakah definisi pusat cyber cafe atau internet cafe dan mengapakah 100% dari pusat-pusat ini disalahgunakan sebagai video arcade dari menjadi pusat sumber IT.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dr. S. Subramaniam]:** Tuan Yang di-Pertua, saya memohon izin untuk menjawab soalan Yang Berhormat dari Tangga Batu secara serentak dengan soalan-soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Tenom pada 18 April dan Yang Berhormat dari

Setiu pada 27 April memandangkan soalan-soalan tersebut menyentuh perkara yang sama.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik.

**Dr. S. Subramaniam:** Pusat *cyber* adalah premis perniagaan yang menyediakan kemudahan komputer untuk tujuan melayari internet, manakala *cyber cafe* selain menyediakan kemudahan komputer untuk melayari internet juga menyediakan kemudahan jualan makanan dan minuman kepada pelanggannya. Pelesenan premis pusat *cyber* atau *cyber cafe* adalah tertakluk kepada undang-undang kecil *trade* perniagaan dan perindustrian dan lain-lain undang-undang kecil PBT yang berkenaan.

Kementerian ini telah mengeluarkan garis panduan pengawalan perniagaan pusat *cyber* dan *cyber cafe* untuk diguna pakai oleh semua PBT di seluruh negara bertujuan untuk mengawal dan membendung penyalahgunaan premis perniagaan pusat *cyber cafe*. Garis panduan ini mengandungi syarat-syarat yang perlu dipatuhi oleh pengusaha yang menjalankan perniagaan pusat *cyber* dan *cyber cafe*. Berdasarkan garis panduan tersebut, aktiviti pusat *cyber* dan *cyber cafe* adalah dihadkan kepada aktiviti penyebaran maklumat dan pencarian maklumat melalui internet, kegiatan-kegiatan lain tidak dibenarkan sama sekali khususnya berbentuk hiburan seperti permainan video, perjudian.

Selain dari itu pelajar berpakaian sekolah dilarang memasuki *cyber cafe* dan pengunjung di bawah umur 12 tahun mestilah ditemani ibu atau bapa ataupun penjaga mereka. Sekiranya didapati pengusaha pusat *cyber* dan *cyber cafe* melanggar syarat-syarat dan peraturan tersebut, maka pengusaha tersebut boleh dikenakan kompaun atau lesen premis dibatalkan ataupun premis disita seperti yang dinyatakan dalam undang-undang kecil PBT.

PBT juga telah memperketatkan syarat-syarat untuk memperbaharui lesen premis pusat *cyber* dan *cyber cafe* seperti merujuk kepada prestasi laporan pemantauan dan memastikan pengusaha tersebut mempunyai rekod yang bersih. Selain dari itu kerajaan juga telah mengarahkan PBT supaya proses pengeluaran lesen premis bagi pusat *cyber* dan *cyber cafe* diperketat dengan memastikan kesesuaian lokasi serta mendapatkan ulasan daripada pihak polis serta Jabatan Bomba dan Penyelamat dari segi keselamatannya.

Pada masa ini kementerian ini sedang mengadakan perbincangan lanjut bersama Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi dan Kementerian Tenaga, Air dan

Komunikasi bagi mengenal pasti kaedah yang berkesan bagi menangani masalah kandungan lucah dan tidak sopan di internet. Terima kasih.

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sama ada sedar ataupun tidak sedar jika undang-undang kecil Pihak Berkuasa Tempatan benar-benar dilaksanakan di peringkat akar umbi nescaya kesemua pusat *cyber* dan pusat *cyber café* ini akan ditutup, kerana semuanya pada hari ini adalah merupakan pusat hiburan yang menyediakan permainan komputer bagi anak-anak sekolah dan juga penyebaran maklumat dan juga pencarian gambar-gambar lucah. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sedar ataupun tidak bahawa hari ini suatu slogan telah diterima pakai oleh anak-anak ini iaitu 'lepak *cyber*'.

Jadi soalan saya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, adakah kerajaan ataupun Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan akan mengkaji semula undang-undang kecil ini supaya sindrom *naked king* ataupun 'raja yang tidak berbaju' tadi dapat dielakkan dengan mengenakan juga cukai hiburan kepada pusat *cyber* atau *cyber café* ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dr. S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, soalan Ahli Yang Berhormat ialah tentang pemantauan dan begitu banyak kita telah mencapai kejayaan di dalam proses pemantauan.

Tujuan menyediakan pusat *cyber* dan pusat *cyber cafe* ialah untuk memberi satu kemudahan untuk rakyat kita di dalam zaman ICT ini supaya mereka yang tidak mempunyai kemudahan-kemudahan di rumah mereka boleh dapat peluang untuk menggunakan kemudahan-kemudahan ini dan mendapat kebaikan daripada kemudahan-kemudahan itu. Itu adalah tujuan. So, untuk memastikan bahawa tujuan ini dicapai, kerajaan telah memberi lesen kepada perniagaan ini dan menyediakan seperti yang saya telah beritahu di dalam jawapan saya tadi, garis panduan yang ketat untuk memastikan penyalahgunaan premis ini tidak berlaku.

Daripada segi penguatkuasaan, mungkin ada kelemahan dan ini menyebabkan bahawa walaupun garis panduan tersedia ini cukup, tetapi masih ada keadaan di mana premis-premis ini disalahgunakan. Untuk menjawab itu, saya akan beritahu Ahli Yang Berhormat bahawa kementerian selalu memberitahu arahan kepada PBT untuk menambahbaikkan lagi sistem penguatkuasaan PBT, bukan sahaja di dalam bidang ini tetapi di dalam semua bidang lain yang berkaitan dengan penguatkuasaan. So, proses ini akan diteruskan.

Untuk menjawab soalan bahawa, adakah cukai hiburan akan dikenakan ke atas pusat-pusat *cyber* ini? Pada masa sekarang, pusat *cyber* tidak dianggap sebagai satu pusat hiburan. Oleh itu, cukai hiburan tidak dikenakan.

Sebenarnya, pusat *cyber* adalah satu pusat pendidikan memberi satu kemudahan pendidikan. Kalau kita tukar, wajarnya untuk menjadikan dia sebagai satu pusat hiburan, maka konsep dan tujuan utamanya sudah hilang. Terima kasih.

**Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]:** Tuan Yang di-Pertua, pusat *cyber* dan *cyber cafe* ini bagi saya.....

**Seorang Ahli:** Sama.

**Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]:** ..... adalah sama.

**Seorang Ahli:** Ya.

**Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]:** Tetapi, sampai mana pemantauan yang dijalankan oleh kementerian? Saya memang tahu apabila saya mengemukakan soalan, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen mengatakan kita tidak ada kuasa untuk memantau keadaan di Sabah. Itu saya sudah tahu, persoalannya. Jadi sampai bila kementerian dalam satu negara memantau keseluruhan negara? Bukan kata Sabah dan Sarawak kita tidak boleh pantau. Kalau kita biarkan kepada Sabah dan Sarawak, mungkin setakat ini belum ada tindakan-tindakan diambil untuk menutup pusat-pusat *cyber* yang menayangkan gambar-gambar lucah pun ada. Ini ada. Jadi bagi saya, anak saya, saya tidak benarkan pergi ke sana kerana ini adalah satu gejala sosial yang negatif.

**Beberapa Ahli:** [*Menyampuk*]

**Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]:** Ini kerana bukan untuk belajar IT, bukan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, soalan.

**Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]:** Jadi saya minta supaya, adakah rancangan kementerian, Kerajaan Tempatan Persekutuan untuk seluruh negara memantau keadaan ini di Sabah dan Sarawak? Terima kasih.

**Dr. S. Subramaniam:** Garis panduan yang disediakan oleh kementerian diedarkan kepada semua PBT supaya mereka terima pakai. Di dalam penguatkuasaan, saya sudah jawablah. Mungkin ada kelemahan dan ini kita akan tengok balik. Satu lagi kaedah yang saya telah sentuh di dalam jawapan saya tentang bahan-bahan lucah ialah perjumpaan dengan Kementerian Sains dan Teknologi untuk mengkaji satu sistem

kemungkinan kita boleh ada *filter* atau *software* di *cyber-cyber cafe*, di mana bahan-bahan ini boleh ditahan. Tetapi.....

**Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]:** Soalnya, sampai ke Sabah, Sarawak tidak?

**Dr. S. Subramaniam:** Di dalam perkara undang-undang daripada negara kita, sampai digunakan ke Persekutuan, di Sabah dan Sarawak, di mana-mana tempat di mana Kerajaan Sabah dan Sarawak sudi menerima undang-undang ini daripada Perlembagaan kita, maka ini sudah dilaksanakan. Tetapi ada kaedah-kaedah tertentu di mana daripada segi Perlembagaan dan daripada segi undang-undang yang tersedia ada, di mana negeri Sabah dan Sarawak mempunyai undang-undang mereka sendiri. Keadaan-keadaan ini kita tidak boleh melaksanakan atau memantau undang-undang tersebut. Terima kasih.

**3. Dato' Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin [Sik]** minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah kementerian bercadang untuk mengurung dan menyelaraskan semua jenis yuran-yuran persekolahan khususnya di peringkat sekolah rendah dan menengah.

**Timbalan Menteri Pelajaran [Dato' Hon Choon Kim]:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran Malaysia telah membuat ketetapan kadar yuran sekolah yang seragam untuk semua murid seluruh negara seperti yang diperuntukkan dalam *School Regulation* 1951, Peraturan 57. Garis panduan kadar yuran telah disemak semula pada tahun 1993 dan garis panduannya terkandung dalam Surat Pekeliling Pentadbiran PPSG, Bil. 1/93.

Kementerian Pelajaran juga telah mengadakan perbincangan dengan semua Jabatan Pelajaran Negeri bagi menjelaskan penyeragaman yuran yang perlu dibayar. Untuk makluman, yuran yang wajib dibayar adalah seperti berikut:

- (i) yuran khas;
- (ii) yuran tambahan; dan
- (iii) yuran asrama jika murid tinggal di asrama.

Selain daripada yuran di atas, bayaran tambahan yang dikenakan oleh pihak sekolah tidak boleh disenaraikan sebagai yuran sekolah. Bayaran tersebut termasuklah sumbangan PIBG, kelab komputer, keperluan asrama, kelas tambahan dan alat tulis.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kajian mengenai kadar yuran sedia ada seperti yang diperuntukkan dalam Seksyen 130 kuasa Menteri membuat peraturan subseksyen 2(a)(a) Akta Pendidikan 1996 telah dijalankan. Draf terakhir peraturan-peraturan pendidikan yuran 2006 yang mengambil kira keadaan ekonomi semasa telah

disediakan dan kini di peringkat akhir semakan oleh jawatankuasa berkenaan. Terima kasih.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sebelum itu hendak bertanya soalan tambahan. Saya mengalukan pelajar daripada Sekolah St. Paul Seremban. *[Tepuk]*

Pertanyaan tambahan Tuan Yang di-Pertua, bahasa yang halus, bukan bahasa kasar. Kita sedia maklum bahawa pelajar-pelajar di luar bandar ramai yang miskin. Selalunya tiap-tiap kali buka sekolah, wakil rakyatlah yang menjadi sasaran. Saya dengar tadi penjelasan daripada Yang Berhormat dengan begitu teliti. *[Bercakap dalam nada yang lemah lembut] [Ketawa] [Dewan gamat seketika]* Soalan saya, budi bahasa Dato'.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Pondankah? *[Ketawa] [Dewan gamat seketika]*

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Apakah pihak kementerian ada membuat pemantauan? *[Bercakap dalam nada yang lemah lembut] [Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat....

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, sejak bila sudah ubah cara ini? *[Ketawa] [Dewan gamat seketika]*

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Soal budi bahasa ini Tuan Yang di-Pertua, kami Ahli-ahli Parlimen sentiasa ada dalam dada kami.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Soalan.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Soalan saya...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sudah ada?

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Apakah kementerian ada membuat pemantauan ke atas segala peraturan PIBG umpamanya. *[Ketawa]* Kadang-kadang meminta yuran-yuran yang terpaksa.....

**Seorang Ahli:** Gelilah. *[Ketawa] [Dewan gamat seketika]*

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Mahu tidak mahu ibu bapa menunaikan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah. Cukuplah Yang Berhormat.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Jadi apakah pemantauan yang dibuat oleh kementerian....

**Seorang Ahli:** Tiru Kepongkah?

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Budi bahasa.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik. Cukup Yang Berhormat.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Tuan Yang di-Pertua, budi bahasa Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik, baik. Cukup.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Saya mintalah kementerian kerana ini pelajar miskin ramai. Jadi apakah budayanya, ibu bapa yang tidak mampu ini.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik Yang Berhormat.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** ..... terutama sekali untuk.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, baik.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** .... menjalankan tanggungjawab mereka. Minta sedikit pandangan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih. *[Bercakap dalam nada yang lemah lembut] [Ketawa] [Dewan gamat seketika]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri jawab cepat.

**Seorang Ahli:** Gelilah, geli! *[Ketawa] [Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ini lambat sangat Yang Berhormat.

**Dato' Hon Choon Kim:** Terima kasih Yang Berhormat. Bukan sahaja berbudi bahasa tetapi juga berjiwa rakyat. Seperti yang disebut oleh Yang Berhormat, memang kita sedar, kita sentiasa memberi perhatian terhadap keadaan semasa ibu bapa sama ini akan menjadi beban kepada ibu bapa.

Oleh kerana itu, Kementerian Pelajaran sentiasa memantau. Sebenarnya apa jua pembayaran yang dikehendaki dibayar oleh murid hendaklah dirujuk kepada Pejabat Pelajaran Negeri supaya dapat kelulusan barulah boleh mengenakan apa juga bayaran oleh pihak murid. Terima kasih.

**Datuk Ronald Kiandee [Beluran]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak lembut macam Yang Berhormat bagi Larut. Lembut sangatlah Yang Berhormat bagi Larut hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita menyambut baik jawapan yang diberikan oleh Timbalan Menteri bahawa kementerian akan memantau tetapi saya katakan bahawa proses pemantauan dan proses penilaian semula ini terlalu lambat dan bergerak terlalu lama. Saya melihat bahawa ada pertentangan program yang dilakukan oleh kementerian. Pada suatu sudut membantu orang-orang miskin di luar bandar, memberikan bantuan uniform dan sebagainya untuk pelajar-pelajar sekolah.

Tetapi pada sudut yang lain mengenakan yuran-yuran ini walaupun ini merupakan suatu bayaran yang murah tetapi bagi mereka yang berada di luar bandar ini merupakan beban. Saya ingin kepastian dan pemantauan yang lebih segera daripada kementerian untuk melihat agar yuran-yuran ini dikecualikan, ditiadakan untuk berlari seiring dengan program-program yang lain yang dikendalikan oleh kementerian. Adakah kementerian melihat ini sebagai suatu keperluan. Terima kasih.

**Dato' Hon Choon Kim:** Tuan Yang di-Pertua, jumlah yuran khas dibayar bukan banyak. Saya bagi contoh, untuk sekolah rendah hanya RM4.50 sahaja. Untuk sekolah menengah hanya RM9.00 sahaja untuk satu tahun dan yuran tambahan bergantung kepada jenis aktiviti yang dikenakan. Misalnya majalah sekolah, keceriaan dan kertas ujian.

Walau bagaimanapun, maksimum yang boleh dicaj kepada murid untuk sekolah rendah bagi Tahun 1, 2, 3, 4 dan 5 adalah RM31.50. Bagi Tahun 6, RM33.50. Bagi sekolah menengah maksimum yang boleh dicajkan kepada murid ialah untuk Tingkatan 1, 2 dan 4 dan 6 Rendah sebanyak RM39 dan Tingkatan 3 sebanyak RM49. Tingkatan 5 sebanyak RM50, Tingkatan 6 Atas sebanyak RM54. Bayaran-bayaran tambahan seperti yuran PIBG, kelab komputer dan sebagainya ini terpulang kepada pihak PIBG dan hendaklah mendapat kebenaran daripada Jabatan Pelajaran Negeri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Soalan Yang Berhormat bagi Ipoh Barat.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Tuan Yang di-Pertua, bolehkah saya memohon suatu soalan tambahan kepada soalan sebelum ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sudah panggil Yang Berhormat untuk soalan.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Bukan soalan keempat.



**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Seorang Ahli:** Budi bahasalah.

**Beberapa Ahli:** *[Bangun dan membantah]*

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Budi bicaralah Tuan Yang di-Pertua. Perkara yang mustahak kepada ..... soalan tambahan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukuplah, cukuplah Yang Berhormat.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Dengan izin.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukuplah, sebab saya sudah putuskan setiap soalan hanya dua soalan tambahan.

**Seorang Ahli:** Budi bahasa.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Guru Besar-Guru Besar dikatakan mengambil banyak wang .....

**Seorang Ahli:** Ikut peraturanlah Yang Berhormat bagi Ipoh Barat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat boleh bincang dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Saya kemukakan soalan keempat kerana desakan *[Disorak] [Dewan riuh]*

**4. Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]** minta Menteri Keselamatan Dalam Negeri menyatakan:

- (a) apakah langkah-langkah segera dan konkrit bagi menghalang peningkatan kes-kes jenayah keganasan terhadap wanita di negara ini; dan
- (b) berapakah jumlah wanita yang telah menjadi mangsa dalam kes-kes jenayah pada tahun 2005 dan berikan pecahan jenis kes-kes ini.

**Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri [Dato' Mohd Johari bin Baharum]:** Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, antara langkah-langkah segera dan konkrit yang diambil oleh kementerian melalui PDRM dalam usaha membanteras dan menghalang peningkatan kes-kes jenayah terhadap kaum wanita di negara ini adalah seperti berikut:

- (i) sentiasa membuat rondaan di kawasan-kawasan yang dikenal pasti berlaku jenayah;

- (ii) mempertingkatkan tahap kecekapan dan mekanisme serta sistem pencegahan jenayah melibatkan kereta peronda, ronda bit, operasi cegah jenayah dan sebagainya;
- (iii) mempertingkatkan lagi usaha pencegahan jenayah dengan mengadakan kerjasama dengan Pihak Berkuasa Tempatan seperti memantau pihak PDRM melalui kamera CCTV;
- (iv) mengadakan kempen pencegahan dan kesedaran di agensi kerajaan dan badan-badan bukan kerajaan;
- (v) memberi maklumat dan input melalui ceramah, seminar, bengkel dan pameran di sekolah-sekolah dan institut pengajian tinggi;
- (vi) menggalakkan masyarakat terutamanya wanita mempelajari seni mempertahankan diri; dan
- (vii) memberi sesi kaunseling kepada mangsa-mangsa dan saksi terutama kes-kes yang melibatkan wanita.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 2005 sebanyak 6,227 kes telah direkodkan bagi jenayah yang melibatkan wanita. Kes-kes jenayah yang berkaitan adalah melibatkan rogol, cabul, liwat, keganasan rumah tangga dan bunuh.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan, semalam kita baca dalam surat khabar bahawa seorang wanita semasa berada di *petrol station*, pergi ke *toilet* dengan anaknya. Dia telah dibelasah oleh beberapa lelaki hingga menyebabkan dia keguguran bayinya. Ini saya berasa sesuatu yang mengecewakan.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Di Johor.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Di Johor Bahru.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Di mana dia kata bukan *Cowboy Town*.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Bukan *Cowboy Town* [Ketawa] [Dewan riuh]

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Bukan *Cowboy Town*.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Apakah ..... saya tahu pemantauan yang telah dibuat oleh kerajaan. Saya rasa ..... tetapi tidak cukup untuk mengatasi masalah-masalah seperti ini dan mustahak sekali adalah di balai-balai polis di mana kes-kes rogol, apabila pengaduan dibuat, bukan dimulakan siasat oleh seorang wanita tetapi oleh beberapa lelaki. Walaupun kerajaan telah memberi perjanjian bahawa mereka akan melantik pegawai-pegawai polis wanita untuk menyiasat. Apakah tindakan atau

yang telah diambil supaya kesemua balai polis di negara ini kita mesti sekurang-kurangnya ada seorang pegawai polis wanita untuk menyiasat kes-kes rogol. Terima kasih.

**Dato' Mohd Johari bin Baharum:** Yang Berhormat bagi Ipoh Barat, saya ingin menjelaskan di sini berkenaan dengan kes rogol, tahun lepas iaitu tahun 2005 kita ada 1,931 kes rogol. Daripada jumlah itu, 1,644 kes dapat diselesaikan iaitu 85%. Mungkin kes Yang Berhormat sebutkan itu adalah sebahagian daripada kes.

Sebenarnya kes-kes yang melibatkan wanita daripada kes cabul umpamanya, tahun lepas kita ada 1,742 kes. Daripada situ, 1,303 kes dapat diselesaikan iaitu 74%. Kes liwat 71 dan kita dapat selesaikan 58 iaitu 81%. Kes keganasan rumah tangga dua ribu empat ratus.....

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** *[Menyampuk]*

**Dato' Mohd Johari bin Baharum:** ..... saya hendak berita tahu, Yang Berhormat dengarlah.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Hendak tanya. Ini soalan hendak bertanya. Saya hendak tanya.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Soalan saya adalah mengenai pegawai. Adakah semua pegawai ada di semua balai-balai polis.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Jawab apa yang ditanya. Apa ini soalan tambahan pun jawapan tidak ada disediakan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

**Dato' Mohd Johari bin Baharum:** Yang Berhormat duduklah. Duduklah.

**Seorang Ahli:** Timbalan Menteri tunjuk garang sedikit. Tunjuk garang sedikit.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Beritahu jawapanlah.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Ya. Jawab soalan yang pertama, bahagian yang pertama. *[Dewan riuh]*

**Seorang Ahli:** Tunjuk garang sedikit. Tunjuk garang sedikit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

**Seorang Ahli:** Ini sudah melampau. Budi bahasa. Budi Bahasa.

**Dato' Mohd Johari bin Baharum:** Duduk, saya hendak jawab. Yang Berhormat duduk. Kes rumah tangga, daripada kes itu 2,439 kes.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Apa ini.

**Dato' Mohd Johari bin Baharum:** Kita dapat selesaikan semua kes. Kes bunuh 94 kes, 67 kes dapat diselesaikan melibat ..... duduk.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** [*Masih berdiri dan membantah – bercakap tanpa pembesar suara*]

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Tuan Yang di-Pertua, soalan jawapan bertulis boleh bagi kepada saya.

**Dato' Mohd Johari bin Baharum:** Dengarlah .....

**Seorang Ahli:** Dengarlah dahulu Ipoh Barat.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Boleh jawab atau tidak boleh jawab?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Boleh jawab secara bertulislah.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Kes yang berlaku di tandas.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Bukan saya tanya dengan spesifik dia tidak jawab.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** [*Masih membantah*]

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Soalan tambahan. Soalan spesifik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat. Soalan tadi Yang Berhormat hendak minta tambah apa ini, pegawai wanita.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Kita mahu jawapan terus, jangan buang masa Yang Berhormat.

**Dato' Mohd. Johari bin Baharum:** Saya tidak boleh jawab secara spesifik kes yang berlaku di tandas semalam. Itu sekarang ini mungkin dalam siasatan polis. Bila *report* dengan polis, polis akan siasat dan kes-kes ini di atas kes-kes yang terdapat kita selesaikan tahun lepas. *You* ambil kes *isolated* satu-satu kes itu susahlah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukuplah Yang Berhormat, cukuplah, tidak usah jawablah.

**Dato' Mohd. Johari bin Baharum:** Jadi kalau *you* hendak buat macam itu susah.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Pegawai-pegawai...

**Dato' Mohd. Johari bin Baharum:** Pegawai-pegawai polis sekarang ini boleh dikatakan tiap-tiap balai polis kita ada pegawai-pegawai wanita untuk menjalankan siasatan kepada kaum wanita. Ok.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik. Tebrau.

**Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Adakah kementerian bercadang mengambil dan merekodkan DNA

penjenayah untuk tujuan memantau dalam kes wanita yang bernama Ms. Siong dipukul oleh tiga orang peragut itu berlaku di kawasan saya.

**Beberapa Ahli:** [*Menyampuk*]

**Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]:** Ok. *You please keep quiet.* [*Riuh dengan ketawa*]

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** [*Menyampuk*]

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** [*Menyampuk*] Cakap sahajalah.

**Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]:** Bukit Mertajam *keep quiet.*

**Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]:** Ok. Ini memandangkan cara penjenayah melakukan jenayah itu semakin kejam. Sudah semakin kejam, jadi kita memerlukan satu, peragut-peragut negara ini perlukan satu hukuman yang seberat-beratnya dan mereka memerlukan hukuman secara *deterrent* dengan izinnya. Soalan saya apakah PDRM sudah menggunakan teknologi DNA untuk mendakwa suspek-suspek peragut khususnya mereka yang telah melakukan jenayah yang serius hampir sama dengan *culpable homicide* ataupun *manslaughter*. Terima kasih.

**Beberapa Ahli:** [*Membuat bising*]

**Dato' Mohd. Johari bin Baharum:** Yang Berhormat berkenaan dengan kes-kes seperti ini agak spesifik. Jadi saya kerana kes ini berlaku semalam jadi saya dapat maklumat daripada polis dan saya akan maklum kepada Yang Berhormat dengan *detail*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Soalan daripada Yang Berhormat Muar.

**5. Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]** minta Perdana Menteri menyatakan apakah dasar kerajaan dan sekatan yang dikenakan bagi pemilikan asing di dalam perniagaan dan hartanah sama ada individu atau syarikat di negara kita.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman]:** Tuan Yang di-Pertua, kepentingan asing dibenarkan untuk memiliki hartanah dan kepentingan ekuiti dalam syarikat tempatan tertakluk kepada garis panduan mengenai perolehan hartanah oleh kepentingan tempatan dan asing dan garis panduan mengenai perolehan kepentingan penggabungan dan pengambilalihan oleh kepentingan tempatan dan asing.

Jawatankuasa Pelaburan Asing atau FIC secara umumnya sebarang cadangan perolehan ekuiti oleh kepentingan asing dalam syarikat tempatan yang bernilai RM10 juta atau lebih perlu mendapatkan kelulusan FIC. Cadangan perolehan ekuiti oleh

kepentingan asing dalam syarikat tempatan yang diluluskan oleh FIC adalah tertakluk kepada syarat-syarat:

- (i) syarat ekuiti syarikat dikehendaki mengadakan atau meningkatkan ekuiti bumiputera ke tahap sekurang-kurangnya 30%. Baki ekuiti 70% bolehlah dipegang secara bersama oleh mana-mana kepentingan lain;
- (ii) syarat modal syer. Syarikat tempatan yang dimiliki oleh kepentingan asing hendaklah meningkatkan modal berbayar kepada sekurang-kurangnya RM250 ribu. Peraturan asas dalam pemilikan hartanah oleh kepentingan asing mengikut garis panduan FIC ialah harga hartanah tersebut mestilah melebihi RM150 ribu. Syarat yang dikenakan bagi perolehan hartanah oleh kepentingan asing adalah seperti berikut:
  - (a) Unit kediaman tidak dikenakan sebarang syarat selain harga.
  - (b) Unit komersial harga kurang daripada RM10 juta sekiranya perolehan tersebut adalah untuk pelaburan hartanah tersebut hendaklah didaftarkan di bawah syarikat tempatan.
  - (c) Hartanah industri tanpa had harga tetapi tertakluk kepada syarat ekuiti dan syarat modal syer.
  - (d) Hartanah yang bernilai RM10 juta dan ke atas tertakluk kepada syarat ekuiti dan syarat modal syer.

Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Alor Star.

**Dato' Chor Chee Heung [Alor Star]:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan apa yang telah dijelaskan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih tetapi saya ingin bertanya, yang pertama dalam jawapan Yang Berhormat, Yang Berhormat menyebut tentang garis panduan dari FIC (*Foreign Investment Committee*) jika kita sebut garis panduan sama ada garis panduan ini mempunyai kuasa di sisi undang-undang. Kalau pihak asing ingin memperoleh harta benda atau hartanah bukan harta benda, hartanah melebihi atau kurang daripada RM150 ribu rumah kediaman. Kalau tidak meminta kebenaran di

bawah FIC ini sebab memandangkan ini adalah garis panduan sahaja. Apakah keputusan akan di ambil di Pejabat Tanah atau di mana-mana?

Kedua, adakah semua garis panduan ini adalah secara tetap atau akan dikaji semula dari semasa ke semasa sebab saya sentiasa menerima aduan daripada pihak asing. Mengikut mereka ini, beberapa tahun yang lepas mereka diberitahu kata syarat-syarat tertentu telah pun macam itu... bila mereka *proceed* untuk beli hartanah mereka tidak diberikan kebenaran oleh sebab syarat telah pun ditukar. Sama ada adakah syarat-syarat ini ditetapkan ataupun dikaji dari semasa ke semasa? Sekian, terima kasih.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman:** Terima kasih Yang Berhormat, sebenarnya dari segi garis panduan FIC kita juga memastikan bahawa terdapat sekatan-sekatan tertentu yang dibuat dengan tujuan bagi melindungi hartanah-hartanah tertentu daripada dimiliki oleh kepentingan asing. Ini penting dari segi dasar negara kita. Sebab itu kepentingan asing tidak dibenarkan. Ini sekatan tidak dibenarkan:

- (i) semua hartanah di bawah kategori kos rendah. Ini tersebut seperti Yang Berhormat katakan tadi dan sederhana rendah seperti yang ditetapkan oleh pihak berkuasa negeri. Ini kuasa kerajaan negeri;
- (ii) semua hartanah di atas yang di atas tanah *reserve* Melayu. Jadi kita ada sekatan. Hartanah yang telah diperuntukkan pada bumiputera umpamanya untuk kuota bumiputera dalam sesuatu projek pembangunan hartanah seperti yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa kerajaan negeri;
- (iii) gerai dan bengkel perkhidmatan. Seterusnya tanah pertanian dan dibangunkan berasaskan konsep *home stay*.

Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Muar.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman:** Minta maaf, yang kedua tadi tentang sama ada di tetapkan dari segi syarat-syaratnya. Memang Jawatankuasa FIC ini, perkara pertama sekali yang dilihat ialah mesti kepentingan tempatan di ambil kira dan ia memberi sumbangan kepada pembangunan ekonomi negara kita. Oleh sebab itu FIC memang dari masa ke semasa sentiasa mengkaji dan memperbaiki syarat-syarat yang telah ditetapkan yang terlebih awal.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Muar sila.

**Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kita tahu tindakan kerajaan adalah untuk merangsang dan menarik pelabur, seterusnya merangsang ekonomi negara dan kadang kala untuk menjayakan program-program seperti *Malaysia My Second Home*. Keyakinan ini perlu diberikan bahawa kita mengamalkan dasar yang terbuka dari segi pemilikan ekuiti asing.

Walau bagaimanapun, soalan tambahan saya, hari ini kita lihat ada kuasa diberikan kepada MITI umpamanya untuk memberikan kelulusan kepada pelaburan tertentu dengan taraf *pioneer* dan sebagainya. Kerajaan negeri juga diberikan kuasa untuk membuat keputusan. Badan manakah yang menyelaras keputusan-keputusan yang dibuat oleh agensi-agensi yang berasingan ini kerana kita khuatir satu hari nanti semuanya sudah dijual. agaknya, kalau tidak dipantau secara berpusat.

Begitu juga saya ingin tahu, hari ini kita tengok hotel dimiliki oleh orang asing dan tentang kenyataan 250,000 untuk rumah kos rendah. Saya rasa orang asing ini dia tidak beli rumah kos rendah. Kita risaukan kalau di Kuala Lumpur tidak ada 250,000 atau 150,000 untuk dimiliki. Adakah semua ini boleh dimiliki oleh orang asing?

Soalan kedua saya, Tuan Yang di-Pertua, berapakah jumlah yang direkodkan sehingga hari ini yang dimiliki oleh orang asing ataupun syarikat asing sama ada dalam sektor hartanah atau dalam sektor perniagaan. Terima kasih.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan pertama agensi menyelaras tadi, kalau kita lihat bahawa FIC ini dianggotai oleh EPU, juga dianggotai oleh MITI, Bank Negara dan juga lain-lain termasuk Kementerian Kewangan dan sebagainya. FIC ini sudah cukup mantap untuk memastikan bahawa penyelarasan dari segi pelaburan ini dapat dilihat pada setiap kali mereka berjumpa atau menguruskan FIC ini.

Mengenai pertanyaan kedua oleh Yang Berhormat tadi tidaklah dapat saya sebut tentang individu-individu tertentu tetapi memadai kalau saya katakan bahawa dari segi pelaburan asing melalui FIC yang kita buat ini, dalam tahun 2005 dari segi aset tetap atau hartanah negara yang banyak sekali menyertainya ialah:

- (i) Singapura iaitu sekitar RM492 juta; kemudian
- (ii) Amerika Syarikat sebanyak RM319 juta;
- (iii) Afghanistan – ini adalah satu senario yang baik di mana ia ditempatkan yang ketiga iaitu RM261 juta.

Dari segi *share* ataupun perolehan:



- (i) Netherlands merupakan yang terbanyak sekali di mana RM793 juta nilainya;
- (ii) Amerika Syarikat - RM754 juta; dan
- (iii) United Kingdom sebanyak RM346 juta.

Itu adalah secara kasar yang dapat saya maklumkan kepada Yang Berhormat tetapi kita dapat hingga 10 ataupun 12 negara mengikut pelaburan masing-masing.

**6. Tuan Hashim bin Jahaya [Kuala Kedah]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan jumlah rumah-rumah kediaman yang ditukar kepada premis-premis perniagaan dan motel-motel. Apakah langkah-langkah yang akan dan sedang dilaksanakan oleh kementerian bagi mengatasi premis-premis sebegini yang tidak berlesen dan menjadi pusat maksiat di bandar-bandar seluruh negara.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Robert Lau Hoi Chew]:** Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kepada laporan yang diterima oleh kementerian saya sehingga 17 Mac 2006, terdapat sejumlah 3,878 buah rumah kediaman telah ditukar kegunaan bagi maksud perniagaan dan motel. Kegunaan rumah kediaman bagi maksud perniagaan dan motel adalah tertakluk kepada Undang-undang Kecil Tred, Perniagaan dan Industri, dari segi lesen premis-premis dan Kanun Tanah Negara dari segi syarat kegunaan tanah. Asas pertimbangan yang lain bagi membenarkan rumah kediaman digunakan untuk maksud perniagaan adalah dari segi *joining*, sama ada kawasan tersebut *dijointkan* sebagai kawasan komersial ataupun tidak.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya sesuatu premis didapati beroperasi tanpa lesen ataupun menyalahi syarat-syarat lesen seperti menjalankan aktiviti-aktiviti maksiat, maka PBT akan mengambil tindakan seperti menyita, mengenakan kompaun, menarik balik lesen dan sebagainya. Pada kebiasaannya bagi membanteras aktiviti-aktiviti maksiat, PBT akan bertindak secara bersepadu bersama agensi-agensinya penguat kuasa yang lain seperti polis, Jabatan Imigresen, Jabatan Agama Islam Negeri dan lain-lain. Sekian.

**Tuan Hashim bin Jahaya [Kuala Kedah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Berkenaan dengan premis-premis yang telah diberi lesen ataupun yang tidak diberi lesen, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa buat masa ini ada banyak premis sama ada berlesen ataupun tidak yang digunakan untuk penginapan para pelancong asing? Dan, daripada

sini juga dijadikan pusat perkhidmatan pelacuran terutama sekali oleh pelancong-pelancong dari negara-negara asing yang mencemarkan imej negara kita.

Jadi, apakah tahap pemantauan sebenarnya dan juga penguatkuasaan bagi mengatasi masalah ini yang dilakukan oleh PBT seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi.

**Datuk Robert Lau Hoi Chew:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Kuala Kedah. Ini bergantung kepada pemantauan yang diberikan oleh PBT di seluruh negara kita dan bergantung pada kesungguhan YDP masing-masing. Tentang rumah-rumah kediaman yang digunakan bagi tujuan kediaman pelancong asing, kalau mereka tidak mendapat lesen tentulah ini akan dikenakan tindakan oleh PBT. Tetapi saya rasa kalau bagi kediaman famili bolehlah memohon kepada PBT untuk mereka timbang sama ada boleh atau tidak rumah kediaman mereka memberikan *accommodation* yang murah kepada pelancong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Mambong.

**Dr. James Dawos Mamit [Mambong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya nampak di kawasan-kawasan perumahan di Kuching banyak rumah digunakan untuk tapak semaian kerana mereka ini menjual tanaman hiasan dan bunga-bunga. Jika ia digunakan untuk tapak semaian, ini bermakna mereka menggunakan racun-racun serangga untuk menyembur tanaman-tanaman mereka. Ini sangat membahayakan penghuni di rumah-rumah berdekatan.

Saya ingin bertanya, apakah aktiviti-aktiviti perniagaan yang dibenarkan oleh PBT di kawasan-kawasan perumahan ataupun memang tidak dibenarkan. Mohon jawapan. Terima kasih.

**Datuk Robert Lau Hoi Chew:** Terima kasih, Yang Berhormat bagi Mambong. Semasa saya menjadi seorang YDP, di PBT Sarawak saya pun pernah menerima aduan dari rakyat tentang rumah kediaman digunakan untuk tempat sembahyang.

Walaupun PBT ada garis panduan, ditambah pula syarat-syarat untuk pembeli tanah iaitu untuk kediaman, *resident*, dengan izin, jangan digunakan oleh mana-mana pihak sebagai tempat sembahyang. Tetapi saya difahamkan bahawa PBT di seluruh negara kita telah memberikan tindakan ke atas rayuan ketua masyarakat atau dari badan-badan agama supaya...

**Dr. James Dawos Mamit [Mambong]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Mambong bangun.

**Dr. James Dawos Mamit [Mambong]:** Penjelasan, penjelasan. Yang Berhormat Timbalan Menteri, bukan tempat sembahyang, tapak semaian ataupun *nursery* [Ketawa] untuk menanam bunga-bunga dan tumbuh-tumbuhan kerana mereka menggunakan racun serangga.

**Datuk Robert Lau Hoi Chew:** *Nursery, nursery, ya, ya.* Itu juga ada syarat-syaratnya. Ada syarat-syarat tentang menggunakan satu kediaman untuk *nursery*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, tadi itu memang jauh berbeza.

**Datuk Robert Lau Hoi Chew:** Tetapi tadi dia kata sembahyang, saya kata sembahyanglah. [Ketawa] Okey, itu harus ikut syarat-syarat PBT dan tambah pula lain-lain badan atau agensi seperti Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Sekian.

7. **Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) berapa ramai tenaga kerja di Petronas yang menggunakan khidmat rakyat tempatan di seluruh negara terutama di Bahagian Bintulu; dan
- (b) berapakah jumlah yang menjawat jawatan tinggi (eksekutif) yang terdiri daripada rakyat tempatan dan luar negara.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat Mac 2006, tenaga kerja Petronas di seluruh negara adalah 18,689 orang yang mana 96% terdiri daripada rakyat Malaysia dan jumlah kakitangan Petronas di Bintulu pula adalah seramai 1,653 orang atau 8.8% daripada keseluruhan tenaga pekerja Petronas. Daripada jumlah tersebut, seramai 1,622 orang atau 98% terdiri daripada rakyat Malaysia manakala selebihnya 2% lagi adalah warga luar negara. Sementara itu daripada jumlah kakitangan Petronas di Bintulu, seramai 519 orang menjawat jawatan eksekutif. Daripada jumlah ini, seramai 489 orang atau 94% adalah rakyat Malaysia dan bakinya adalah rakyat luar negara.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua di atas jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Nampaknya jawapan memang sudah diberi tetapi masalah ini saya ada beritahu soal di seluruh negara terutama sekali di Bintulu ini. Saya nampak ada pekerja-pekerja ini dari negara

kita memang ada tenaga tempatan yang boleh dan mampu memegang jawatan itu tetapi peluang tidak diberi.

Baru-baru ini kita pun sudah ada nampak di surat khabar dalam Utusan Malaysia *on the 6 February 2006*, mengatakan jumlah graduan yang menganggur adalah seramai 59,250 orang di seluruh negara. Soalan tambahan, bolehkah mereka yang menganggur ditawarkan bekerja di agensi milik Petronas terutama sekali bagi jawatan yang dipegang oleh warga asing walaupun mereka mempunyai kelulusan yang berlainan dan adakah pihak Petronas mempunyai rancangan tertentu untuk turut sama dalam membantu graduan-graduan yang menganggur ini. Sekian, terima kasih.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman:** Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang kita maklum bahawa jawatan-jawatan tertinggi di dalam Petronas kebanyakannya memerlukan kepakaran yang tertentu. Sebab itu Petronas akan sentiasa terbuka untuk mengambil mereka yang mempunyai kepakaran-kepakaran yang sesuai dengan keperluan Petronas sendiri. Tetapi sebagai makluman kepada Yang Berhormat, yang Petronas ambil sebahagian kecil, yang saya sebutkan tadi ialah bukan di peringkat eksekutif tetapi di peringkat *technician*, kita kata. Ini yang memerlukan kepakaran, umpamanya memerlukan kepakaran menyelam dan kebanyakan mereka ini memang berkebolehan tertentu dan mereka berasal dari Filipina dan juga Indonesia.

Jadi di peringkat eksekutif memang keseluruhannya adalah rakyat tempatan. Jika keperluan bagi graduan-graduan yang tertentu sesuai dengan Petronas dan Petronas mempunyai kekosongan, insya-Allah kita sentiasa memberi pertimbangan kepada perkara tersebut.

**Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, Petronas telah beroperasi lebih kurang 30 tahun. Dalam sektor cari gali minyak sebagai contoh, adakah Petronas mendapat apa yang dikatakan perpindahan teknologi daripada kepakaran asing. Sudah 30 tahun kita beroperasi. Misalnya kita jumpa satu lagi kolam di Malaysia, adakah Petronas dengan tenaga yang ada pada hari ini, dengan kursus kejuruteraan petroleumnya yang ditawarkan oleh UTM dan graduan yang kita hantar ke luar negara, adakah Petronas setelah 30 tahun kita ada kepakaran cari gali tanpa kita mendapat bantuan lagi daripada kepakaran asing? Terima kasih.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman:** Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang kita semua maklum, Petronas adalah merupakan satu syarikat bukan sahaja dapat melaksanakan tugasnya di sekitar negara kita tetapi telah mendapat kepujian, bahkan

mendapat jemputan daripada syarikat-syarikat daripada luar negara. Ini membuktikan bahawa Petronas bukan sahaja berkesanggupan untuk mencari gali di dalam negara kita tetapi juga di seluruh dunia dan dengan hal yang demikian apa yang ditanyakan oleh Yang Berhormat tadi, hampir keseluruhannya pegawai dan kakitangan yang berkemahiran memang adalah rakyat tempatan ataupun warganegara kita tetapi sedikit daripada itu kita perlu warga asing. Ini adalah dengan tujuan untuk memastikan ada galakan juga kepada pegawai-pegawai dan kakitangan kita bersaing dengan pihak yang di luar itu.

8. **Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]** minta Menteri Kesihatan menyatakan perkembangan usaha-usaha kementerian untuk memperkenalkan Skim Insurans Kesihatan Kebangsaan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' Lee Kah Choon]:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan menerusi Unit Perancangan Ekonomi (UPE) di Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Kesihatan telah mengkaji pelaksanaan bagi mewujudkan mekanisme pembiayaan kesihatan yang bersesuaian untuk negara. Pelbagai model termasuk pengalaman luar negara sedang diteliti. Di samping itu laporan daripada beberapa kajian yang telah dikomisenkan oleh Unit Perancangan Ekonomi juga diambil kira.

Perancangan sistem ini juga mengambil kira input atau maklum balas dari pelbagai pihak termasuklah dari sektor awam, swasta dan badan bukan kerajaan. Kerajaan telah melantik firma perunding antarabangsa dan dibantu oleh firma tempatan yang dianggotai oleh pakar perunding tempatan dan antarabangsa yang berpengalaman di dalam aspek pembiayaan untuk mengkaji secara terperinci pelaksanaan mekanisme pembiayaan kesihatan negara.

Kajian ini akan dibuat selama 12 hingga 15 bulan. Aspek yang dikaji termasuklah mengenai kadar dan had caruman mekanisme bayaran kepada para pembekal perkhidmatan kesihatan, pakej faedah perkhidmatan kesihatan, impak kepada sistem kesihatan dan negara, aspek perundangan dan sebagainya. Maklumat terperinci mengenai perkara ini, termasuklah tarikh pelaksanaannya belum dimuktamadkan lagi. Perancangan pengwujudan mekanisme pembiayaan kesihatan negara ini perlu dibuat dengan teliti dan kerajaan bersedia mendengar pandangan dari semua pihak, sekian.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Nampaknya, walaupun sudah

beberapa tahun kita mendengar ura-ura kerajaan untuk melaksanakan suatu skim insurans kesihatan, tetapi jelas daripada apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, walaupun kajian sedang berjalan, tetapi kerajaan masih lagi belum membuat keputusan yang muktamad tentang bagaimana ianya hendak dijalankan dan bila ia hendak dijalankan. Ini saya kira suatu pendirian yang boleh kita anggap sebagai munasabah kerana kita bimbang kalau-kalau ia diisytiharkan lebih awal, seperti kes GST yang mana ada tarikhnya ataupun kes pengurangan defisit belanjawan tetapi tidak terlaksana dan nampaknya tidak mungkin akan dapat dilaksanakan.

Dalam kes kesihatan ini, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, adakah kita berwaspada supaya dalam pengalaman yang telah kita lalui di mana dalam kes kesihatan, penswastaan telah berlaku, syarikat-syarikat kesihatan telah diberikan penswastaan yang lumayan, tetapi akhirnya syarikat tersebut, hartanah tersebut, hospital tersebut, dijual kepada negara-negara asing dan yang untung hanyalah syarikat *ECM Libra* yang menjadi jurujual kepada segala proses ini. Jadi saya pohon kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen untuk memastikan apa-apa rancangan sekalipun dan pohon penjelasan ia tidak akan menyusahkan rakyat dan ia tidak akan akhirnya bererti penjualan harta negara kepada negara asing. Pohon penjelasan.

**Dato' Lee Kah Choon:** Terima kasih Yang Berhormat. Pengalaman yang dikatakan tadi itu, kita akan ambil iktibar dan kita akan ambil berat dan seperti yang dikatakan, skim yang kita akan jalankan ini yang di antara matlamatnya adalah kita tidak akan menyusahkan pihak pencarum iaitu pihak rakyat. Sekian.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Kota Melaka.

**Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya rasa skim insurans ini adalah satu konsep yang baik. Tapi saya ada sedikit kekhawatiran. Setakat manakah, soalan tambahan saya, setakat manakah kerajaan boleh memberikan jaminan bahawa golongan rakyat kita yang termiskin di negara kita ini masih boleh lagi menikmati perkhidmatan kesihatan yang percuma, sekian.

**Dato' Lee Kah Choon:** Terima kasih Yang Berhormat. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, apabila kita membuat kajian, keputusannya adalah jikalau sistem yang baru, yang akan gantikan sistem yang sedia ada ini, dia mesti adalah satu sistem yang terbaik, lebih baik daripada sistem sedia ada. Jikalau kita dapati, sistem yang baru

ini, dia tidak mencapai matlamat itu, kita tidak akan guna pakai sistem yang baru yang kita katakan itu. Sekian.

9. **Datuk Seri Panglima Mohd. Salleh bin Tun Said [Kota Belud]** minta Perdana Menteri menyatakan bilangan umat Islam yang memohon untuk ke Tanah Suci bagi tahun 2005. Dari bilangan tersebut berapakah jemaah yang berjaya dan yang masih dalam senarai menunggu untuk menunaikan haji pada tahun 2006. Apakah kriteria yang digunakan oleh pihak Tabung Haji untuk membolehkan seseorang pemohon ditawarkan tempat ke Tanah Suci pada tahun ini serta tempoh menunggu sebelum menunaikan ibadah Haji.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim]:** Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, bilangan permohonan untuk menunaikan fardu haji bagi tahun 2005 yang lalu melebihi daripada kuota rasmi jemaah haji Malaysia, iaitu sebanyak 26,000 orang. Bilangan yang melebihi kuota tersebut, ditangguh pemergian haji mereka pada musim haji 2006.

Pada masa ini, seramai 183,500 orang telah mendaftar untuk menunaikan fardu haji. Sebahagian mereka telah bersetuju untuk pergi menunaikan haji mengikut tahun yang ditentukan berasaskan sistem kuota dan tarikh daftar haji masing-masing. Sebahagian lagi pula, membuat rayuan menunaikan haji mengikut tahun pilihan. Oleh itu, bagi membolehkan Tabung Haji membuat pilihan yang adil, Tabung Haji mengekalkan dasar yang dahulu, didahulukan berasaskan tarikh dan waktu pendaftaran. Dalam masa yang sama, pertimbangan khas diberikan kepada mereka yang lanjut usia iaitu 70 tahun ke atas. Berasaskan kuota haji sekarang, iaitu 26,000 dan jumlah yang memohon bermakna setiap orang yang mendaftar perlu menunggu bagi tempoh 7 tahun. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa cukup untuk soal jawab.

***[Masa bagi pertanyaan-pertanyaan Jawab Lisan telah tamat]***

**USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN  
MESYUARAT 18(1)**

**Isu Perundingan Perdagangan Antarabangsa yang melibatkan Malaysia  
dan Amerika Syarikat melalui Perjanjian Perdagangan Bebas, FDA**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat sila.  
**11.05 pagi.**

**Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]:** Bismillahir Rahmanir Rahim, Tuan Yang di-Pertua. Saya Salahuddin Ayub, Kubang Kerian mohon mencadangkan bahawa mesyuarat ini hendaklah ditangguhkan bagi membolehkan Dewan yang mulia ini merundingkan isu Perundingan Perdagangan Antarabangsa yang melibatkan Malaysia dan Amerika Syarikat melalui Perjanjian Perdagangan Bebas, FDA.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia dan Amerika Syarikat telah mengumumkan hasrat untuk memulakan rundingan hubungan perdagangan dua hala melalui FDA. Ia dihadiri oleh pegawai kanan Amerika Syarikat, termasuk Wakil Perdagangan Rob Portmandan beberapa ahli kongres Amerika Syarikat. Delegasi Malaysia pula diketuai oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa Dato' Seri Rafidah Aziz, dan pastinya mendapat restu daripada Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi.

Bekas Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr. Mahathir Mohamad telah mengingatkan kerajaan Malaysia supaya berwaspada dalam hubungan FDA dengan Amerika Syarikat kerana ia boleh mendatangkan kesan buruk kepada negara. Amerika Syarikat sangat berminat terhadap perolehan kerajaan yang digunakan bagi memperbetulkan ketidakseimbangan di bawah Dasar Ekonomi Baru (DEB), dan mahu mendapatkan akses daripadanya. Ingatan daripada bekas Perdana Menteri itu perlu diperhatikan kerana dasar kuasa besar seperti Amerika Syarikat akan menggunakan pintu belakang dalam memeterai perjanjian dengan negara sedang membangun seperti Malaysia.

Rekod amalan dagang Amerika Syarikat, sokongan luar biasa senat dan kongres membuktikan sikap membuli dan khianat yang dialami oleh negara-negara yang telah menandatangani FDA dengan Amerika Syarikat seperti Australia, Peru dan beberapa negara Amerika Latin. Pembatalan kontrak penyelenggaraan pelaburan Amerika Syarikat oleh sebuah syarikat yang berpangkalan di Dubai. Dubai Ports World adalah contoh



yang sangat jelas. Pakar undang-undang, *Third World Network*, yang berpusat di Pulau Pinang, Sanya Reid Smith dan aktivis sosial Cikgu Azmi Abdul Hamid, menyifatkan FDA sebagai penjajahan ekonomi Amerika Syarikat terhadap Malaysia. Amerika bukan sahaja akan menguasai ekonomi dalam bidang pertanian, perindustrian dan perkhidmatan, tetapi dalam sektor strategik seperti keselamatan dan pendidikan.

Tuan Yang di-Pertua, Parlimen Malaysia berhak untuk diberitahu apakah isi rundingan yang sedang berlaku dan Parlimen juga seharusnya membahaskan secara terperinci baik buruknya FDA ini demi masa depan negara. Pada saya FDA adalah musuh negara, musuh rakyat dan hanya kerajaan rakyat yang berdaulat sahajalah yang akan bangkit, bangun untuk menolak FDA ini demi untuk masa depan negara. Sekian, saya mencadang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu pemberitahu Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) daripada Yang Berhormat Ahli kawasan Kubang Kerian pada hari Isnin, 10 April 2006 yang lalu. Teks Usul itu adalah seperti yang dibacakan oleh Ahli Yang Berhormat itu sebentar tadi.

Bagi membolehkan perkara ini ditimbang oleh Majlis Mesyuarat pada hari ini, saya sebagai Tuan Yang di-Pertua hendaklah berpuas hati bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu memenuhi 3 syarat:

- (i) bahawa perkara itu tertentu;
- (ii) bagi kepentingan orang ramai; dan
- (iii) ia berkehendak disegerakan.

Saya telah meneliti perkara ini dan saya dapati bahawa perkara ini perkara tertentu dan ia adalah bagi kepentingan orang ramai, walau bagaimanapun, perkara ini tidak perlu disegerakan kerana saya difahamkan bahawa Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, belum lagi memulakan proses Rundingan Perjanjian Bebas, *Free Trade Agreement*, (FTA) dengan Amerika Syarikat. Oleh yang demikian, saya menolak Usul ini di bawah peraturan mesyuarat 18(2).

## USUL

### **RANCANGAN MALAYSIA KESEMBILAN (2006 – 2010)**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

“Bahawa Dewan ini,

**menyedari** akan pertumbuhan ekonomi serta pencapaian sosioekonomi yang baik semasa pelaksanaan Rancangan Malaysia Kelapan di sebalik persekitaran global yang begitu mencabar;

**merestui** usaha kerajaan untuk melaksanakan Misi Nasional sebagai rangka dasar dan pelaksanaan pembangunan yang terdiri daripada lima teras utama bagi mencapai matlamat Wawasan 2020;

**meluluskan** Rancangan Malaysia Kesembilan yang merangkumi strategi, program dan peruntukan yang diperlukan bagi tujuan untuk merealisasikan Misi Nasional dan menjadikan Malaysia sebuah negara yang lebih maju, saksama dan bersatu padu seperti dibentang dalam Kertas Perintah CMD. 1 Tahun 2006;

**bahawa** dalam meluluskan Rancangan Malaysia Kesembilan, Dewan yang mulia ini menyeru seluruh rakyat Malaysia supaya berusaha dengan keazaman dan iltizam yang teguh untuk membangunkan negara bersama-sama kerajaan ke arah menjadi negara yang makmur, progresif, adil, berdaya tahan dan berdaya saing.” **[10 April 2006]**

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Rantau Panjang dijemput menyambung semula perbahasan. Yang Berhormat sila.

**11.10 pagi.**

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya menyambung apa yang disebut dua hari yang lepas. Dua hari yang lepas saya sempat mengemukakan satu soalan janji daripada kementerian dan hari ini ada lagi tujuh janji yang sepatutnya dijawab oleh menteri-menteri berkaitan selama lima tahun ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Berapa minit lagi Yang Berhormat?

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]:** Lagi 30 minit. Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani pada 28 Februari 2005 berjanji bahawasanya *vessel charter* buka laut dalam yang sekarang ini berada sebanyak 241 buah dan semua pekerjanya adalah pekerja asing 100%. Beliau berjanji akan menghapuskan

lesen *vessel charter* ini dalam masa tiga tahun. Saya ingin tahu setakat hari ini sudah sampai setahun lebih berapakah jumlah yang telah dikurangkan ataupun ditarik balik lesen tersebut.

Ketiga ialah penggunaan *formalin* ataupun *preservative* iaitu bahan awet yang digunakan ke atas ikan-ikan yang diimport daripada Thailand semenjak tahun 2002 lagi. Menteri berkaitan telah *passing* kepada menteri lain iaitu kepada Kementerian Kesihatan. Beliau berjanji akan menyiasat perkara ini dan saya ingin tahu sudah tiga tahun lebih hampir empat tahun janji hanya tinggal janji sahaja. Saya minta supaya perkara ini juga dijelaskan sebelum daripada Rancangan Malaysia Kesembilan ini dijalankan.

Keempat ialah Kolej Komuniti dalam Parlimen Rantau Panjang yang dijanjikan oleh menteri ini setiap Parlimen akan diberikan satu kolej komuniti. Kawasan Parlimen Rantau Panjang di Kelantan telah memberikan lima tahun yang lepas telah memberi tanah untuk diadakan kolej komuniti. Tetapi akhirnya sehingga sekarang tidak ada apa-apa kesan. Tetapi sebaliknya kolej komuniti di bandar Pasir Mas telah pun diadakan hasil daripada janji pilihan raya Pengkalan Pasir baru-baru ini.

Kelima, ialah pembinaan *cold storage* untuk menyimpan produk pertanian melalui FAMA. Dahulu dikatakan begitu banyak akan diberikan untuk dijadikan bahan-bahan pertanian daripada rakyat ini boleh disimpan melalui *cold storage*. Tetapi saya nampak di Kelantan hanya satu iaitu di Tok Bali sahaja. Lain-lain tempat saya tidak ketahui. Kenapakah perkara ini boleh berlaku berlarutan.

Keenam ialah pusat penyembelihan. Pusat penyembelihan ini merata-rata tempat ada. Di Kelantan sahaja ada lima tempat. Semenjak 15 tahun dahulu dibina terutama di kawasan saya di Gual Periuk jawapan menteri tahun lepas ialah tunggu sehingga ada alat penyujuk. Perkara ini telah berlaku 15 tahun yang lepas. Apakah Rancangan Malaysia Kesembilan ini tidak akan dapat lagi digunakan oleh rakyat di kawasan tersebut. Apa yang menyedihkan lagi ialah satu projek yang amat malang masih lagi tidak siap sehingga sekarang ini. 24 tahun masih berjalan hingga sekarang ini masih tidak siap lagi iaitu Projek Kemasin Semerak. Ia mulai berjalan semenjak tahun 1982 dengan anggaran perbelanjaan RM1.46,314. Masih lagi berjalan dan saya ingin mengetahui daripada menteri ini ke arah manakah keadaan sebenarnya Projek Kemasin Semerak ini akan peri sehingga 24 tahun masih lagi tidak siap.

Kelapan ialah masalah jalan keseban (Jalan keselamatan Malaysia - Thai) yang juga sekarang ini masih lagi belum siap. Perkara ini saya minta supaya kementerian

memberi jawapan supaya rakyat di kawasan sempadan khususnya akan dapat mengetahui bilakah jalan-jalan seperti ini akan disiapkan. Itu janji-janji yang perlu dijawab dan saya minta kalau menteri, Timbalan Menteri atau Setiausaha Parlimen tidak mahu jawab pun biarlah pegawai-pegawai kerajaan yang berada di dalam Dewan ini tolong jawab *direct* kepada saya.

Kalau menteri jawab, mungkin menteri tidak mahu jawab. Jawapan diberi oleh pegawai, tetapi menteri simpan. Menteri biasanya dia tengok dahulu, untung atau rugi. Kalau rugi dia senyap begitu. Jadi rakyat tanya saya bagaimana ini sampai 24 tahun tidak selesai. Rakyat di kawasan saya, tidak tahu di kawasan lebih teruk lagi. Itu kawasan saya jadi saya mintalah kasihan pegawai membuat jawapan tapi menteri tidak berani beri jawapan. Ini satu perkara yang malang bagi kita Ahli Parlimen sekalian.

*[Dewan menjadi gamat seketika]*

Saya hendak pergi lagi ialah hari ini saya terkejut membaca surat khabar, sebelum saya pergi jauh lagi saya ingat kepada surat khabar hari ini. Beras RM25 juta dirampas. Saya cukup terkejut perkara ini. Rakyat di kawasan sempadan khususnya kawasan rantau panjang berasa cukup gembira apabila jerung sebesar ini baru ditangkap setelah berpuluh-puluh tahun. Dahulu rakyat Kelantan bawa masuk beras satu kampil 25 kilo pun ditangkap. Ditekan habis-habisan, semua lorong-lorong tikus ditutup. Tetapi rupa-rupanya jerung RM25 juta sekali ditangkap ini. Saya minta pihak menteri yang terlibat ini pihak penguat kuasa yang terlibat ini mengambil tindakan yang tegas kepada mereka ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]:** Kalau rakyat Kelantan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Nampaknya Yang Berhormat memang suka pandang ke Yang Berhormat bagi Sepang. Pandang sinilah.

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]:** Ya, boleh. Saya kasihan tengok Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]:** *[Bangun]*

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]:** Yang Berhormat bagi Tumpat, sila.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Rantau Panjang. Itu kes beras. Tetapi Yang Berhormat tahu dan saya di kawasan juga

sempadan dengan Thailand, Tumpat pun tahu bahawa minyak petrol lagi dahsyat segala perbuatan yang mengelak daripada undang-undang dan sebagainya. Apakah ini juga perlu diberi perhatian Yang Berhormat.

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi tumpat. Masalah penyeludupan petrol dan diesel ini saya telah dedahkan di Parlimen ini. Saya dedahkan di Parlimen ini saya mengatakan bahawasanya kenapa kita menekan sangat kepada penyeludup melalui kereta-kereta kecil di sempadan. Tetapi penyeludup yang menggunakan kapal laut dalam berpuluh-puluh ribu satu kali angkut. Tetapi hingga sekarang ini pun tidak ada tangkapan yang dibuat. Saya sebut di Parlimen ini tahun lepas lagi. Kali ini berlaku seperti ini saya minta kerajaan bertindak tegas. Kalau penyeludup yang kecil dahulu dibuang daerah, dibawa ke mahkamah, di denda dan di penjara penyeludupnya apakah ini? Saya minta kalau tidak ada bukti yang jelas gunakan ISA.

**Dato' S. Veerasingam:** Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan. Boleh bagi jalan?

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]:** Menteri mahu penjelasan? Boleh.

**Dato' S. Veerasingam:** Terima kasih Yang Berhormat. Kalau ada bukti berkaitan dengan penyeludupan minyak melalui kapal-kapal beritahu kepada kementerian saya supaya kita boleh mengambil tindakan. Memang kita terus ada mengambil tindakan dan beberapa tangkapan telah dibuat. Kalau ada bukti yang tertentu tolong sampaikan kepada kementerian saya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]:** Terima kasih. Bukan ada bukti. Parlimen yang lepas saya sebut perkara ini berlaku di Pengkalan Tok Bali. Saya sebut jelas. Saya minta supaya Yang Berhormat membuat pemeriksaan habis-habisan kepada kapal-kapal laut dalam tapi tidak ada apa tindakan. Apa lagi saya hendak tunjuk? Saya hendak tunjuk kapal satu persatukah? Itu bukan kerja saya. sepatutnya kementerian tertentu arahkan kepada penguat kuasa supaya tekankan sedikit perkara ini. Tetapi nampaknya tidak ada apa-apa dan saya minta sekali lagi supaya pihak kementerian yang berkaitan ini, mereka yang berkuasa ini supaya mengambil tindakan tegas terhadap apa yang berlaku penyeludupan beras secara besar-besaran melalui kapal di Pelabuhan Klang ini.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] **mempengerusikan Mesyuarat**]

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin teruskan lagi ialah berkenaan dengan pertanian. saya tekankan berkenaan pertanian yang disebut dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini dijangka pertumbuhan sebanyak 3%. Apa yang saya hendak tahu ini ialah perkara yang saya perlu sebut di sini ialah memang apa yang dibuat oleh kerajaan sekarang ini pusat-pusat pengumpulan maklumat telah ada. *Contract farming* telah ada dan yang terbaru yang diisytiharkan oleh Perdana Menteri ialah terminal makanan negara iaitu TEMAN di Kota Bharu dan Ipoh.

Saya berterima kasih banyak kalau perkara ini betul-betul perkara ini berlaku saya terima kasih banyak dan insya-Allah pihak rakyat negeri Kelantan melalui kerajaan negeri Kelantan ini akan memberi tumpuan dan kerjasama sepenuhnya kepada pihak kementerian ini bagi menjayakan dasar pertanian negara untuk Rancangan Malaysia Kesembilan ini. Dan untuk meningkatkan lagi kualiti pengeluaran pertanian dan pemasaran hasil negara juga perlu kita tekankan di sini untuk menghasilkan produk yang menepati kualiti, dan kualiti juga perlu kita tekankan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini. Projek pertanian hendaklah memberi banyak insentif kerana kos dan risiko yang agak tinggi kalau dibandingkan dengan projek-projek lain. Ini kerana kalau di Kelantan biasanya dilanda banjir. Rakyat tanam padi, rakyat tanam sayur-sayuran tetapi apabila tiba musim banjir, habis. Ini perlu kita ambil perhatian sedikit. Bagi sedikit insentif kepada mereka petani-petani yang berada di kawasan pantai timur ini.

Di Kelantan ingin saya sebutkan kepada negeri-negeri lain khususnya menteri berkenaan walaupun saya mengetahui bahawa Menteri Pertanian khususnya melalui Timbalan Menteri Pertanian telah beri tumpuan yang banyak kepada petani-petani di Kelantan khususnya melalui projek diraja. Memang projek diraja ini di Kelantan amat berjaya. Boleh dikatakan sekarang ini setiap jajahan telah mempunyai projek-projek diraja khususnya projek pertanian ini. Kenapa projek ini berjaya? Projek Diraja ini berjaya pertama sekali ialah kerana rakyat bersatu di bawah payung Tuanku iaitu Tuanku simbol perpaduan sama ada UMNO, PAS dan parti yang lain rakyat semuanya bersatu kerana di bawah Tuanku.

Yang kedua, pegawai dan pesertanya bekerja bersungguh-sungguh. Pegawai apabila Tuanku turun ke bawah maka dia bekerja bersungguh-sungguh. Demikian juga rakyat merasa puas hati berada di bawah naungan Tuanku.

Yang ketiga ialah semua agensi negeri dan persekutuan memberi kerjasama, semua agensi. Kalau Menteri Besar melancarkan projek seperti ini mungkin orang-orang UMNO tidak mahu beri kerjasama, mungkin agensi-agensi kerajaan di bawah Kerajaan Persekutuan tidak memberi kerjasama. Tetapi apabila ke bawah Duli Maha Mulia Tuanku, turun ke bawah memantau projek ini maka semua agensi sama ada negeri atau persekutuan sama-sama membantu memberi nasihat serta melaksanakan projek Diraja ini.

Yang keempatnya tidak ada diskriminasi. Kalau Menteri Besar Kelantan membuat projek tentulah orang-orang UMNO tersingkir, kemungkinan atau kalau tidak tersingkir pun UMNO tidak mahu campur tangan. Kalau projek ini dilakukan oleh Kerajaan Persekutuan, ditajakan oleh tokoh-tokoh pemimpin UMNO, tentu sudah mereka ini mendiskriminasikan orang-orang PAS tetapi nampaknya apabila Tuanku melaksanakan, memantau projek ini kita lihat orang PAS pegawai tadbir, negeri persekutuan semuanya bersatu padu di bawah naungan ke bawah Duli Tuanku. Saya minta supaya pihak kementerian ini ajukan pula kepada negeri-negeri lain, kenapakah negeri Kelantan sahaja ada projek Diraja sedangkan negeri-negeri lain tidak ada?

Adakah ke bawah Duli Yang Mulia Tuanku raja-raja negeri lain tidak bersemangat, tidak memantau, tidak berminat dalam projek-projek pertanian dan sebagainya? Saya yakin saya percaya sultan-sultan negeri lain juga demikian cuma menteri atau pemimpin negeri itu sahaja tidak menggalakkan ke bawah Duli Yang Mulia Tuanku turun ke bawah. Ini saya minta kepada pihak kementerian...

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]:** Penjelasan Yang Berhormat penjelasan. Yang Berhormat *point of order* ingin mengait ke bawah Duli Yang Maha Mulia Raja-raja di dalam pengurusan pentadbiran ini. Raja adalah payung kepada negeri dan negara. Jadi kita janganlah melibatkan raja kedaulatan mereka itu hendaklah dipelihara. Terima kasih Yang Berhormat Rantau Panjang.

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]:** Tidak mencaci raja, saya sebut supaya raja lain juga bersifat seperti Raja Kelantan dan digalakkan oleh pihak menteri berkenaan saya tidak mencacikan raja lain. Saya sebutkan kalau Raja Kelantan boleh turun ke bawah memantau projek-projek pertanian dan sebagainya, apakah raja lain tidak boleh. Apakah itu menentang hak raja? Saya bukan kata mencaci atau tidak saya minta supaya kerajaan beri galakan sedikit.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Ledang Yang Berhormat.

**Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** *[Bangun]*

**Dato' Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin [Sik]:** *[Bangun]*

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Tiga, Yang Berhormat hendak bagi yang mana, Ledang?

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Yang Berhormat bagi Rantau Panjang, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya saya berdiri ini setelah mendengar hujah daripada Yang Berhormat bagi Rantau Panjang tentang apabila dia mengingatkan raja-raja lain. Tidak apalah tujuan dia baik tetapi Tuan Yang di-Pertua saya hendak menafikan sekeras-kerasnya, kalau beliau mengatakan bahawa raja-raja negeri-negeri lain tidak bersama-sama dengan kerajaan di dalam melaksanakan setiap dasar termasuklah dasar-dasar pertanian. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Rantau Panjang cukuplah janganlah diungkit isu tersebutlah cukuplah.

**Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang lain sila duduklah.

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]:** Ya, tidak apa, saya pergi kepada MARDI. MARDI ditubuhkan tahun 1969 dan beroperasi pada tahun 1971 lagi. Kejayaan MARDI tidak boleh dipertikaikan. Peranannya membantu mereka-mereka yang terlibat dengan industri makanan dan industri berasaskan pertanian tidak boleh dinafikan. Sebab itu, kita tidak boleh mempertikaikan kalau MARDI mempunyai ramai pegawai-pegawai dinaikkan pangkat ke JUSA tetapi malangnya tidak banyak agensi-agensy yang lain membantu atau menggunakan perkhidmatan MARDI ini. sikap tidak ada koordinasi di antara jabatan sama jabatan ini masih berterusan.

Walau bagaimanapun saya memohon kepada pihak MARDI supaya membuat penyiasatan, membuat *R&D* buat *research* lagi tentang penggunaan benih terutama kali benih tembikai, benih *honey dew*, benih *rock melon* dan sebagainya kerana benih-benih ini, bijirin-bijirin ini masih lagi diimport daripada Taiwan. Kita telah mengusahakan tanaman seperti ini 10 tahun 20 tahun dahulu tetapi bijirin-bijirin ini masih lagi kita terpaksa import daripada Taiwan. Jadi saya minta supaya MARDI selain daripada membuat *R&D* yang lain cubalah mendapatkan perkara terbaru uji.



**Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Parit.

**Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]:** Boleh Yang Berhormat bagi Rantau Panjang?

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]:** Ya.

**Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]:** Terima kasih. Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat bagi Rantau Panjang bahawa MARDI mempunyai pakar-pakar dari segi bidang pertanian ini dan yang menjadi masalahnya Yang Berhormat bagi Rantau Panjang ialah Yang Berhormat mengatakan tidak ramai berjumpa MARDI tetapi apa salahnya pegawai-pegawai penyelidik MARDI ini turun ke padang, turun ke bawah memberi maklumat kepada petani dan juga kepada penternak-penternak supaya mendapat perkhidmatan dan khidmat nasihat daripada pihak MARDI sendiri. Terima kasih.

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]:** Terima kasih. Saya harap MARDI dia tahu, MARDI dia, istilah Kelantan ialah, "Jangan cuba menggala tanah orang lain". Sepatutnya pegawai pertanianlah turun ke bawah seperti ini, MARDI ini apabila diminta khidmat nasihat baru dia turun kalau MARDI sendiri turun, apa hal dengan pegawai pertanian? Aiblah, jatuhlah dia pegawai pertanian sebab pegawai pertanian sepatutnya turun ke bawah. Maklumat itu dibawa kepada MARDI, MARDI dapat perkara-perkara yang dikehendaki baru MARDI turun. Jadi kalau MARDI turun sendiri orang akan kata "jangan menggala di tanah orang lain". Terima kasih.

Kerajaan telah memperkenalkan jenama "Malaysia Best". Sejauh mana petani-petani mematuhi Skim Akreditasi Ladang Malaysia. Kita boleh buat standard akreditasi ladang Malaysia. Apakah kita guna pakai standard antarabangsa ataupun amalan pertanian yang baik atau kod amalan antarabangsa atau pendeknya ialah KODEK. Ini perlu kita buat kajian. Kalau kita membuat, memperkenalkan satu jenama seperti jenama "Malaysia Best" tetapi kita tidak *follow up* terhadap sejauh manakah petani-petani kita, sejauh manakah rakyat kita boleh mengikuti Skim Akreditasi Ladang Malaysia ini dan saya harap perkara-perkara yang saya sebutkan ini akan menjadi satu perkara yang boleh diketengahkan boleh digunakan oleh pihak menteri kita.

**Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]:** *[Bangun]*

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]:** Ya, sila.

**Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Rantau Panjang, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita tahu pertanian merupakan

enjin ketiga dalam pembangunan negara yang diuar-uarkan oleh Perdana Menteri tetapi dalam masa yang sama Malaysia juga mengadakan rundingan dengan Amerika untuk perjanjian FTA. Saya terbaca dalam majalah berhubung dengan Perjanjian NAFTA, (*North American Free Trade Agreement*) iaitu negara-negara di Amerika Utara ini telah mengalami banyak masalah. Misalnya Mexico, 1.7 juta pekerjaan - rakyatnya telah menjadi penganggur disebabkan oleh kemasukan barangan pertanian daripada Amerika selepas perjanjian FTA ini. Jadi apakah pandangan Yang Berhormat tentang adakah kita perlu lagi kepada pertanian ini setelah FTA besok ditandatangani oleh menteri kita dengan Amerika Syarikat. Terima kasih.

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Pendang. Memang kalau kita lihat sekarang ini kita di Malaysia ini sentiasa riuh-rendah untuk menyambut khutbah daripada Amerika ini supaya negara-negara dunia ini membuka semua sekatan perdagangan iaitu melalui FTA sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Pendang tadi.

Persoalannya apakah Amerika juga membuka sekatan perniagaan mereka kepada dunia? Jawapannya ialah tidak. Contohnya Syarikat Dubai Port yang telah mencuba mengambil alih Peninsular And Oriental di mana melibatkan enam pelabuhan di Amerika iaitu New York, New Jersey, Baltimore, Philadelphia, New Orleans dan Miami. Akhirnya kongres Amerika menolak dan membatalkannya dan memaksa Dubai Port menjual semula saham kepada mereka.

Ini contoh yang jelasnya. Demikian juga nasib malang Dubai Port juga berlaku ke atas Amerika dari Singapura dan Australia yang cuba membeli syarikat telekomunikasi Baby Bell Amerika, ianya ditolak dan dibatalkan oleh kongres Amerika, ini jelas sekali.

Begitu juga kegagalan syarikat minyak daripada negeri China yang cuba membeli sebuah syarikat minyak Amerika, ia ditolak oleh kongres. Apa yang menarik perhatian saya ialah Tuan Yang di-Pertua, perkara yang besar menyentuh soal keselamatan dan strategik negara. Amerika Syarikat membawa perkara ini kepada kongres untuk mendapat persetujuan akan tetapi bagi negara kita? Kerajaan tidak bersedia mendedahkan ke Parlimen soal-soal penjualan Telekom, Pantai Holdings, FELDA, *NST*, *Star*, Bintulu Port, Tenaga Nasional dan sebagainya. Hanya satu yang saya tahu menerusi Parlimen iaitu tentang Tabung Haji Plantation yang hendak diapungkan.

Itu yang riuh di Parlimen, bangun Ahli Parlimen, macam-macam cara berdebat, supaya perkara ini tidak diapungkan di Bursa Saham tetapi akhirnya senyap-senyap habis juga. Maknanya ucapan-ucapan, bantahan-bantahan daripada Ahli Parlimen ini tidak laku, ini jelas. Macam mana? Larut, Kinabatangan, semua cakap sahaja. Kuat-kuat cakap saya ingat gempar di Parlimen ini. Menteri kata ini cakap kosonglah, tidak boleh pakai ini semua Ahli-ahli Parlimen macam ini. Apatah lagi kalau pembangkang seperti saya cakap macam ini, masuk telinga ini keluar telinga ini. Pegawai jawab, menteri wakil menteri, menteri tidak jawab juga. Inilah perangainya. Kita harap Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional supaya sedar perkara ini. Tidak cukup di Parlimen hentam hantar di pejabat lagi, cakap di pejabat lawan lagi. Kalau tidak dengar lagi jatuhkan dia daripada pemimpin UMNO, itu lagi baik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Pendang nak tumpang sekali.

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]:** Yang Berhormat lagi? Kita bagi lagi.

**Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]:** Terima kasih Rantau Panjang, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kalau di Thailand kita tengok *Shin Corporation* hendak dijual kepada *Singapore*, rakyat bangun menentang sampai Thaksin kena letak jawatan. Tetapi apakah Yang Berhormat nampak perkara ini boleh terjadi di Malaysia sehingga akhirnya semua GLC ini akan dijual kepada negara asing?

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]:** Ya, terima kasih. Memang saya bila negara sempadan Thailand, saya melihat rakyat Thailand lebih agresif. Penjualan saham, hak milik peribadi keluarga Perdana Menteri, tidak bersangkutan dengan kerajaan, rakyat bangun bangkit. Kita penjualan syarikat-syarikat bawah kerajaan ini, GLC, hanya yang bangkitnya ialah golongan-golongan pemuda PAS sahaja, UMNO hanya tengok di jendela-jendela, di tingkap-tingkap hotel sahaja. Hendak turun tidak berani, pemuda UMNO di mana? Senyap! Yang tua tidak apalah sudah tua, yang muda-muda pun tidak ada apa, senyap sahajalah. Tetapi kalaulah perkara ini berlaku ditarik balik semuanya, dia mengaku sayalah, saya juaranya, ini perangai pemuda UMNO.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab itu, saya ingin menarik perhatian Dewan ini kepada apa yang dirakamkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini, kalau kita lihat muka surat 511 dalam buku yang diberikan ini. "Ke arah arus mentadbir urus yang baik untuk pembangunan", apa yang disebutkan itu ialah:

“Amalan perniagaan beretika dan program tanggungjawab sosial korporat akan digalak untuk menambah baik tadbir urus korporat. Usaha juga akan digembleng ke arah menghapuskan peluang melakukan rasuah. Penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa.”

Disebut di situ, perkara ini saya bimbang apabila amalan memberi duit kerana projek dianggap sedekah atau derma. Amalan memberi projek kepada orang yang hampir dengan kita dianggap, “Bantulah saudara kamu yang terdekat dahulu, barulah jiran-jiran kamu”. Ini saya bimbang, takut menjadi budaya kepada pemimpin-pemimpin UMNO. Sebab itu Allah Taala berfirman; [*Membaca ayat Al-Quran*] iaitu:

*“Wahai orang-orang yang beriman, mengapa kamu kata apa yang kamu tidak lakukan”. Amat besar kemurkaan di sisi Allah Taala”.*

Ini perkara-perkara yang saya cukup takut.

Tuan Yang di-Pertua, istilah agihan kekayaan negara menjadi ungkapan yang membasahi bibir-bibir mulut pembentang dan pembahasnya. Persoalannya berlakukah sebagaimana indahnya ungkapan tersebut? Saya hendak beritahu contoh, sudah 15 tahun di Kelantan tidak menerima projek perumahan kos rendah dari Kerajaan Pusat. Tanah telah disediakan umpamanya di Rantau Panjang, 150 ekar tanah telah disediakan semenjak 15 tahun dahulu. Sewaktu Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa menjadi Timbalan Menteri Besar, beliau telah memperuntukkan 150 ekar tanah untuk projek perumahan kos rendah. Tetapi sehingga sekarang 1 sen pun tidak dapat lagi dari Kerajaan Persekutuan untuk membantu membina rumah kos rendah di Kelantan ini.

Ini perkara yang cakup tidak serupa bikin. Kenapa Kelantan tidak diberi projek tersebut sedangkan semasa berceramah, semasa berkempen, Kelantanlah negeri yang daifnya, yang rakyatnya sangat miskin dan seumpamanya. Akan tetapi masa hendak bagi bantuan, Kelantan ditiadakan. Jadi, saya mengharap Rancangan Malaysia Kesembilan ini, perumahan kos rendah yang disediakan mengalir juga untuk rakyat Kelantan seperti yang telah saya katakan di awal-awal ucapan saya tadi. Jangan main politik banyak sangat di Kelantan ini. Ini kerana kalau buat rumah kos rendah di Kelantan ini, saya rasa kalau bagi pada semua orang UMNO, miskin-miskin pun tidak apa, saya redha.

Tidak payah bagi pada PAS, biarkan orang miskin UMNO di Kelantan ini, biar senang hati dulu, lepas itu yang PAS kemudian pun tidak apa. Takut-takut orang berkata, kita bagi orang miskin pun dapat kepada PAS juga kerana fahaman daripada UMNO Kelantan tidak ada. pilih, 20% sahaja PAS, 80% bagi kepada orang UMNO,

tidak apa, saya puas hati supaya kita melihat 5 tahun, 10 tahun akan datang ini, taraf kemiskinan di Kelantan ini kurang. Biar orang PAS sahaja miskin, puas hati lagi kita. Apa yang kita lihat sekarang ini bukan orang PAS miskin, orang UMNO lebih teruk daripada orang PAS di Kelantan ini.

Saya tertarik dengan satu ucapan daripada Menteri Besar iaitu Menteri Besar Negeri Perak sewaktu dia mengambil alih daripada tangan Tuan Yang di-Pertua sekarang ini. Beliau mengatakan dalam akhbar:

*“Sewaktu saya mula mengambil alih jawatan Menteri Besar, cuma ada kira-kira 2,000 rakyat miskin tegar di negeri saya. Tetapi angka itu meningkat kepada 7,000 apabila beberapa skim membantu rakyat miskin tegar dilaksanakan”.*

Makin ramai. Saya tidak tahulah sama ada Menteri Besar dahulu lebih hebat daripada Menteri Besar sekarang. Tetapi ini disebut sendiri oleh Menteri Besar sekarang, waktu dia pegang 2,000 sahaja. Lepas itu bagi skim itu, bagi skim ini, akhir sekali meningkat 7,000 miskin. Sebab itu baru-baru ini saya lihat, waktu bantuan pelajar-pelajar miskin baru-baru ini, 90,000 di Perak, 80,000 di Kedah, rupa-rupanya saya baru tahu betul di Perak ini ramai orang miskin tegar rupa-rupanya.

Jadi, saya mintalah kepada kerajaan supaya lihat sikit perkara-perkara yang berlaku ini, jangan main politik. Bila hendak bantuan, mengaku diri mereka itu miskin, bila tidak mahu bantuan, tuduh Kelantan habis-habisan mengatakan Kelantan paling miskin. Saya lihat dalam buku, dalam muka surat 348, Jadual D, tengok buku yang diedarkan kepada kita. Iaitu pendapatan garis kemiskinan ataupun PGK, kadar kemiskinan tegar berasaskan metodologi 2005, kita tengok.

Kita tengok sini kadar kemiskinan dan kadar kemiskinan tegar. Kadar kemiskinan keseluruhan, Sabah 23% iaitu kemiskinan tegarnya ada mempunyai 6.5%; Terengganu - kemiskinan keseluruhannya adalah 15.4%, kemiskinan tegar ialah 4.4%; Kelantan - kemiskinan keseluruhannya ialah 10.6% dan kemiskinan tegar ialah 1.3%; Kedah kemiskinan keseluruhannya ialah 7% dan kemiskinan tegar ialah 1.3%. Ini keadaan yang sebenarnya. Tetapi apabila kita tengok pula dalam muka surat yang sebelumnya 349 kalau tidak silap saya. Amanah Ikhtiar Malaysia pula hanya memberi tumpuan kepada Sabah dan Sarawak saja. Kenapakah tidak memberi tumpuan kepada negeri-negeri seperti yang disebutkan di sini? Bukan Sabah sahaja yang miskin tegar ini banyak, negeri-negeri lain pun demikian.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Yang Berhormat, Assalamualaikum Yang Berhormat.

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]:** Ya, penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Jerai.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Saya hendak memperjelaskan kepada Yang Berhormat tentang Amanah Ikhtiar ini. Amanah Ikhtiar ini di seluruh negara, di Kedah pun ada. Dalam kawasan Parlimen saya ada, dalam kawasan Parlimen Pendang pun ada. Minta penjelasan kawasan Parlimen sama ada betul ada ke tidak ada Amanah Ikhtiar ini?

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]:** Ya, terima kasih. Ada, tetapi tidak sebanyak mana yang disebutkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini. Rancangan Malaysia Kesembilan saya sebutkan tadi, tumpuan diberi hanya kepada Sabah dan Sarawak, tidak diberi kepada negeri-negeri lain. Seolah-olah Sabah dan Sarawak sahaja yang mempunyai rakyat kemiskinan tegar ini. Kemudian pula tumpuan juga diberi kepada dari segi, beri kepada rakyat miskin tegar ini hanya untuk membaiki rumah. Kalau kita membaiki rumah, daripada rumah yang buruk, rumah robek, kita bagi RM10-15 ribu, jadilah satu rumah yang cantik. Pendapatan mereka ini masih lagi pendapatan seperti sedia kala. Cuma rumah daripada yang buruk, jadi rumah yang baik.

Apakah kerajaan tidak memikirkan supaya mengkaji balik pendapatan isi rumah tersebut. Kalau dia hanya tanam sayur selama ini hanya setengah ekar saja, dengan mempunyai semua kekurangan, tidak ada pembajak, tidak ada penyembur racun, tidak ada troli untuk membawa bahan-bahan pertanian, tidak ada itu dan ini kemudahan-kemudahannya, ia mendapat hanya RM300 purata per setahun, hasil daripada setengah ekar sayur. Tetapi kalau kerajaan memberi segala kemudahan-kemudahan ini, bagi pembajak kepada mereka itu, bagi penyembur racun kepada mereka itu, bagi troli dan sebagainya. Mungkin mereka ini boleh menanam sayur sebanyak satu ekar daripada setengah ekar dan pendapatan daripada RM300 sebulan naik kepada RM500 ataupun RM1,000 sebulan. Ini perkara yang logiknya, tetapi apa yang difikirkan rumah, apa yang difikirkan rumah, itu sahaja. Rumah yang buruk dapat rumah baru, pendapatan serupa juga, kajian tahun depan, miskin tetap miskin juga kerana kajian miskin bukan kaji dari segi rumah. Adakah kerana rumah buruk itu, ramai miskin? Tidak, kaji adalah pendapatan mereka itu.

Jadi, saya harap pihak kerajaan supaya kaji betul-betul perkara ini. Demikian juga dari segi benih-benih pertanian yang diberi. Benih-benih pertanian diberi ini tidak melihat pada tempat. Misal di Kelantan, kita kata di Bachok umpamanya, Jabatan Pertanian, kata hendak bagi petani, di Bachok diberi pokok-pokok durian, mana boleh hidup tanah pasir. Sana tidak sesuai, tidak hidup tanam durian tapi kalau diberi pokok-pokok kelapa, kelapa wangi, apa-apa jenis kelapa di tanah pasir, sudah tentulah akan lebih berjaya dari segi tanaman. Makna tengok kajian juga, bukan purata mengikut jajahan. Kalau hendak bagi ikut jajahan sama rata itu tidak.....

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Boleh tanya sikit?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya.

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]:** Ha, baru jumpa. Saya tunggu, memang saya tunggu. Sila. *[Ketawa]*.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Terima kasih Rantau Panjang. Tadi Rantau Panjang ada membandingkan tentang kadar kemiskinan di negeri Perak. Mungkin Rantau Panjang boleh menjelaskan sedikit bahawa angka tersebut daripada 2,000 telah bertambah kepada 7,000, ya. Mungkin pertambahan itu datangnya daripada rakyat dari Kelantan yang mungkin terpaksa meninggalkan Kelantan kerana suasana ekonomi yang tidak begitu mengizinkan.

Jadi bertambahlah bilangan penduduk miskin dan Kerajaan Negeri Perak terpaksa juga melayannya sebagai satu sikap keadilan. Apa pandangan Yang Berhormat? Secara lembut, Yang Berhormat, ya.

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]:** Ya, terima kasih. Jawapan pertama itu biarlah budak-budak kampung jawablah. Standard itu bukan standard kita hendak jawablah. Takkanlah orang Kelantan pergi ke sana menyebabkan bertambahnya miskin di Perak, itu tidak logik langsung. Saya ingatkan ada soalan-soalan yang hebat-hebat sedikit. Rupanya standard itu sahaja pun, dari dulu pun...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Rantau Panjang, minta gulung.

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]:** Gulung, ya. Saya ingin tahu pihak kementerian ini, sektor manakah yang dominan di dalam ekonomi pada masa sekarang ini sama ada perkilangan, pertanian atau perkhidmatan dan bagaimanakah dengan kedudukan ekonomi kaum-kaum yang ada di negara kita pada masa sekarang ini?

Apakah bila di sebut negara kita maju apabila Rancangan Malaysia Kesembilan ini di aju dan dilaksanakan, maka taraf kemajuan di antara kaum-kaum ini boleh dipertingkatkan? Itu yang ingin saya mendapatkan penjelasan daripada pihak yang berkenaan sama ada Menteri Pertanian atau menteri apa-apa sekali pun yang berkaitan ini. Saya hendak memberi penjelasan sejelasnya supaya rakyat di kampung khususnya akan memerhatikan, akan mendapat jawapan yang jelas daripada pihak kerajaan, hala tuju sebenarnya negara kita ini. Biar tepat, kalau pertanian, pertanian. Kalau hendak pada industri, industrilah. Jangan yang dikendong tercicir yang dikejar tidak dapat. Perkara ini memang sentiasa berlaku dalam kerajaan kita pada hari ini. Yang cakap berdegar-degar tapi tidak ada apa pun sebenarnya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Sudah cukup, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]:** Jadi saya minta maaf banyak kepada pihak Ahli-ahli Parlimen yang lain, khususnya kepada Yang Berhormat bagi Larut. Dia mencelah tadi dan saya tidak jawab dengan sebaik-baiknya di atas jawapan kepada soalan mereka itu - soalan beliau dan Insya-Allah saya akan jawab di luarlah, lebih baik. Saya boleh panjang lagi dengan beliau, sambil-sambil minum teh dan kepada Tuan Yang di-Pertua saya mengucapkan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya pada kali ini, boleh saya hentam habis-habisan pada UMNO pada hari ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Kota Belud.

**11.44 pagi.**

**Datuk Salleh bin Tun Said [Kota Belud]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana telah membentangkan RMK-9 yang menyeluruh untuk membangunkan negara dalam tempoh lima tahun ke hadapan.

Saya hanya ingin menyentuh beberapa perkara sahaja secara ringkas dalam perbahasan ini. Pertama, saya ingin sentuh mengenai dengan kaedah pelaksanaan. Saya perhatikan setelah Yang Amat Berhormat membentangkan RMK-9 nampaknya sekarang Ahli Jemaah Menteri begitu pro-aktif dan agresif sekali untuk melaksanakan program-program dan aktiviti-aktiviti yang dijanjikan.

Contohnya baru-baru ini saya lihat Yang Berhormat Menteri Kerja Raya, telah mengumumkan pada bulan Mei ini di mana tawaran akan dibuat kepada projek-projek di bawah kementerian beliau. Di negeri Sabah pada hari Isnin saya lihat 384 kontraktor



telah mencuba nasib untuk mencabut undi siapakah yang boleh melaksanakan projek yang bernilai RM 4.5 juta.

Saya punya persoalan yang Tuan Yang di-Pertua ialah kepada kerajaan, apakah kriteria kita untuk melantik mana-mana kontraktor kerana pendapat saya kuasa yang ada pada kerajaan ialah berdasarkan *Treasury Instruction* dengan izin, iaitu Arahan Perbendaharaan. Dalam Arahan Perbendaharaan jelas, hanya dua perkara sahaja yang boleh kita kecualikan. Pertama, jika kerja-kerja itu khusus ataupun dengan izin, *specialized work*. Kedua, jika kerja itu mendesak untuk dilaksanakan.

Jadi saya melihat ....

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Boleh tanya sedikit?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya. Larut.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya kepada rakan saya Yang Berhormat bagi Kota Belud tentang tender ini. Ini penjelasan. Satu kes di kawasan saya, peruntukan yang telah diluluskan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri untuk membina sebuah jambatan di mana tender telah pun dikeluarkan dan dipanggil kepada kontraktor-kontraktor yang layak bernilai lebih kurang RM 400 ribu.

Masalahnya, apabila tawaran tender telah dikeluarkan tiba-tiba pihak jabatan berkenaan mengatakan peruntukan tidak cukup. Jadi bagaimana mereka mengeluarkan tender, sedangkan sepatutnya perincian dibuat terlebih dahulu tentang jumlah peruntukan yang diperlukan untuk pembinaan jambatan tersebut. Jadi apakah pandangan Yang Berhormat tentang perkara ini. Terima kasih.

**Datuk Salleh bin Tun Said [Kota Belud]:** Terima kasih Yang Berhormat. Jika perancangan yang baik perkara ini seharusnya tidak berlaku dan saya harap dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ia tidak berlaku. Dalam Rancangan Malaysia Kelapan ia berlaku juga di negeri Sabah di mana banyak projek jalan raya telah ditenderkan tetapi peruntukan tidak tersedia. Ini bererti ia satu perancangan yang tidak tepat.

Apa yang penting pada pendapat saya ialah kita kena tentukan pertamanya, kita bukan sekadar merancang program ataupun projek. Kita juga kena merancang kaedah melaksanakan projek tersebut. Jika kita rasakan projek itu seharusnya diberi secara langsung, saya ingin tahu Arahan Perbendaharaan yang mana ia boleh dilakukan?

Kerana apabila saya membaca buku audit yang dibuat oleh Ketua Audit Negara, jarang saya lihat komen mengenai dengan Arahan Perbendaharaan tersebut. Jika

Arahan Perbendaharaan tersebut telah dikemas kini, saya juga ingin tahu perkara tersebut. Pada saya ini amat penting kerana kuasa untuk mengecualikan yang ini bukanlah kuasa Perdana Menteri atau Menteri Kewangan.

Setahu saya kuasa itu terletak pada Ketua Setiausaha Perbendaharaan ataupun KSU, kerana beliau adalah Penguasa Kewangan (*Financial Controller*) dalam kerajaan kita. Jadi perlu diperjelaskan supaya ia mudah. Contohnya kita adakan satu kaedah baru cabut kontraktor. Saya lihat di Sabah seramai 3,000 yang mempunyai lesen F dan dia kata 1,000 telah mendapat kerja. Pada kali ini dia kata dia minta 384 kontraktor yang dapat mungkin lebih 30 dan ada 2,000 baki lagi belum mendapat. Dia kata setiap satu kontraktor dapat satu projek 20 hingga 30 ribu.

Kalau sedemikian di Sabah ini, kita akan mempunyai 1,000 - 2,000 projek kecil lagi akan dicabut undi. Kalau ia boleh diaplikasikan kepada projek kerajaan, bagaimana projek-projek yang telah diberi kepada swasta? Contohnya *Airport* Kota Kinabalu, di mana menurut jawapan daripada menteri telah pun diberikan kepada kontraktor yang besar. Adakah juga soal cuba nasib melalui cabutan ini akan dibuat ataupun tidak?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Kinabatangan Yang Berhormat.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat, memang sebetulnya bukan kita sahaja, ramai Ahli Yang Berhormat pun menjadi tanda tanya, bagaimana pengagihan kontrak-kontrak kerajaan yang sebenarnya dilaksanakan. Sebab kadang-kadang menteri kata tidak ada lagi rundingan terus, tetapi projek-projek mega, di pakej-pakej - 4 pakej, 5 pakej, kita tinggal tengok sahaja jadi penonton, tetapi yang diminta untuk mempertahankan kita pula. Kita menjadi *punching bag* di dalam Dewan ini ataupun di luar.

Bagaimana untuk kita memperjelaskan kepada rakyat kita? Kepada orang awam? Bagaimana kriteria seperti yang dimaksudkan oleh Yang Kota Belud, kita juga ingin tahu kalau boleh ada rundingan terus, kita pun hendak juga turut sertalah bagi wakil-wakil rakyat yang ada kontraktor, yang ada syarikat dia. Sebab wakil rakyat dibenarkan berniaga. Jadi apakah pandangan Yang Berhormat?

**Datuk Salleh bin Tun Said [Kota Belud]:** Saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Tapi masalahnya ialah kita baru bentang Rancangan Malaysia Kesembilan di Dewan yang mulia ini. Yang saya hairan bagaimana syarikat mendapat projek itu sebelum ia dibentangkan? Ini bererti mereka mendapat maklumat yang lebih awal daripada kita. Ini persoalannya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Beluran bangun.

**Datuk Ronald Kiandee [Beluran]:** Yang Berhormat bagi Kota Belud, Dalam Rancangan Malaysia Kelapan kita serik dengan 'kontraktor *initiated project*' ini - *implementation*. Kita tidak mahu perkara yang sama berlaku dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Jadi berpandukan kepada topik tadi, nampak jelas sekarang ini masih ada unsur ini, *implementation project* diiniatekan oleh kontraktor. Kita melihat dan kita mendengar banyak projek besar telah diaward secara *direct* kepada kontraktor-kontraktor besar.

Kita juga di fahamkan bahawa terdapat projek-projek ini yang bukan merupakan senarai keutamaan oleh Jabatan Kerja Raya negeri Sabah. Saya risau kalau senarai ini bukan senarai keutamaan JKR tetapi diluluskan ketika ini, bererti ada projek-projek kecil yang sepatutnya disenaraikan telah menjadi mangsa disebabkan oleh projek besar yang telah diaward ini.

Jadi kita risau perkara ini berlaku kerana ianya akan memberi kesan yang negatif kepada projek-projek kecil yang seharusnya dilaksanakan, diprioritikan di kawasan luar bandar. Adakah ini menjadi kerisauan Yang Berhormat? Terima kasih.

**Datuk Salleh bin Tun Said [Kota Belud]:** Terima kasih Yang Berhormat. Proses untuk membuat Rancangan Malaysia Kelapan atau kesembilan mengambil masa mungkin lima belas bulan. Ia satu proses *bargaining* ataupun perbincangan antara EPU dengan Kerajaan-kerajaan Negeri sepatutnya. Jadi masalahnya ialah kadang-kadang apabila saya lihat....

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Sedikit Yang Berhormat, boleh? Sekali, terima kasih. Tadi saya sebut pasal peruntukan yang tidak cukup, projek terbengkalai akibat daripada perincian yang tidak betul. Ini soal siapa undi ini? Masalahnya ialah Jurutera Kanan Daerah yang menjaga daerah berbeza pendapat dengan Pengarah di peringkat Negeri tentang bagaimana hendak menyelesaikan pengagihan projek-projek kelas F ini, dan apakah Yang Berhormat yang ada pengalaman pentadbiran negeri tentang masalah yang memeningkan kepala kita oleh tentang pengagihan projek-projek kecil yang melibatkan kontraktor-kontraktor kelas F yang akhirnya projek sampai sekarang tidak dapat dilaksanakan lagi. Apa pandangan Yang Berhormat?

**Datuk Salleh bin Tun Said [Kota Belud]:** Terima kasih. Pada pandangan saya, seperti mana yang saya katakan tadi, saya jawab Yang Berhormat bagi Beluran dahulu, penting bagi kita untuk menentukan keutamaannya kerana kadang-kadang saya

lihat ada projek yang dilaksanakan yang mahu dilaksanakan *design* pun tidak ada, tetapi telah ditawarkan kepada beberapa syarikat. Ada tempat *design* sudah *ready*, sudah siap tetapi tidak diberi *direct award* kepada mana-mana syarikat. Jadi di situ ada bad *planning* dengan izin. Jadi ini perlu kita tentukan dan saya rasa kerajaan bertanggungjawab untuk memaklumkan Dewan ini apakah kajian telah dibuat, disegi *costingnya*, apakah ia lebih murah secara langsung ataupun murah jika kita tenderkan. Ini perlu ada kerja. Kedua, saya juga ingin melihat kalau boleh kerajaan kena jelas dalam perkara ini, supaya ia mudah. Apakah dasarnya kalau projek-projek kecil dicabut undi, projek-projek besar boleh dirunding

Jadi ia kena ada satu kriteria supaya rakyat boleh faham dan tidak keliru. Saya beri contoh yang jelas di kawasan saya dalam Rancangan Malaysia saya baca, baru saya terbaca ada satu kelulusan jalan raya yang bernilai RM246 juta dan saya tanya kepada pihak kerajaan di mana jalan tersebut. Saya tidak kisah siapa kontraktor yang dipilih, soalnya di mana jalan tersebut kerana ia boleh membantu saya untuk merancang pembangunan ekonomi di kawasan yang berdekatan. Tetapi nampaknya *design* belum siap lagi, tetapi tawaran telah pun diberi kepada syarikat-syarikat. So, pada saya ini satu perancangan yang tidak bijak. Mengenai yang dibangkit oleh Yang Berhormat.....

**Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Kalabakan.

**Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Kota Belud. Sementara tadi Yang Berhormat bagi Kota Belud ada mengatakan berkenaan dengan kontrak Lapangan Terbang Kota Kinabalu yang bernilai lebih RM1000 juta. Jadi kita sudah kenal pasti bahawa kontraktor sudah ada, pakej-pakej sudah ada, tetapi masalah yang dihadapi sekarang ini, bahawa kontraktor tidak boleh masuk untuk membuat projek ini kerana masalah-masalah tanah, masalah-masalah setinggan yang mana apabila setinggan-setinggan di dekat airport mahu dipindah ke kampung MAH, di sana penduduk-penduduk di Penampang membantah kepada Kerajaan Negeri supaya mereka tidak boleh terima pemindahan ini. Jadi saya fikir dalam dua tahun ini, masalah ini tidak selesai, jadi apa fikiran Yang Berhormat Yang Berhormat Kota Belud bahawa Rancangan Malaysia Kesembilan ini dapat berjaya jika sekiranya kita ada masalah seperti ini.

**Datuk Salleh bin Tun Said [Kota Belud]:** Terima kasih, saya jawab Yang Berhormat bagi Larut dahulu. Di mana pertama dikatakan bahawa ada perbezaan pendapat pegawai-pegawai berkenaan. Ini masalahnya. Kalau kita membuat satu rancangan, kita tidak putus-putuskan kaedah pelaksanaan, ini menjadi masalah. Contohnya kalau di Sabah, kita mencari 2000 projek kecil untuk dicabut undi. Satu kontraktor dapat RM20,000 RM30,000 selepas itu tidak boleh dapat projek lagi. Bagaimana kita mahu mewujudkan usahawan Melayu Bumiputera pada ketika itu? Kalau sekadar RM20, 000 RM30,000 Jawatankuasa Kemajuan Kampung pun boleh laksanakan pada pendapat saya, tidak perlu kita cabut undi. Jadi pada saya ini perlu dikaji, itulah pada pandangan saya. Ia tidak boleh *ad hoc basis*. Kita tidak sekadar merancang program, tetapi kaedahnya tidak kita rancang dengan sebaik-baiknya.

Saya harap ini perlulah diambil kira. Mengenai dengan soal Airport Kota Kinabalu, pada saya juga *bad planning*. Kalau kita sudah memberi, meluluskan peruntukan kepada membina *airport* yang baru, kita pastikan kontraktor telah dilantik. Kenapa kita tidak kenal pasti dahulu masalah-masalah yang mungkin timbul hasil daripada peruntukan tersebut?

**Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Yang Berhormat bagi Tuaran.

**Datuk Salleh bin Tun Said [Kota Belud]:** Tetapi kadang-kadang kita ini terlalu cekap, cepat tetapi tidak cermat.

**Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Tuaran dan Yang Berhormat bagi Pontian bangun Yang Berhormat.

**Datuk Salleh bin Tun Said [Kota Belud]:** Yang Berhormat bagi Pontian silakan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Pontian.

**Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Kota Belud, saya kira suara Yang Berhormat mewakili masyarakat di bawah, resah-gelisah dengan keadaan yang timbul tetapi bukan perkara baru Yang Berhormat. Ada keadaan di mana sistem itu nampaknya sesuai pada satu ketika. Sistem yang sama kita guna nampaknya macam tidak begitu sesuai, timbul masalah-masalahnya. Jadi pada pandangan Yang Berhormat, kelemahan yang paling ketara di

mana, adakah dari segi aspek kemanusiaannya ataupun dari segi aspek sistem yang diperkenalkan?

**Datuk Salleh bin Tun Said [Kota Belud]:** Mungkin dua-dua. Tetapi pada saya, kita kena revarm sistemnya. Dia kena ada satu rombakan dari segi sistemnya. Nanti saya akan sentuh dalam perkara kedua yang ada kaitannya dengan perkara ini. Pada pendapat saya.....

**Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]:** *[Bangun]*

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ada dua Yang Berhormat yang bangun, Yang Berhormat bagi Tuaran dan Yang Berhormat bagi Ledang.

**Datuk Salleh bin Tun Said [Kota Belud]:** Sekejap, sekejap saya ... Pada pandangan saya, saya bersetuju dengan Yang Berhormat tadi bahawa tidak salah untuk kita melantik mana-mana kontraktor, itu perkara biasa, itu ada budi bicara kerajaan berdasarkan kuasa yang ada pada mereka, tetapi ia terikat dengan arahan perbendaharaan, iaitu *Treasury Instruction*. So, kalau *Treasury Instructor* tidak sesuai, ia perlu dikemas kini jika tidak sesuai. Akhirnya apa yang kita buat itu adalah bertentangan dengan peraturan yang ada pada kita. Jadi saya rasa perlu perkara ini diambil kira.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ada dua Yang Berhormat yang bangun. Yang Berhormat bagi Tuaran. Yang Berhormat hendak bagi mana?

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Yang Berhormat bagi Ledang, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Ledang, ya

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Kota Belud. Saya menghalusi pandangan daripada Yang Berhormat bagi Kota Belud tadi dan pada pandangan saya pula, kita telah banyak pengalaman, berdasarkan pelaksanaan projek-projek dahulu dan sekarang. Kaedah tender, *design and build* dan sebagainya banyak projek yang telah kita laksanakan. Jadi adakah Yang Berhormat bagi kota Belud setuju bahawa sudah sampai masanya kita melaksanakan suatu pendekatan projek audit, di mana projek-projek yang telah dilaksanakan ini dengan pelbagai kaedah, diaudit dan dicari kaedah sama ada satu

kaedah itu baik atau buruk termasuklah tentang pemberian kepada kontraktor kelas F. Kontraktor kelas F ini diberi peluang ke atas projek-projek mega, 30%, 20% dan sebagainya. Kemudian adakah Yang Berhormat bagi Kota Belud setuju bahawa sepatutnya harga projek *design and build* misalnya lebih murah daripada tender. Sebab apabila *design and build* sepatutnya dia mengemukakan suatu cadangan *design* yang harganya sepatutnya lebih murah, pantas dengan teknologi yang moden dan sebagainya, adakah Yang Berhormat bagi Kota Belud setuju?

**Datuk Salleh bin Tun Said [Kota Belud]:** Yang Berhormat, kerajaan perlu mengambil kira pandangan Yang Berhormat tadi kerana seperti mana yang saya katakan, semua perkara ini perlu diambil kira untuk menentukan tidak ada masalahnya. Ia ada kaitan kerana pada pandangan saya....

**Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]:** *[Bangun]*

**Datuk Salleh bin Tun Said [Kota Belud]:** Sekejap. Pada pandangan saya apabila ia berlaku, banyak lagi perkara lain kita kena ingat dalam sistem ini ada yang dipanggil VO (*variation order*) yang lebih banyak lagi. Jadi kalau perancangan yang tidak baik, kadang-kadang kerana sistem kita ini, kena kita ingat, Rancangan Malaysia Kesembilan ini juga terikat kepada sistem Belanjawan, *Budgeting System*. Setiap tahun kita kena *budget* peruntukan tersebut. Jadi tidak guna kita rancang masuk semua. Contohnya kalau saya lihat di Sabah, beberapa yang telah diumumkan, ia sudah pun sedang dilaksanakan. Jadi peruntukan RMK9 ini akan diambil untuk membiayai sebab dia konsep *build operate and transfer*. Dia bayar kemudian. Apabila dia bayar kemudian, akhirnya peruntukan RM15.6 bilion ada di antaranya digunakan untuk membiayai kerja-kerja yang sedang dilaksanakan dalam masa ini.

**Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]:** Sekejap ya, terima kasih Yang Berhormat bagi Kota Belud. Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat bagi Ledang, bahawa kita telah melaksanakan bahawa perancangan Malaysia ini yang kesembilan, saya tidak percaya Tuan Yang di-Pertua kita tidak ada kaedah yang betul, tidak percaya dan kita tahu semua yang terlibat itu mahir tentang sistem dan kaedah dan pendekatan. Adakah Yang Berhormat berfikir, ini berlaku semua oleh kerana mereka yang terlibat mempunyai kepentingan peribadi, sengaja menjadikan perkara ini begitu supaya mereka yang berkenaan mendapat faedah daripada pelaksanaan projek tu, apa pandangan Yang Berhormat?

**Datuk Salleh bin Tun Said [Kota Belud]:** Minta Yang Berhormat bagi Tuaran sekali.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Tuaran, sila.

**Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Kota Belud. Tadi Yang Berhormat cerita tentang pembinaan *airport-airport* baru Kota Kinabalu, adakah Yang Berhormat sedar bahawa kontraktor sudah dilantik, dan ada sudah tanda-tanda yang dia sudah mula kerja, tetapi EIA pelantikan untuk konsultan EIA baru dilatih dalam masa dua minggu yang lepas. Maknanya belum lagi apa-apa, dia buat tentang EIA. Dan sudah kecoh seluruh Sabah tentang perpindahan ini sedangkan laporan EIA belum lagi dibuat. Jadi adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa memang terdapat kecelaruan dalam soal pelaksanaan projek yang mega besar ini?

**Datuk Salleh bin Tun Said [Kota Belud]:** Yang Berhormat memanglah pada pandangan saya bahawa seperti apa yang saya katakan tadi, saya sentuh secara umum di mana kita boleh rancang yang terbaik tetapi kaedah pelaksanaan itu mesti kita tentukan lebih awal kerana kalau tidak ia akan timbul masalah-masalah seperti ini. Jadi pada saya apa pun projek yang penting ialah kaedahnya saya tidak menuduh mana-mana pihak yang ada kepentingan tetapi pada saya, saya tidak kisah siapa yang mendapat kontrak, pada saya yang penting ialah rakyat akan merasai projek yang dihasilkan oleh kerajaan.

**Tuan Mohd. Daud bin Tarihep [Kuala Selangor]:** [Bangun]

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** [Bangun]

**Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ada tiga yang bangun Yang Berhormat.

**Datuk Salleh bin Tuan Said [Kota Belud]:** Saya hendak berpindah *point* kedua Yang Berhormat, sekejap sedikitlah, saya bagi Puchong dahulu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Puchong.

**Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dan terima kasih Yang Berhormat Kota Belud. Tadi saya dengar ucapan daripada Yang Berhormat mengenai tender dan sebagai dan elemen-elemen yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat tentang elemen manusia, elemen sistem dan elemen undang-undang. Tetapi baru-baru ini Yang Berhormat Menteri Kerja Raya telah menyatakan bahawa dalam Rancangan Malaysia Kesembilan sebanyak lebih dari 18 bilion projek kementerian akan ditawarkan secara *open* tender dengan izin di dalam laman web CIDB. Adakah ini satu cara yang baik untuk pelaksanaan projek ataupun ini hanya satu



gimik sahaja untuk menutup kelemahan-kelemahan yang sedang berlaku dan telah berlaku di kementerian-kementerian yang tertentu. Apakah penjelasan daripada Yang Berhormat.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Boleh jawab sekali Tuan Yang di-Pertua? Yang Berhormat mungkin terdengar juga bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyuarakan dengan nada yang keras bahawa mana-mana pemimpin, pegawai-pegawai kerajaan yang tidak *delivered* dalam Rancangan Malaysia Kesembilan minta berhenti sebelum diberhenti. Bermakna memang ada kepincangan sistem dan juga elemen manusia itu sendiri yang perlu dilihat dan diperbetulkan. Jadi apakah Yang Berhormat mempunyai cadangan bahawa teguran daripada pemimpin nombor satu negara kita ini perlu diambil perhatian oleh semua pihak dan mana-mana pihak yang tidak bertanggungjawab jangan tunggu dia berhenti, tetapi diberhentikan. Setuju ataupun tidak Yang Berhormat?

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Minta soalan sama, sama, minta tambahan boleh?

**Datuk Salleh bin Tun Said [Kota Belud]:** Nanti, nanti saya jawab soalan kedua. Pertama mengenai dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Puchong, saya memang bersetuju, saya memang *hope* tender terbuka pada saya, pada saya, saya terikat dengan Arahan Perbendaharaan sebagai seorang bekas pegawai kerajaan saya tahu ada Arahan Perbendaharaan kecuali dikemas kini. Pada saya hanya dua sebab sahaja mengapa kita boleh dikecualikan. Kalau tidak ia seharusnya di tender, ini prinsip saya dalam hal ini.

Kedua apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kinabatangan, pada saya memang tepat ...

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Hah, soalan.

**Datuk Salleh bin Tun Said [Kota Belud]:** Pada saya bukan sahaja sebenarnya Ketua Jabatan, Menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen, kalau tidak bekerja pun seharusnya diberhentikan kerana pada saya pendekatan kita ialah *hands on approach*. Pendekatan yang *hands on*, dahulu kita ada *separation of power*, antara eksekutif dan juga legislatif dan juga birokrasi.....

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Sambung sedikit Yang Berhormat, sambung sedikit sahaja.

**Datuk Salleh bin Tun Said [Kota Belud]:** Jadi pada saya....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Dia tidak beri jalan Yang Berhormat ya.

**Datuk Salleh bin Tun Said [Kota Belud]:** Adalah tidak mudah untuk kita memisahkan seseorang ahli politik yang memegang jawatan dalam mana-mana kerajaan dan dia tidak boleh katakan bahawa dia tidak boleh membantu dalam hal ini kerana dia mempunyai tanggungjawab bersama. Ini adalah dipanggil *collective responsibility*. Kalau kita mengamalkan konsep *collective responsibility* tidak sematamatanya kita katakan bahawa kakitangan kerajaan sahaja yang menghalang...

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Ya, Yang Berhormat...

**Datuk Salleh bin Tun Said [Kota Belud]:** Mungkin juga orang politik yang menghalang kalau .....

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Boleh saya sambung sedikit Yang Berhormat? Yang Berhormat boleh saya sambung sedikit, syabas Yang Berhormat.

**Datuk Salleh bin Tun Said [Kota Belud]:** Sila.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Kita tahu bahawa tidak kira siapa Perdana Menteri telah menyebut waima apa jawatan juga yang mereka pegang baik Menteri, Timbalan Menteri atau sesiapa juga...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ketua Menteri, Menteri Besar....

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Yalah semua. Sebagaimana kita lihat bagaimana slogan-slogan, sembahyanglah kamu sebelum kamu disembahyangkan. [*Dewan menjadi riuh dengan ketawa*] Ya, ya, Islam Hadhari, sembahyanglah kamu sebelum kamu disembahyangkan. Jadi apakah pandangan Yang Berhormat perkara ini serius, bukannya main-main. Jadi sudah tentu kita melihat marilah kita sama-sama berganding bahu untuk menjamin kelancaran Rancangan Malaysia Kesembilan ini benar-benar menuju ke sasarannya. Apa pandangan Yang Berhormat?

**Datuk Salleh bin Tun Said [Kota Belud]:** Yang Berhormat, memang saya bersetujulah, pertama saya cuma ingin katakan bahawa saya amat seronok Yang Berhormat Sri Gading dahulu pernah berkata, apabila ia selalu bertanya soalan kepada Menteri dan Timbalan Menteri, biasa dikatakan kekurangan kaki tangan kerajaan. Sebenarnya itu bukan alasannya, kita di Malaysia ini mempunyai satu juta yang bekerja

dengan kerajaan dan penduduk kita hanya kurang 25 juta. Di Indonesia, kita mempunyai 10 kali ganda penduduknya, kaki tangan kerajaan hanya 0.8% sahaja. Di Amerika Syarikat dia 9 kali ganda penduduknya, kaki tangan kerajaan hanya 1.6% sahaja dari *population*. Jadi soal kaki tangan mencukupi itu ada, tetapi pada saya, saya ingin kaitkan kerana apabila kita katakan kerajaan, kerajaan itu bukan bererti kata kaki tangan kerajaan sahaja, ia melibatkan orang politik, melibatkan juga Ahli Parlimen, ahli parti pemerintah.

So kita punya tugas pada saya, saya akan sentuh kepada perkara ketiga, bukan sekadar kita menjadi wakil rakyat di dewan ini. Apabila kita menjadi ahli wakil rakyat kerajaan kita juga dianggap sebagai ahli parti pemerintah. So kita juga dengan langsung terlibat untuk memantau projek-projek ini tetapi persoalannya ialah kaedah itu tidak disediakan dan kita perlu ada kaedah bagaimana kita tentukan orang politik daripada parti pemerintah juga terlibat dalam soal pemantauan projek-projek.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** [*Bangun*]

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Minta tambahan sedikit.

**Tuan Mohd. Daud bin Tarihep [Kuala Selangor]:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Hendak beri jalankah Yang Berhormat?

**Datuk Salleh bin Tun Said [Kota Belud]:** Yang Berhormat saya teruskan dahulu, ada kaitan nanti yang kedua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang lain sila duduk dahulu, sila duduk.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Terima kasih, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.... [*Menyampuk*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang lain duduk, dia belum bagi jalan.

**Datuk Salleh bin Tun Said [Kota Belud]:** Saya berbalik kepada perkara kedua iaitu soal yang kedua yang ingin saya sentuh ialah soal saya daripada Sabah senang hati kerana RM15.6 ribu juta diperuntukkan untuk negeri Sabah, amat besar sekali tetapi saya tidak mahu nanti, indah khabar dari rupa. Pada pengalaman saya, MTEN dahulu 1998 krisis dahulu pada ketika itu masih ingat tahun 2000 kerajaan mengumumkan 8,000 unit rumah kos rendah. Sekarang setahu saya, saya *confirm* lagi tadi pagi telefon kepada kementerian hanya 30% sahaja yang dilaksanakan.

Selepas itu kita bercerita sekarang pula Syarikat Perumahan Negara kita umum dua tahun dahulu, 30,000 unit untuk dibayar di negeri Sabah sehingga sekarang hanya 10% kalau pun ada. Di mana masalahnya? Masalahnya ialah pada pendapat saya duit itu tidak ada di tempat mereka, duit itu orang lain yang pegang, itu masalahnya. Contohnya kalau kita di Kementerian Perumahan, duit itu tidak ada di Kementerian Perumahan, duit itu di Kementerian Kewangan, ini permasalahannya. Di mana jika ada perubahan pun dari segi tapak, dari segi problem kita kena rujuk kepada Kementerian Kewangan. So kita kena *revamp* sistem kewangan ini supaya kalau kita tentukan soal perumahan di Sabah kalau tidak ada peruntukan untuk 30,000 janganlah kita act kata 30,000. Kalau peruntukan sekadar untuk 5,000 - 5,000 ribulah, kalau 10,000 - 10,000 kerana kita tidak boleh memberi janji yang kosong, memberi harapan yang kosong, akhirnya masalah yang timbul kepada Sabah.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Ini perlu kerana pada saya kalau ada perancangan yang baik, contohnya SPN, saya tidak menyalahkan, tetapi duit 30,000 itu tidak ada dalam SPN. Duit itu ada di tempat yang lain, dia sendiri tidak berkuasa, kuasanya hanya sekadar meninjau tapak, membuat penilaian membawa mesyuarat, selepas itu rujuk kepada kementerian juga. Kalau sedemikian birokrasi lagi berlaku, akhirnya dia dikatakan *vicious circle*, kitaran ganas. Apa yang berlaku dalam Rancangan Malaysia Kelapan berlaku juga dalam Rancangan Malaysia Kesembilan.

Jadi kalau boleh kita agihlah, contohnya sekarang. Kalau kita ikut bajet Rancangan Malaysia Kesembilan RM1.1 bilion untuk prasarana sekolah-sekolah yang di luar bandar, Yang Berhormat Kalabakan selalu bangkitkan, masalahnya ialah bagaimana mereka melaksanakan kerana Yang Berhormat Menteri, contoh Yang Berhormat Menteri, kita jaranglah. Kita suruh masuk kawasan kita dan kita tengok ada masalah, kelas kurang. Dia tidak boleh beri kelulusan, kerana dia terikat dengan apa senarai yang ada pada dia. Kalau dia mahu buat perubahan, dia akan balik dia tanya KSU lagi, selepas dia tanya KSU, KSU akan rujuk kepada kewangan lagi. Kenapa dia tidak berkuasa untuk mengubah jika perlu sedangkan dia mengawal peruntukan tersebut.

Sistem itu salah dan perlu *direvamp*. Kalau ada RM1.1 bilion, patutnya mesti ada di Kementerian Pendidikan dan menteri ada fleksibilitinya. Bererti kalau ia membuat perubahan, ia boleh berubah, jangankan lari daripada bajet yang telah disediakan. Masalahnya sekarang ini ialah dia tidak boleh sedemikian, kalau kita

panggil menteri, timbalan menteri semua rasmi supaya mereka melihat keadaan sebenarnya, dia tidak ada kuasa. Paling kuat dia senyum, dia tengok dan dia kata dia akan bawa balik, sampai balik pasti dia rujuk kepada KSU, KSU akan rujuk kepada pegawai-pegawainya, periksa adakah dalam senarai, jika tidak ada dia kata kita kena tulis lagi kepada Kementerian Kewangan, kita boleh masuk dalam kajian Rancangan Malaysia Kesembilan. Ataupun kita akan masukkan dalam *supplementary budget*. Ini adalah pemikiran yang biasa, statik. Kita mahu pemikiran yang proaktif. Kalau dia proaktif, dia kena kreatif dan dia kena ada kaedah pelaksanaan lebih awal lagi ditentukan baru boleh. Saya syorkan, jika kita telah putuskan sedemikian, biarlah wang tersebut dikawal oleh Menteri yang berkenaan. Kalau dia tidak buat, dia yang bertanggungjawab, *fully responsible, fully accountable* dengan izin.

**Beberapa Ahli:** Ya.

**Datuk Salleh bin Tun Said [Kota Belud]:** Barulah kita puas hati. Jadi kalau ini tidak berlaku, ia akan menimbulkan banyak masalah. Jadi saya harap sungguh agar pengagihan peruntukan ini bukan sekadar di kertas sahaja, tetapi tidak ada di kementerian tersebut.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Ya.

**Datuk Salleh bin Tun Said [Kota Belud]:** Ia hanya *budgeting, budget the system*, kerana bajet kerajaan ini tidak sama dengan bajet swasta. Dalam bajet kerajaan, dia tidak ditaruh rugi, dia tidak ditaruh hutang biasanya. Dia taruh perancangan sahaja. Itu masalahnya. Mungkin kita lihat di mana ada negara-negara lain, di luar negara sekarang melihat *budgeting* ini sudah diubahsuai dan mengambil kira perkara-perkara semasa.

Saya membawa perkara ini kerana di Sabah khususnya, kita jauh. Dari segi perumahan, pegawai saya tengok di kapal terbang tadi, dari mana? Dari Kuala Lumpur. Pergi Sabah lawat tempat. Mesyuarat, berkali-kali mesyuarat. Mesyuarat pertama okey, mesyuarat kedua berubah. Mesyuarat ketiga okey lagi. Sampai bila kita sedemikian? Mesti ada akhirnya. Jadi akhirnya kita tidak boleh laksanakan semuanya kita.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Boleh tanya sikit Yang Berhormat?

**Datuk Salleh bin Tun Said [Kota Belud]:** Ya, silakan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Yang Berhormat. ini berhubung dengan apa ini, SPN ini. Saya memang bersetuju dengan Yang

Berhormat. Di Sandakan, lebih kurang ada, mungkin ada empat, lima kontraktor telah dikenal pasti dan lawatan tapak mungkin ada 20 kalilah Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]* Sehingga hari ini, belum ada satu pun dilaksanakan. *[Ketawa]* Nampaknya peruntukan dia habis ke lawatan tapak sahaja. *[Ketawa]* Jadi inilah, kita pun tidak tahu macam mana perancangan. Ganti Pengerusilah, ganti CEOlah, itu juga. Dia punya mukadimah sama sahaja, mentaliti dia tidak berubah. Saya tidak tahu apa lagi yang perlu kita ganti.

Jadi, apakah Yang Berhormat punya cadangan yang baik, bahawa untuk merealisasikan tujuan, matlamat negara maju, memastikan rakyat ada perumahan, maka perkara ini harus dilaksanakan. Kita perlu rumah di Sabah lebih kurang 80,000. tetapi yang dilaksanakan cuma lebih kurang 10,000. Bermakna, 70,000 lagi tidak tercapai sasaran dia. Minta pandangan Yang Berhormat.

**Seorang Ahli:** Setuju.

**Datuk Salleh bin Tun Said [Kota Belud]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Memang saya setuju. Itulah saya bangkitkan bahawa perkara ini perlu disegerakan. USM telah membuat kajian di Sabah. 150,000 setinggan yang ada di Sabah. Kalau kita tahu di mana tempat setinggan itu, di situlah kita laksanakan projek tersebut. Kalau kita tidak ada peruntukannya, katakan tidak ada peruntukannya. Kalau tahun ini hanya sekadar untuk 5,000, 5,000lah. Kalau tahun depan 5,000, 5,000lah. Jadi tidak kita tunggu-tunggu seperti apa yang berlaku sekarang. So, ini perlu ada kepastiannyalah. Perkara akhirnya Tuan Yang di-Pertua.....

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Tanya sikit ini Yang Berhormat, sambung sikit, Syarikat Perumahan Negara (SPN) ini. Kita berharaplah jangan setakat melawat tapak, *meeting* sebagaimana Yang Berhormat katakan tadi. Pengerusi baru ini pun akan dilantik, biarlah ada kuasa. Kuasa untuk menentukan pelaksanaan projek-projek. Kalau tidak, masalah juga akan timbul. Apa pendapat Yang Berhormat? Kuasa kepada Pengerusi itu, tidak hanya kepada CEO agar tidak akan berlaku lagi percanggahan dan akhirnya projek tinggal projek dan terbengkalai. Apa pandangan Yang Berhormat?

**Datuk Salleh bin Tun Said [Kota Belud]:** Pada saya, kuasa itu penting. Tetapi, kadangkala yang menjadi persoalan saya, apakah kuasa itu perlu kalau kuasa itu tidak digunakan? Itu masalahnya. Persoalan saya ialah, kalau ada kuasa itu, kena gunakan dengan sebaik-baiknya, mengambil kira keutamaan kita ialah untuk menentukan agar kita boleh melaksanakan program-program perumahan kos rendah di negeri Sabah ini.

Tuan Yang di-Pertua, perkara terakhir yang ingin saya sentuh ialah soal dasar yang 30%....

**Tuan Mohd. Daud bin Tarihep [Kuala Selangor]:** Tuan Yang di-Pertua....

**Datuk Salleh bin Tun Said [Kota Belud]:** ..... ekuiti bumiputera ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kuala Selangor.

**Tuan Mohd. Daud bin Tarihep [Kuala Selangor]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Kota Belud. Saya tertarik dengan komen Yang Berhormat bagi Kota Belud mengenai kaedah pelaksanaan dalam membahagikan projek kepada kontraktor. Tadi Yang Berhormat sebut soal arahan Perbendaharaan yang tidak dilaksanakan sepenuhnya sampai ke peringkat akar umbi.

Hari ini, arahan Perbendaharaan diubahsuai oleh kerajaan negeri. Umpamanya dalam soal pemberian kerja secara undi ataupun sebut harga. Saya hendak tanya Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat hendak cadangkan kepada kerajaan, dalam mengatasi kemelut supaya projek dapat dilaksanakan dengan cepat, banyak kontraktor kelas F mendapat projek secara adil, adakah Yang Berhormat hendak mencadangkan diwujudkan *one stop* supaya segala peruntukan yang hendak dilaksanakan di sesuatu daerah - kalau hari ini majlis daerah dengan mengadakan cabutan undinya. JKR begitu juga, JPS, pejabat daerah. Kenapa tidak pegawai daerah dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa Undian ataupun sebut harga yang melibatkan semua jabatan dan agensi yang berkaitan. Terima kasih.

**Datuk Salleh bin Tun Said [Kota Belud]:** Terima kasih. Pada saya mungkin memang mereka gunakan *clause* pengecualian dalam hal inilah. Apabila mereka gunakan *clause* pengecualian, kemudian *power* itu, kuasa itu diberi kepada pegawai berkenaan untuk mengadakan cabutan undi. Tetapi cabutan undi ini dia bukannya macam tiket bertuah. Dia hadiahnya bukan ada terus. Dia cabut, dapat kemudian dia kena laksanakanlah. Jadi pada saya, apa pun kaedah, yang penting ialah dia sampai ke bawah. Mekanismenya ialah mesti sampai ke bawah supaya pemutus itu on the ground dan dia tahu apa yang berlaku di situ.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya. Baik.

**Datuk Salleh bin Tun Said [Kota Belud]:** Perkara yang akhir yang ingin saya sentuh Tuan Yang di-Pertua ialah soal 30% ini. Saya amat senang hatilah apabila kerajaan telah menentukan ada 30% ekuiti dapat dipegang oleh bumiputera. Saya cuma berharap sungguh, dalam banyak keadaan kita kena ambil kira. Tahun 1985 kita ada masalah iaitu *world recession*. Tahun 1987, apa yang dipanggil *black Monday* di

mana stok turun. Tahun 1988 kita ada Asian *financial crisis*. Tahun 2008 kita tiada tarif *protection*. Kita ada *bilateral agreement*. Semua ini diambil kira supaya menentukan bahawa ia akan tercapai. Pada saya, masalah ini jangan nanti pula 30% ini, mentaliti kita semua 30%. Itu masalahnya. Kalau kita tengok projek *housing*, 30% bumiputera. Kalau kita tengok syarikat, 30% bumiputera kerana Dasar Ekonomi Baru telah dimasukkan dalam indoktrinasi dalam pemikiran kita. Kita ini sekadar 30% sahaja. Sepatutnya ini tidak berlaku.

Pada saya, yang penting Tuan Yang di-Pertua ialah bagaimana kita mewujudkan lebih ramai kelas pertengahan bumiputera. Itu yang lebih penting. Itu kita boleh kira. Ekuiti adalah satu yang makro. Kita lihat secara makro. Tetapi kita ingin melihat berapa ramai yang diwujudkan. Melalui Rancangan Malaysia Kesembilan ini, berapa ramai usahawan kelas menengah, *middle class* yang diwujudkan kerana ini penting. Kita mahu mereka yang terlibat dalam membuat paku, membuat aiskrim. Industri kecil ini penting diberi penekanan.

Kita kena ada program keusahawanan yang ditambah lagi. Kalau kita bergantung kepada 30% ini, masalahnya yang saya lihat ialah kita bergantung kepada sekadar agensi pemegang amanah kerajaan untuk mengambil alih ekuiti tersebut. Itu baik, tidak ada masalah. Diwujudkan UDA kembali, alhamdulillah. Yayasan Amanah Hartanah Bumiputera, alhamdulillah. Tetapi pada saya, itu tidak mencukupi. Kalau kita ingin melihat bumiputera yang sebenarnya ialah, berapa ramai kita pergi *Mid Valley*, kita pergi *The Mall*. Berapa ramai pengusaha bumiputera yang bekerja di situ, yang berniaga di situ berapa ramai? Ini persoalannya. Ini kerana, rakyat melihat yang nyata, bukan sekadar statistik, bukan sekadar data. Bagi bumiputera sama ada di Sabah, Sarawak ataupun di Semenanjung, mereka ingin melihat berapa ramai yang telah diwujudkan oleh kerajaan. Kita tidak boleh lokek dalam hal ini. Hanya kerana kegagalan dahulu, kita katakan tidak boleh dibuat semula. Banyak pendekatan yang lama mungkin sesuai tetapi mungkin ia salah sasarannya. Jadi kalau sasaran itu tepat, kita kena teruskan dan pada saya, kunci kepada kejayaan kita ialah bukan sekadar 30%.....

**Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]:** Penjelasan Yang Berhormat.

**Datuk Salleh bin Tun Said [Kota Belud]:** ..... bagaimana banyak yang boleh kita lahirkan usahawan kelas menengah. Bukan kelas yang tinggi sangat, yang pertengahan sahaja. Sekadar yang berniaga kecil-kecilan, yang boleh membantu menjana ekonomi kita.



**Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]:** Penjelasan.

**Datuk Salleh bin Tun Said [Kota Belud]:** Ini kerana, kalau dia usahawan, dia berkembang. Apabila dia berkembang, dia menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi. Kita tidak boleh melihat pertumbuhan ekonomi sekadar daripada makro *level*, daripada atas sahaja, kerana pertumbuhan tidak bermaksud peluang pekerjaan. Pertumbuhan itu melihat berapa belanja yang telah diadakan oleh kerajaan atau swasta dalam ekonomi dan dia dilihat dari segi pertumbuhan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik.

**Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]:** Penjelasan Yang Berhormat.

**Datuk Salleh bin Tun Said [Kota Belud]:** Sebenarnya kita katakan 6% setiap tahun.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik Yang Berhormat.

**Datuk Salleh bin Tun Said [Kota Belud]:** Jadi minta sekalilah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik.

**Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Kota Belud. Adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa dalam soal pencapaian 30% ini, kerajaan harus mengadakan satu KPI yang komprehensif seperti mana yang dicadangkan suatu ketika dahulu oleh Yang Berhormat bagi Labuan. Dia menyatakan sepatutnya kalau misalnya pihak Bank Negara boleh melahirkan, memberi perangkaan tentang pencapaian prestasi ekonomi kita dari segi GDP dan sebagainya, apakah Yang Berhormat bersetuju supaya kerajaan mengadakan satu sistem untuk mengukur ini, pencapaian bumiputera ini. Satu bentuk KPI di mana kita boleh lihat sama ada dari segi *parity* di intra bumiputera dalam 'soal-soal pelaburan' bumiputera dan juga pada keseluruhannya supaya kita dapat memantau dan juga mengambil langkah-langkah tertentu untuk memperbaiki jika ada kelemahan. Terima kasih.

**Datuk Salleh bin Tun Said [Kota Belud]:** Akhirnya cadangan tersebut harus diambil kira oleh pihak kerajaan. Akhirnya sebelum saya duduk Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memperkatakan bahawa sistem *delivery* itu penting untuk kita berikan keutamaan.

Dalam konteks ini saya minta Wakil Rakyat daripada kerajaan ini bukan dianggap sebagai Wakil Rakyat dalam Dewan ini, dia adalah ahli parti pemerintah maka ia dilibatkan di dalam sistem pemantauan di kawasan masing-masing. Kalau di peringkat tinggi, kita sudah ada Badan Bertindak Pelaksanaan Projek yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Saya rasa ia harus

diperturunkan juga di peringkat Parlimen di mana kita kena libatkan, kena sesuaikan *delivery system*, kita tidak boleh bergantung kepada kakitangan kerajaan sahaja. Kita kena bergantung juga kepada orang-orang yang telah dipilih oleh rakyat yang mewakili parti pemerintah untuk terlibat langsung dalam soal-soal seperti ini.

Akhirnya kakitangan kerajaan kita berbelanja RM200 bilion untuk pembangunan kita, tetapi untuk memberi gaji, untuk mengurus ini kita berbelanja RM600 bilion dalam masa lima tahun juga. Bererti *rationya* 3:1 setiap RM4 dibelanjakan, RM3 untuk mengendali, RM1 sahaja untuk sampai kepada rakyat. Dengan harapan ini saya berdoa agar Rancangan Malaysia Kesembilan ini mendapat kejayaan dari segi pelaksanaannya. Sekian, terima kasih.

#### **12.21 tgh.**

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada kerajaan yang telah membentangkan Rancangan Malaysia Kesembilan yang akan menelan belanja RM200 bilion.

Tuan Yang di-Pertua, saya faham pembentangan RMK-9 ini adalah untuk kesejahteraan rakyat dan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini, saya mengucapkan terima kasih kerana Perdana Menteri telah melihat untuk membangunkan martabat rakyat kita yang miskin, membela petani-petani di desa, nelayan di laut yang bergelora dan juga petani-petani yang mengadakan tanaman-tanaman dan makanan.

Tuan Yang di-Pertua, yang saya pintakan ialah peruntukan RM200 bilion haruslah seimbang dengan peruntukan di kawasan bandar dan luar bandar. Saya terkilan melihat kadang-kadang di kawasan luar bandar kami ini ketinggalan sedangkan peruntukan begitu besar diberikan kepada kawasan-kawasan bandar, kawasan-kawasan perbandaran dan sebagainya. Berkali-kali saya mengatakan saya berpegang kepada kata-kata Almarhum Tun Abdul Razak: "Bangunkanlah luar bandar kerana bandar itu akan bangun dengan tersendirinya".

Tetapi kadang-kadang kita melihat peruntukan untuk Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah dalam Rancangan Malaysia Kesembilan itu begitu kecil sekali. Peruntukan pertanian walau pun menjadi teras kepada RMK-9 hanya 5%. Saya berharap dan meminta kepada kerajaan supaya menolong masyarakat di kampung. Berpuluh tahun sudah kita merdeka masih ada anak bangsa saya yang berlantaikan bumi dan berlangitkan rumbia. Sampai bila mereka ini harus sedemikian

rupa? Masih ada anak bangsa saya minum air yang warnanya merah sedangkan di bandar meminum air yang jernih.

Masih ada anak bangsa saya yang tidak bersekolah ataupun bersekolah dengan ala kadar kerana tidak berkemampuan. Masih banyak ibu tunggal di luar bandar yang merintih kemiskinan. Sampai bilakah mereka ini dibiarkan sedemikian rupa walau pun peruntukan diberi tetapi masih tidak mencukupi.

**Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Sri Aman.

**Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Jerai. Saya memang bersetuju sungguh dengan Yang Berhormat bagi Jerai oleh kerana pada suatu ketika dahulu Kementerian Pembangunan Luar Bandar Dan Wilayah ini sangat penting hinggan yang diletakkan di sini adalah Tun Abdul Razak (Perdana Menteri) sendiri.

Tetapi nampaknya sekarang sudah tidak begitu hebat nampaknya. Tetapi kita masih memerlukan perkhidmatan kementerian ini. Saya pernah mengesyorkan tiap-tiap kawasan parlimen diberi peruntukan yang jelas supaya peruntukan itu tidak dilambakkan di suatu tempat ataupun di suatu kawasan hinggan kita yang *backbencher* ini tidak mendapat apa-apa dan untuk mendapatkan peruntukan kita seperti yang telah saya sebutkan dahulu macam menunggu cabutan empat nombor ekor. Kalau nasib dapat, tidak ada nasib tidak dapat. Setujukan Yang Berhormat kalau kita minta suatu ketetapan dari kementerian ini setiap kawasan parlimen kita tahu tiap-tiap tahun berapa jumlah yang akan diberi.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Sri Aman. Namanya Sri Aman tetapi jiwa Yang Berhormat tidak aman disebabkan oleh masalah kemiskinan di luar bandar. Saya faham Yang Berhormat pun baru gunting rambut... *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, harapan rakyat apabila kerajaan membentangkan RMK-9 ialah nasib kami akan berubah, itu harapan rakyat. Rakyat yang di mana yang berubah? Kita hendakkan macam Yang Berhormat bagi Kota Belud mengatakan bahawa jurang perbezaan di antara kaya dengan yang miskin jangan begitu jauh. Yang di pertengahan itu harus ada. Kalau tidak jadi macam sesetengah negara yang kaya itu kaya sedangkan di kelilingi oleh yang miskin atau oleh fakir miskin.

Yang kaya boleh hidup tanpa melihat yang miskin. Mereka hidup dalam kota, di keliling kota itu adalah pengemis. Apakah kita mahu melihat negara kita sedemikian

rupa. Sudah tentu tidak tetapi saya mengharapkan kepada pegawai-pegawai terutama sekali Kementerian Kewangan, bantulah kami di luar bandar. Kamilah yang membentuk kerajaan hari ini. Kalau hendak dikatakan di dalam kawasan bandar, Kepong bandar berada di pihak pembangkang. Bukit Mertajam bandar – pembangkang. Tetapi kami seperti Jerai, Sri Aman, Sri Gading, Kalabakan dan sebagainya berada di kawasan luar bandar walau pun ketinggalan Tuan Yang di-Pertua.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Penjelasan. Penjelasan.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Kami masih taat dan setia kepada kerajaan. Sila.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, sila Ledang.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai. Saya hendak tanya satu soalan sahaja Yang Berhormat bagi Jerai. Menurut pengumuman yang telah dibuat oleh Ketua Pengarah EPU bahawa pencapaian Rancangan Malaysia Kesembilan ialah 100% dari segi perbelanjaan iaitu berjumlah RM170 bilion. Diperuntukkan sebanyak RM170 bilion, belanja RM170 bilion tetapi Yang Berhormat bagi Jerai tadi menyebut tentang ketidakseimbangan, masih ramai lagi yang perlu dibela, masih minum air merah dan sebagainya.

Yang Berhormat bagi Jerai, di mana silapnya ini. Di mana silapnya? Sebab belanja sebanyak RM170 bilion daripada RM170 bilion. Sila Yang Berhormat bagi Jerai jelaskan.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Di sinilah mungkin Yang Berhormat kepincangan ataupun tidak keprihatinan sesebuah kementerian untuk melihat di bawah. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Kota Belud yang telah mengatakan tadi *hands on*.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kamilah yang berhadapan dengan rakyat. Kamilah yang dimaki dan dihamun dan pada kamilah rakyat menaruh harapan. Tetapi apabila kami tidak dapat menunaikan kehendak dan harapan mereka, kadang-kadang mereka hilang kesabaran dan ini juga menyebabkan kami hilang kesabaran di dalam Dewan yang mulia ini dan kadang-kadang kami agak terkasar bahasa sedikit kerana hendak melepaskan tekanan-tekanan yang kami terima daripada rakyat di bawah.

Saya sungguh berharap supaya jangan, .... contohnya di kawasan Kuala Lumpur di Bandaraya Lembah Klang, jalan satu *stress* RM450 juta sedangkan Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah hanya mendapat RM450 juta untuk seluruh

negara di kawasan luar bandar. Kami bukan minta lebu raya di kampung. Kami hanya minta jalan kampung. Kami bukan minta jejambat di kampung hanya meminta titi batu ataupun titi kayu yang saya kira patut kerajaan dan kementerian lihat supaya peruntukan diseimbangkan di antara bandar dengan luar bandar. Ini adalah yang saya minta keadilan dari segi pengagihan peruntukan RMK-9.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat akan menyalahkan politik. Rakyat akan menyalahkan wakil rakyat seandainya sesuatu rancangan itu gagal. Rakyat lebih mudah menghampiri orang politik daripada menghampiri pegawai-pegawai kerana kami berkeliaran di kampung-kampung di majlis kenduri, di sana dan di sini dan kadang-kadang apabila sesuatu program rakyat atau projek itu tidak kesampaian maka rakyat akan mengatakan bahawa kami orang politik ini tidak menjalankan tugas.

Tidak apalah, biarlah kami jadi *punching bag* kepada pentadbiran negara asalkan pentadbiran ataupun pegawai-pegawai dapat menjalankan tugas. Kami sanggup ini semua, kami sanggup berhadapan dengan rakyat kadang-kadang disebabkan oleh kegagalan sesuatu program, sesuatu projek yang hendak dijalankan oleh kerajaan. Walaupun kami tidak terlibat secara langsung di dalam projek-projek yang hendak dijalankan. Kadang-kadang kami diketepikan langsung oleh pentadbiran kerana dikatakan orang politik kadang-kadang menyusahkan. Sebenarnya bukan kami menyusahkan, kami hendak menyenangkan pentadbiran supaya rakyat mendapat nikmat daripada peruntukan kemerdekaan dan sebagainya. Apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengatakan RM200 bilion, saya balik ke kampung saya pun umum RM200 bilion...

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Yang Berhormat Jerai boleh tanya sedikit?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]:** Sabak Bernam dahulu.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Siapa dahulu?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]:** Sabak Bernam dahulu.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Okey.

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai. Saya tidak bersetuju dengan Yang Berhormat Jerai yang kita ini jadi *punching bag*. Saya lebih memilih supaya kita ini dilibatkan dalam projek pelaksanaan projek...

**Tuan Yang di-Pertua:** *Punching bag* itu apa, *punching bag* itu apa?

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]:** Saya hendak kena tanya Yang Berhormat bagi Jerailah sebab Yang Berhormat Jerai yang bawa isu ini. Saya kata tadi...

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau berucap biar orang lain faham. Apa dia *punching bag*?

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tetapi apakah pandangan Yang Berhormat daripada Jerai supaya kita [Ketawa] minta maaf Tuan Yang di-Pertua fasal Yang Berhormat bagi Jerai tidak tengok ke mari.. takut tidak faham soalan. Jadi saya lebih memilih supaya kita terlibat secara langsung dalam pelaksanaan program dalam projek itu kerana kita selaku wakil rakyat kita sebenarnya lebih faham tentang keutamaan projek-projek yang harus dilaksanakan di kawasan kita masing-masing. Apa pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Punching bag* itu Tuan Yang di-Pertua hak orang main *boxing* itu.. dia dok berlatih itu dia tumbuk beg itulah. Jadi kami ini kadang-kadang duduk hadapan orang dok marah kami macam itulah Tuan Yang di-Pertua, jadi kami pun macam *punching bag* lah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jadi sasaranlah.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Ha.. sasaran Tuan Yang di-Pertua. Saya pun kalut fasal baru sampai pagi ini jadi dok kalut. Jadi sebenarnya Tuan Yang di-Pertua antara pentadbiran dan orang politik dia kena sekali, kita kena sama-sama ini. Orang politik buat dasar dalam Dewan Rakyat, pegawai kerajaan menguruskan. Kita bagi pegawai kerajaan uruskan kita tidak mahu masuk campur cuma kadang-kadang kita tanya apa khabar? Projek ini awat lambat sangat?

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Jerai boleh tanya sedikit?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Masalah, ya.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai. Memang saya setuju dengan Yang Berhormat kita sebagai ahli politik tidak pernah campur tangan urusan pentadbiran tetapi masalahnya apabila berlaku kelembapan, projek tertangguh rakyat jumpa kita. Rakyat ini semua masalah sasarannya kita, kan? Kita bukan ada niat untuk sengaja menidakkan keupayaan pentadbiran cuma masalahnya ialah biar apa yang cuba kita hendak sampaikan itu hendak dilaksanakan itu mencapai sasarannya.

Kita, kalau projek berjalan dengan lancar, tidak tertangguh, tidak ada berlaku pertindihan. Tadi saya bagi satu contoh satu tender yang sudah diluluskan sepatutnya perincian dibuat dahulu sebelum dikeluarkan tawaran tender. Apabila tender telah dikeluarkan tidak boleh hendak dilaksanakan timbul masalah. Orang kampung akan tanya pada kita kenapa jambatan ini belum dilaksanakan sedangkan duit sudah ada. Sepatutnya perincian dibuat, kira betul-betul dahulu apakah peruntukan cukup untuk dilaksanakan projek ini. Apabila tidak boleh siap wakil rakyat juga yang mereka tuju untuk mendapatkan peruntukan tambahan, inilah masalahnya.

Apakah Yang Berhormat bersetuju bahawa jangan melihat wakil rakyat ini hanya menjadi pak sibuk dan campur tangan pentadbiran, tidak. Kita hanya hendak memastikan kelancaran segala projek yang telah dilancarkan sebagaimana Perdana Menteri.. benda ini serius. Kalau benda sudah ada kelemahan kita perbetulkan yang mana yang berlaku kelemahan. Apa pandangan Yang Berhormat?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Memang benar Yang Berhormat. Kadang-kadang disebabkan masalah-masalah teknikal dan sebagainya jadi benda itu tidak kesampaian. Yang hendak saya rayukan hari ini ialah supaya kita bermuafakat di antara pentadbiran dan juga pengurusan. Macam saya apa pun Tuan Yang di-Pertua, kalau hendak tulis surat minta rayuan orang kampung saya kena tulis dekat pegawai dan saya tulis pegawai. Pegawai itu yang ada kuasa saya tidak ada kuasa. Di kampung saya kata, "Tuan saya akan tolong, saya akan ikhtiar hantar kepada pegawai doalah Insya-Allah pegawai ini akan tolong kita". Yang itu sahaja fasal kita bukan ada *executive power* saya tidak boleh buat keputusan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Kita ini terhad, kerja kita membuat keputusan, buat peraturan dan undang-undang okey, meluluskan dan sebagainya tetapi yang mentadbirkan kuasa mentadbirkan adalah pegawai kerajaan. Jadi kita ini sekapal lah, kita duduk sekapal jadi kita kena pastikan Rancangan Malaysia Kesembilan, RM200 bilion ini mesti sampai ke sasaran dia.....

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** [Bangun]

**Tuan Che Azmi bin Hj. A. Rahman [Kuala Nerus]:** Jerai, Jerai.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Kuala Nerus.

**Tuan Che Azmi bin Hj. A. Rahman [Kuala Nerus]:** Terima kasih Jerai. Saya hendak tanya sedikit Jerai. Saya hendak beri pandangan sedikit kalau kita tukar sistem pentadbiran negara ini macam mana Jerai? Kalau kita tengok Majlis Tindakan Negara

dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebagai orang politik. Majlis Tindakan Negeri dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar juga orang politik. Kalau di Majlis Tindakan Daerah ataupun Mesyuarat Tindakan Daerah dipengerusikan juga oleh orang politik macam mana pandangan Yang Berhormat? Saya rasa lebih baik sistem penyampaian ini akan lebih berkesan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Yang ini menyebabkan dasar kerajaan Tuan Yang di-Pertua jadi saya tidak boleh komen fasal... takkan kita hendak bagi Bukit Mertajam pengerusikan Majlis Tindakan Daerah Bukit Mertajam, kan? Tidak bolehlah kan. Jadi yang ini dia ada sedikit-sedikit benda-benda yang... mungkin kita cari satu cara kaedah yang lain. Ya Putatan.

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Terima kasih sahabat saya dari Jerai, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini kenyataan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita yang mengatakan, "*The way to facilitate are not frustrate*" dengan izin yang cara melicin dan melancarkan dan bukan menjadi sekatan kepada pelaksanaan projek.

Saya mahu minta penjelasan atau pendapat daripada sahabat saya dari Jerai berkenaan dengan seseorang pegawai yang kononnya diberi kuasa untuk memeriksa senarai-senarai projek yang telah disenaraikan oleh wakil-wakil rakyat ini, projek-projek kecil yang telah dijanjikan kepada rakyat di kampung-kampung. Dan kita telah senaraikan projek ini kepada pihak pelaksana iaitu di Sabah iaitu Jabatan Pembangunan Persekutuan Negeri Sabah. Apabila melawat kawasan itu, pegawai dengan kononnya kontraktor yang mempunyai beberapa lesen dalam failnya itu yang kontraktor bukan bumiputera ini memegang beberapa lesen kepunyaan bumiputera, tidak tahu siapalah. Jadi tiba-tiba senarai yang telah disenaraikan oleh wakil rakyat itu berubah kerana ia berpendapat pegawai berkenaan kononnya berpendapat tidak mengikut kriteria-kriteria yang telah digariskan oleh pihak Jabatan Persekutuan.

Jadi soalnya di sini apabila disenaraikan balik, Jabatan Persekutuan Negeri Sabah mengeluarkan surat kelulusan untuk projek yang disenaraikan oleh wakil rakyat dan ini menjadi satu masalah sekatan kepada pegawai yang berkenaan yang difikirkan sebagai ada kepentingan dalam senarai yang dikemukakan oleh beliau itu, tidak mengeluarkan *General of Order* atau Arahan Perbendaharaan ini kepada kontraktor-kontraktor yang dilantik oleh Pengarah Jabatan Persekutuan. Apakah pendapat sahabat saya dari Jerai terhadap pegawai-pegawai yang tidak kerjasama dengan pelaksanaan projek tersebut?



**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Putatan. Memanglah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semalam pun telah bagi *warning* tetapi bukanlah semua. Pegawai kerajaan pun ada yang baik, banyak baik, ini hak ada yang kayu-kayu buruk ini, adalah sedikit-sedikit yang ini lah yang dok buat kacau yang kadang-kadang depa ini jadi masalah. Tetapi keseluruhannya sejak merdeka sampai hari ini pegawai inilah kita dok tadbir, KTS, PTD dan sebagainya yang mentadbirkan negara kita. Tetapi dalam ramai itu sudah tentu ada yang tidak amanah, yang tidak ikhlas, yang tidak ada semangat, yang kira curi masa dan sebagainya, yang pada waktu bekerja dok usung kayu golf ini pun ada. Jadi dalam rumah besar ini macam-macam ada. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kata hak yang dok jenis perangai kayu buruk ha.. yang ini kalau nak berasa rehat pergi rehatlah, pergilah main golf tinggal kerja, pergi main golf ataupun ambil pencen awal. Jadi hak itu.. hak lain bagus. Saya pun tahu ada banyak yang bagus, hak tidak bagus pun adalah.

Jadi satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bercakap berkenaan dengan pertanian, Tuan Yang di-Pertua. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri fokus pertanian.

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** Yang Berhormat bagi Jerai.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Ya, syeikh.

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** Ya, ya, ya.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Assalamualaikum syeikh.

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** Waalaikumussalam Warahmatullah.

*[Ketawa]* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya, Yang Berhormat bagi Jerai. Saya mengikuti ucapan dari awal sampai ke sekarang ini di mana Yang Berhormat bagi Jerai, saya berterima kasihlah kerana menyentuh masalah kemiskinan.

Apa pandangan Yang Berhormat bagi Jerai apabila saya sentuh di sini bahawa kemiskinan ini adalah isu sejagat, bukan isu setempat dalam memberi erti bahawa kemiskinan ini bukan sahaja berlaku di Pasir Mas, bukan sahaja berlaku di Kelantan, malah di seluruh negara kita, di Kedah, di Perlis, di Perak. Dan, bukan tuduhan sesetengah kalangan yang mengatakan bahawa kerana pelarian dari Kelantan pergi ke sesetengah negeri, maka negeri tadi bertambah kemiskinannya. Jadi, apakah pandangan Yang Berhormat dengan pandangan saya tadi bahawa kemiskinan ini

adalah kemiskinan sejagat yang ia tidak tertakluk kepada satu-satu tempat dan bagaimana untuk mengatasi perkara yang telah berlaku ini?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Terima kasih Yang Berhormat. Memanglah masalah kemiskinan kita bercakap pasal seluruh negaralah. Saya pun bercakap bagi pihak seluruh negara termasuklah kawasan Yang Berhormat. Sebab itu dalam Islam ini, ia suruh tolong-menolong, Yang Berhormat. Sebab itu ia ada zakat. Jadi, sekarang ini semua orang dok harap kerajaan sahaja. Syarikat yang berjaya ratus-ratus juta, *bottom line* tiap-tiap tahun itu bawa pergi ke mana duit depa.

Kadang-kadang *declare* 6 bulan sebelum dibayar cukai, dok ada RM100 juta atau RM200 juta, ada yang sampai RM400 juta, tidak adakah langsung depa ini belas kasihan. Semua hendak tepuk atas kerajaan – kerajaan, kerajaan, kerajaan. Mana komitmen depa ini? Depa mengaut kekayaan dan keuntungan dalam negara kita. Saya faham dia bayar cukai, memang dia bayar cukai, tetapi komitmen terhadap orang miskin secara *direct* mana ada. Tidak bolehkah satu-satu syarikat yang berjaya, tokoh-tokoh korporat yang berjaya ambil *allocation* RM1 juta atau RM2 juta, “Nah, pergi buat rumah PPRT”. Kawan itu pula, “Nah RM1 juta pergi buat PPRT” ataupun yang saya cadangkan dahulu, adakan tabung di mana korporat-korporat atau syarikat-syarikat besar bubuh dalam tabung itu, disalurkan kepada negeri-negeri termasuk Kinabatangan untuk menolong orang miskin.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Boleh tanya sedikit, Yang Berhormat bagi Jerai?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Boleh. Tuan Yang di-Pertua anjak masa sedikit, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Banyak lagi masa, jangan bimbang. Tuan Yang di-Pertua fleksibel punya. *[Ketawa]*

Yang Berhormat, saya memang setuju dengan Yang Berhormat, di kawasan Kinabatangan ini, dua pertiga keluasan tanah di Kinabatangan telah ditanam oleh syarikat-syarikat besar dengan kelapa sawit. Malangnya setelah mengaut keuntungan berjuta-juta ringgit atau berbilion-bilion ringgit, satu orang pelajar di Kinabatangan pun tidak ada ditaja oleh syarikat-syarikat ini untuk mendapat sekolah yang lebih tinggi.

Jadi, bukankah ini satu permasalahan besar yang kita hadapi di mana dilihat kerajaan tidak mempunyai kawalan terhadap syarikat-syarikat ini sehingga dapat membantu masalah-masalah di sekitar kawasan yang terlibat, bukan sahaja di Kinabatangan, mungkin di Larut pun ada. Tetapi mereka tidak langsung memperlihatkan komitmen, kesungguhan mereka untuk membantu, apatah lagi membina rumah orang miskin. Minta pandangan.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Golongan-golongan ini, Yang Berhormat, kita letakkan sebagai golongan yang tidak berperikemanusiaan, hati batu dan orang-orang ini kita hanya doakan kesejahteraan mereka. Saya percaya Allah Taala – betul Yang Berhormat bagi Pasir Mas, ya – orang yang dapat kekayaan itu dan tidak menolong saudara yang miskin, dia telah mengkhianati kekayaan yang Allah Taala bagi kepada dia. Tuhan bagi kepada dia bukan untuk dia semua, untuk hendak agih juga kepada orang miskin.

Kadang-kadang, Tuan Yang di-Pertua, saya pun tengok-tengok, geram. Bila berlaku ini, orang kompelin kerajaan. Yang syarikat-syarikat ini bagilah sedikit sebanyak, apalah salahnya. Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini, syarikat besar ini macam buaya, Tuan Yang di-Pertua, dok tunggu berapa bilion, berapa bilion hendak telan. Bukan dok fikir berapa banyak aku ini untung hendak boleh bagi orang miskin, hendak tolong rakyat di Jerai, hendak tolong rakyat di Kinabatangan, hendak tolong di manakah. Tidak ada! Cuma hendak tunggu di mana hendak ditelan, siapa hendak pergi ambil. Kita tahu, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, yang menjadi mangsa, rakyat juga.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Itu buaya besar itu!

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Penjelasan.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Bukan dalam laut, buaya darat ini. Okay, Tuan Yang di-Pertua, satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, untuk menjayakan RMK ini, saya hendak bercakap ini, Tuan Yang di-Pertua....

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Penjelasan.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** ....dari segi...

**Beberapa Ahli:** Belakang, belakang.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Ya? Minta maaf ya.

*[Ketawa]*

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai, sebab ini penting hendak menyokong yang tadi itu, yang syarikat-syarikat gergasi. Dahulu kita sudah sebut bahawa kebanyakan

pengerusinya, kebanyakan lembaga pengarahnya, kebanyakan CEOnya, pengurus-pengurusnya adalah datang dari kampung, dari desa, tetapi bila sudah duduk di bandar, mengurus syarikat-syarikat besar yang ada kepentingan negara, mereka lupa kepada masyarakat di kampung. Jadi, Yang Berhormat bagi Jerai, kita berdoa sahaja mudah-mudahan mereka ini lembut hati...

**Seorang Ahli:** Sumpah!

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Jangan sumpah, kita doa mudah-mudahan mereka lembut hati, balik ke pangkal jalan, ingat orang kampung, ingat orang desa, ingat nelayan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat!

**Tuan Mohd. Daud bin Tarihep [Kuala Selangor]:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Jerai, menyambung yang tadi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat bagi Jerai, nanti sekejap.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Ya, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau mereka sudah bayar cukai dan sudah bayar zakat, apakah lagi yang Yang Berhormat hendak mereka lakukan?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Tidak, Tuan Yang di-Pertua. Cukai itu memang sudah kena bayar. Saya pun bayar cukai. Tetapi masalahnya, lepas bayar cukai itu dia untung, ada duit pada dia.

**Tuan Yang di-Pertua:** Apa Yang Berhormat hendak mereka lakukan.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Saya hendakkan ambillah sebahagian ataupun sedikit daripada berjuta-juta itu, bagilah, bantulah anak-anak orang miskin yang memerlukan. Janganlah semua hendak harap kerajaan. Ambil duit ini, nah bagi di mana kawasan mana yang susah sangat, serah kepada kerajaan untuk buat rumah PPRT. Bukan mahal rumah PPRT, RM13 ribu. Depa boleh duduk satu rumah RM13 juta. RM13 ribu kecil sahaja, bilik dua, bilik air satu, bumbung zink, yang itulah yang saya hendak. Pasal dia pun berniaga daripada sini. Syarikat GLC tidak ada, ia ada komitmen lain, ia buat universiti dan sebagainya. Syarikat-syarikat yang besar-besar ini, yang dok balas projek-projek kerajaan ini.

**Tuan Mohd. Daud bin Tarihep [Kuala Selangor]:** Yang Berhormat bagi Jerai, mencelah.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Allah!

**Tuan Mohd. Daud bin Tarihep [Kuala Selangor]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak setuju dengan

Yang Berhormat bagi Ledang, sekadar kita berdoa supaya pihak swasta ini dapat membantu membangunkan negara. *[Disampuk]*

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Saya pun tidak setuju. *[Ketawa]*

**Tuan Mohd. Daud bin Tarihep [Kuala Selangor]:** Ya. *[Ketawa]* Dan, kita sedia maklum, Yang Berhormat bagi Jerai, satu ketika dahulu kerajaan sudah menganjurkan dasar penswastaan, persyarikatan Malaysia dan perkongsian pintar. Bukankah ini satu dasar yang cukup baik agar pihak swasta bersama-sama dengan pihak kerajaan untuk mesra rakyat, membangunkan negara kita secara bersama?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Betul, Yang Berhormat. Kadang-kadang manusia ini ibarat kacang lupakan kulit. Ya, saya bersetuju dia ambil projek kerajaan, swasta daripada kerajaan, *mergetlah* dan sebagainya, Tuan Yang di-Pertua. Akhirnya yang menanggung penderitaan adalah rakyat. Tengok bank sekarang ini *merger, merger, merger*, kononnya anak bank itu besar. Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, beribu orang akan hilang pekerjaan dan bila bank itu jadi besar, dia bukan hairan dengan orang. Dia sudah tidak hairan meniaga kecil-kecil. Dia kata, "*You can go, no time for you. I just entertain big loan, not small loan,*" dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Ini dia kata kepada saya bahasa orang putih. Jadi, saya kata bahasa orang putihlah dalam Parlimen ini.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Yang Berhormat bagi Jerai, sedikit boleh? Saya hendak cadang ....

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Bolehlah. *[Ketawa]*

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Saya hendak cadang kalau Yang Berhormat bagi setujulah. Yang mana bagi sumbangan ini, *social obligation* ini, dengan izin, bantuan kebajikan kepada masyarakat, tidak kiralah individu atau syarikat besar-besar, saya hendak cadang kalau Yang Berhormat setuju, dikecualikan cukai. Ini akan jadi satu galakan. Kecualikan cukai kepada yang mana berikan sumbangan untuk dirikan '*Rumah Mesra*' ke, bagi *scholarship* ke atau orang hendak pergi ke haji ke, kecualikan cukai kepada mereka. Ini boleh jadi satu galakan untuk menarik lebih ramai mereka yang sudah kaya-raya ini untuk memberi sumbangan ke arah membantu sama-sama, kita mengimbangi lagi cara hidup rakyat. Apa pandangan, Yang Berhormat bagi Jerai?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Ini pandangan yang cukup baik, maknanya kita menggalakkan. Kita kena ingat, Tuan Yang di-Pertua,

kadang-kadang orang itu kaya, rumah besar, kereta besar, tetapi Allah Taala bagi pada dia kencing manis, darah tinggi, sakit jantung. Tengok udang boleh, makan tidak boleh. Tengok daging boleh rasa, telan tidak boleh. *[Disampuk]* Itu dia, Tuhan sudah bagi secara tidak langsung tetapi dia bukan sedar. Dia dok *act* begitulah. Sampai duduk atas kerusi roda pun dok *act* lagi. Hendak kata manusia in pasal kekayaan, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Jadi kalau dia sedekah duit ini sedikit, sedekah kepada orang miskin, insya-Allah orang miskin akan mendoakan dan dia akan bertambah kaya dan disegani. Yang saya *frust* ini, Tuan Yang di-Pertua, dia ambil projek kerajaan dan swasta yang itu yang ini, minta IPP dan sebagainya...

**Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** Yang Berhormat bagi Jerai.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** ...tetapi keuntungan itu untuk dia. Pekerja dia sendiri pun dia tidak jaga *welfare*. Ini berlaku! Sebab itulah kita tengok macam bank-bank ini, bila dia *merger*, dia buang orang kerja atas alasan konon – bukan dia bagi sagu hati ataupun bagi hadiah.

**Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** Yang Berhormat bagi Jerai.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Kalau dia tidak terima...

**Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** Yang Berhormat bagi Jerai, belakang, mencelah sedikit.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Ya?

**Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** Di sini, sini, belakang.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Mana?

**Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** Maran, Maran.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Ooh. *[Ketawa]*

**Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Terima kasih Yang Berhormat Jerai. Saya bersetuju, amat bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Jerai. Saya ingin mencadangkan kalau boleh, mungkin Yang Berhormat setuju dengan cadangan saya, maknanya sekarang kita tahu bahawa syarikat-syarikat swasta ini, dahulu adalah hasil kerajaan.

Dahulu, banyak kerajaan yang pegang syarikat-syarikat inui, tapi sekarang banyak yang sudah dipegang oleh swasta. Apa salahnya, sebagai langkah baru untuk kita mencapai Rancangan Malaysia Kesembilan ini, sebagai komitmen dengan izin, daripada pihak-pihak swasta ini kita minta supaya kerajaan memberikan cadangan

supaya syarikat swasta ini memberikan sedikit *portion* mereka. Cukai, cukailah, sebab kita pun bayar ya, Jerai ya? Saya bayar, Jerai pun bayar, semua ahli Parlimen bayar. Jadi, tentukan mungkin *portion* sedikit sahaja supaya hasil keuntungan mereka ini kita berikan kepada orang kampung. Saya rasa, kalau ini, Insya-Allah kita boleh berjaya. Terima kasih.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Insya-Allah, Tuan Yang di-Pertua kita hendak macam ni Tuan Yang di-Pertua, kita hendak negara Malaysia ini sebuah negara yang persaudaraannya erat. Yang kaya menolong yang miskin. Jadi, akhirnya yang miskin itu akan jadi senang. Tetapi kalau yang kaya, tak menolong yang miskin, macam kadang-kadang kerajaan kata, buat konsep 'payung'. Hendak menolong peniaga-peniaga kecil. Tetapi syarikat besar bukan konsep 'payung', dia 'payung' orang itu pulak Tuan Yang di-Pertua. Lingkup habis. Macam MAS dulu, macam itulah juga. Konsep 'payung', konsep 'payung'. *Last* sekali, dia payung habis, sampai la terhutang. Kemudian ini pula, hendak buang pekerja bawah.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Bukan payung Yang Berhormat, dia 'pau' habis.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Dia 'pau'lah. Sebelah kedah, dia kata payung. Habis Tuan Yang di-Pertua. Jadi yang ini Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mintalah kepada swasta, kita bekerjasama dengan kerajaan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini. Kita bekerjasama. Kerajaan cari projek bagi. Depa pula dapat, bantu kerajaan. Dua *way*lah, jangan satu *way*. Kalau satu *way*, susahlah kita. Kita hendak dua *way*, *give and take*. Lagi satu, Tuan Yang di-Pertua saya hendak bercakap sedikit fasal Islam Hadhari, Tuan Yang di-Pertua.

Dalam negara kita ini, kerajaan ataupun idea Yang Amat Berhormat mewujudkan Islam Hadhari ini adalah untuk kita berpakat dan bersatu-padu di seluruh rakyat dalam negara kita ini. Kita tidak harus lagi menimbulkan isu-isu Perlembagaan yang telah termaktub, yang dipersetujui oleh datuk-nenek kita. Kita harus pandang jauh ke hadapan, macam mana kita hendak bangunkan negara ini menjadi sebuah negara yang hidup majmuk di antara satu kaum dengan satu kaum yang lain. Kadang-kadang, saya lihat di dalam Dewan yang mulia ini pun dipertikaikan.

Sesuatu ketidakpuasan hati seolah-olah kumpulan ataupun rakyat orang Melayu ini hendak sesuatu, berlebihan daripada yang lain, tidak Tuan Yang di-Pertua. Malah dalam Dasar Ekonomi Baru, 30% ini kalau kerajaan bagi pun bukan kita ambil hak orang lain, tidak! Hak diwujudkan oleh kerajaan. 30%, katalah dalam RM200 bilion ini, kalau

30% diberikan kepada bumiputera adalah untuk kesejahteraan negara kita ini juga. Dan dalam 30% ini pun Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang dia ada juga kongsi. Kita kongsi 'Ali Baba'. Bukan 'Ali Baba'. 'Ali Baba' tak boleh pakai. Kongsi, kongsi niaga. Ada. Jadi, 30% pun, tertiris juga lagi. Jadi, bermakna Tuan Yang di-Pertua, kekayaan negara ini hendaklah kita kongsi bersama, supaya rakyat Melayu, India, Cina, Iban, Kadazan dan sebagainya, dapat nikmat daripada peruntukan dan kemerdekaan kita. Jadi, jangan dipersoalkan kenapa visi-visi universiti Melayu. Kenapa pegawai-pegawai kerajaan, semua Melayu?

Kenapa pasukan polis semua Melayu. Fasal terbuka, masuklah! Kalau masuk, terus hendak pegawai, memang susah! Hak yang *average* tak mahu masuk, hendak masuk yang pegawai. Jadi, masalah. Jadi, Tuan Yang di-Pertua saya minta bawa isu-isu ini, jangan dibangkitkan. Kerana ini akan menjadi pertikaian dalaman negara kita. Kita hendakkan generasi bangsa Malaysia yang bersatu-padu. Tetapi, kalau kita pemimpin, pemimpin parti membangkitkan isu-isu sensitif [tepek meja], maka ia akan menjadi satu benda yang tidak ..

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Sungai Petani.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]:** Ya, yang ini, tengok janggut dia pun kena bagi Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]*

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Dia bangkit banyak kali hari ini. Selain daripada mempertikaikan isu-isu yang dianggap sensitif, bagaimana pula ada pihak yang mempolitikkan agama itu. Bila kita bercakap Islam Hadhari seperti Yang Berhormat sebutkan tadi, seolah-olah kita dalam UMNO hendak menukar agama pula. Bukan lagi berpegang kepada Islam yang kita percaya hari ini. Jadi, apakah pendapat Yang Berhormat, segala perancangan yang pada Rancangan Malaysia Kesembilan ini akan terencat, sekiranya hal-hal Islam ini dipolitikkan oleh parti politik.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]:** Itulah Yang Berhormat Sg. Petani, saya katakan tadi, kita minta semua. Kita ini duduk di dalam Dewan yang mulia ini, adalah di atas kehendak Allah S.W.T dan di atas kepercayaan rakyat kepada kita. Jadi rakyat meletakkan kita di sini. Rakyat di kampung, orang tua-tua di kampung, rakyat yang buta huruf, yang cacat dan sebagainya, pangkah kita dalam pilihan raya. Letak kita di Dewan ini untuk membela nasib mereka, bukan untuk melaga-lagakan. Harapan rakyat sedemikian. Bukan untuk suruh kita berlaga. Kalaupun kerajaan telah mengeluarkan iaitu Islam Hadhari, memang benar, bukan Islam yang baru. Islam yang itu juga. Dua kalimah syahadat yang itu juga.



Tetapi kita hendak membawa Islam ini, Islam yang lebih bertamadun. Orang-orang agama Islam ini. Supaya umat Islam jangan tertindih. Umat Islam jangan terhina. Umat Islam jangan dicaci, apatah lagi Tuan Yang di-Pertua, kita tengok orang-orang barat menghina umat Islam. Bagaimana barat mencaci umat Islam. Bagaimana barat ini, yahudi ini, menempelak umat Islam. Kita tertindih dan tertekan.

Sebagai sebuah negara Islam yang merdeka dan berdaulat, kita harus tunjuk kepada dunia yang Islam dan bukan Islam, bahawa ini dia Islam yang sebenarnya. Ini dia Islam yang harus kita pertunjukkan, iaitu agama yang sederhana, agama yang berkasih-sayang di antara satu sama lain, dan agama yang berkehendakkan kemajuan, dan agama yang membela nasib yang perlu dibela. Keadilan! Jadi, jangan dipolitikkan. Jadi, saya berharap, Pasir Mas, tolong Pasir Mas, bagi tahu kawan-kawan Pasir Mas, Islam Hadhari adalah juga Islam, Islam yang tulen, mempertingkatkan maruah kedudukan umat Islam sejajar dengan sabda Rasulullah SAW iaitu membela dan mempertahankan agama Islam. Macam mana Yang Berhormat, elok tak? *[Ketawa]*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, sila tamatkan selepas ini, ya. Ya, ada apa Pasir Mas?

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** Terima kasih Yang Berhormat Jerai. Sepanjang apa yang telah disebut Yang Berhormat Jerai, saya rasa tidak ada apa-apa yang baru, dan tidak ada apa-apa yang khilaf di antara PAS dengan apa yang dikehendaki oleh Yang Berhormat Jerai. Tinggal lagi, dari segi pelaksanaannya. Saya berharap dengan apa yang telah disebut oleh Yang Berhormat Jerai tadi, biar ia benar-benar dilaksanakan oleh kerajaan. Jangan hanya sekadar membawa simbol, cadangan-cadangan, tapi di sana, banyak lagi benda-benda yang selerak.

Orang Kelantan kata 'selerak'. Maksudnya, bocor di sana, bocor di sini, bocor di situ, bocor di sini. Jadi, kita hendak sekarang ini, bila kita sebut Islam, kita kembali sungguh kepada asas yang disebut oleh, selalunya disebut oleh Pasir Puteh, bahawa, *"[menyebut dalam bahasa Arab]"*. Kita hendak kepada kemaslahatan yang benar-benar. Kembali kepada kemaslahatan kepada kehendak yang dikehendaki oleh agama Islam. Jangan hanya, slogan semata-mata. Apa pandangan Yang Berhormat?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Terima kasih Yang Berhormat Pasir Puteh. Inilah yang Yang Berhormat Perdana Menteri, *[Dewan menyampuk]*. Pasir Mas. Ini yang Yang Berhormat Perdana Menteri hendak bawakan. Membawakan rakyat Malaysia ini ke satu hala, mementingkan dunia dan akhirat. Bukan setakat keduniaan sahaja.

Bila keduniaan sahaja, itulah tidak amanah, hendak cari senang, hendak hidup mewah dan sebagainya. Jadi hendak buat kedua-dua. Sebab itulah kita adakan '*Human Capital*', ataupun Modal Insan ini. Hendak mengubahkan minda rakyat Malaysia ini, supaya mereka ini menjadi rakyat yang bertanggung jawab. Rakyat yang sayangkan agama mereka, sayangkan bangsa mereka. Rakyat yang bertanggung jawab. Jadi saya minta pihak parti pembangkang terutama sekali PAS, membantu kerajaan. Kalau yang mana tak betul, kita perbetul, pakat-pakat.

Jangan pula, kalau kita nak buat, dahlah parti tak buat, dok pi marah kat kita pula. Memanglah, kadang-kadang Tuan Yang di-Pertua, adalah tersilapnya. Kalau ramai ini, macam tulah Pasir Mas pun. Tapi, Pasir Mas kenalah bagi tahu kawan, rakan supaya jangan dok mengata, berdosa. Jangan dok maki hamun, berdosa. Jangan dok hina sesama Islam, berdosa. Jangan dok menghina sesama Melayu, berdosa. Yang Berhormat tak habak yang itu, itu yang kesian dekat kami. Jadi, saya minta Yang Berhormat tolong ya. Okey, lagi satu Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey tamat Yang Berhormat.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Ya?

**Tuan Yang di-Pertua:** Tamat dan siap.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Tuan Yang di-Pertua, bukan Tuan Yang di-Pertua. Saya, saya tak sampai lima minit pun Tuan Yang di-Pertua. Fasal, tadi, tak apa bagi saya sambung sikit nanti. Fasal saya nak cakap fasal negeri Kedah Tuan Yang di-Pertua. Negeri Kedah Tuan Yang di-Pertua. Sebab itu, saya bagi awal semua Tuan Yang di-Pertua, saya akhir sikit. Fasal depa dok tanya, tak jawab pun kawan-kawan Tuan Yang di-Pertua. Kesian dekat depan. Jadi, Tuan Yang di-Pertua saya mintalah kesian Tuan Yang di-Pertua kat saya sama. *[Dewan riuh]* Tengok-tengok pembangkang! Inilah Tuan Yang di-Pertua, pembangkang dia bukan kesian pun.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terus, terus, terus. Banyak lagi? 3 minit lagi.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya minta kepada kerajaan pusat, supaya melihat Kedah ini Tuan Yang di-Pertua, adalah sebuah negara Jelapang Padi. Kami berkorban untuk rakyat, berkali-kali dah saya kata. Tetapi peruntukan Rancangan Malaysia Kesembilan ini, kami hanya dapat lebih kurang RM8.9 bilion. Tak cukup Tuan Yang di-Pertua. Orang kampung dok masih lagi, hendak-hendak kampung, bangunan dan sebagainya. Bendang Tuan Yang di-Pertua, bukan untung la ni. Tak boleh cari makan

dah, Tuan Yang di-Pertua. Hendak-hendak 10 tan satu hektar, pengairan tidak boleh buat. Peruntukan diminta RM1 bilion, pun tidak boleh diberi.

Jadi, macam mana kita hendak pertingkatkan pendapatan ekonomi? Sedangkan kalau kita kalihkan, Tuan Yang di-Pertua, tanam kelapa sawit, Kedah ini kaya. Dan ini bila ...ini hendak tubuh pula, air negeri Kedah pula nak ambil. Pusingan duit bagi negeri Kedah, RM160 juta, akan hilang Tuan Yang di-Pertua. Maka kami akan lebih miskin lagi. Jadi Tuan Yang di-Pertua, apakah adil orang yang begitu bermurah hati, berkorban menanam padi, untuk makanan rakyat Malaysia, tetapi kami di tinggalkan! Peruntukan kami dihadkan sebanyak RM89 bilion sahaja, tak cukup Tuan Yang di-Pertua. Jadi saya merayulah kepada kerajaan pusat tolonglah negeri Kedah Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Saya sambung selepas ini ya?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya. Ya. Tamatlah, tamat.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Terima kasih, ya. Saya sambung nanti ya?

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey, pukul 1 lebih.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya sambung.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tak, dah tamat.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya sambung Tuan Yang di-Pertua?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Sambung Tuan Yang di-Pertua, sambung sikit lagi. Sat lagi lah selepas ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jam 2.30.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Ya, selepas ini.

*Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.02 petang.*

*Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.32 petang.*

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, perbahasan disambung semula. Ya, Yang Berhormat bagi Sungai Petani.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang ini kepada saya yang telah bangun sejak minggu lalu dan hari ini baru dapat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Terima kasih. Pertama sekali, kita mengalu-alukan tajuk Rancangan Malaysia Kesembilan yang telah di bentang oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita iaitu membina tamadun menjulang martabat negara. Cukup indah, cukup elok, cukup molek. Dalam membina tamadun ertinya iaitu kemanusiaan itu adalah begitu penting sekali kepada rancangan itu. Kita harus melihatnya dalam konteks tamadun tadi. Di sinilah perkara pertama yang saya hendak bangkitkan dalam Dewan pada hari ini ialah mengenai dengan pengangkutan.

Saya berulang kali, mungkin ini dianggap basi tapi bagi saya tidak basi iaitu penerbangan Air Asia dan MAS yang mana kita tahu kita akan belanjakan wang yang begitu besar dalam soal pengangkutan. Oleh itu, saya minta menteri yang berkenaan untuk menyatakan di Dewan yang mulia ini di manakah kesilapan MAS sehingga ia membawa kerugian yang begitu besar dan kita terlalu sangat mengatakan bahawa MAS rugi. Maka dengan itu MAS terpaksa beri laluan kepada Air Asia yang mana Air Asia baru sahaja beroperasi dan tidak membuktikan rekodnya lagi.

Oleh itu, saya hendak membaca sedikit petikan daripada akhbar Utusan Malaysia Jumaat 7 April 2006. Saya *quote* di sini, Ketua Pegawai Eksekutifnya Datuk Tony Fernandes berkata, "buat masa ini permintaan luar bagi saham-sahamnya adalah besar berbanding permintaan rakyat Malaysia. Sekarang ini pelabur asing menguasai sebanyak RM1 bilion saham atau 42.65% modal saham Air Asia sehingga akhir bulan lepas. Air Asia kini bernilai AS1bilion sejak dimulakan pada Disember 2001 daripada syarikat penerbangan RM1 kami harap dapat menjual saham kami kepada rakyat Malaysia. Kami mahu dana Malaysia untuk membeli saham kami,".

Jadi di sini saya rasa Air Asia belum lagi bersedia. Jadi kenapa kita tidak memberi peluang kepada MAS yang sudah mempunyai dana. Memang dia melakukan kerugian. Kerugian itu tidak dapat kita ketepikan. Itu saya faham tetapi pihak menteri tidak pernah menyatakan kepada kita di manakah kesilapan MAS sehingga membawa kerugian yang begitu besar. Adakah dari segi *ticketing*? Adakah dari segi kargo?

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]:** *[Bangun]*

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Adakah dari segi *kitchen*? Adakah dari segi *maintenance* nya? Apa lagi, apa lagi? Saya tidak tahu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Kudat.....

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** .....dalam operasi.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Sungai Petani dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan apa yang telah dijelaskan oleh Yang Berhormat bagi Sungai Petani berkaitan dengan Malaysia Airlines khususnya *rationalization* di antara Malaysia Airline dengan Air Asia iaitu berkaitan dengan pembahagian *route* khususnya bagi domestik *route*. Ini adalah pendapat peribadi saya, saya berpendapat bahawa ini bukanlah satu langkah yang terkebelakang. Malah pada pandangan saya ialah merupakan satu langkah yang ke hadapan kerana ini akan memberikan peluang kepada Malaysia Airlines untuk memberikan tumpuan kepada *international operations* dan juga menjadi satu penerbangan yang bertahap antarabangsa dan ini telah pun berlaku di kebanyakan negara.

Kalau Yang Berhormat misalnya dapat pergi ke negara-negara seperti saya pernah berkhidmat di Taiwan selama empat tahun dan saya mengetahui misalnya syarikat-syarikat penerbangan *prime* seperti *China Airlines*, *Evergreen* mereka ini adalah menumpukan sepenuhnya kepada penerbangan bagi antarabangsa dan manakala penerbangan domestik diberikan kepada syarikat-syarikat seperti *Mandarin Airline*, *Uni Air*, *Far Eastern* dan sebagainya. Apa yang saya hendak sampaikan di sini ialah di Malaysia hari ini kita sepatutnya telah membuka seluas-luasnya penerbangan LCC dan juga *domestic route* ini kepada sebanyak mana syarikat penerbangan. Kita tidak hanya harus membataskan kepada Air Asia. Kita boleh membuka misalnya Sabah dan Sarawak kalau mereka berhasrat untuk menubuhkan satu syarikat penerbangan untuk memberikan perkhidmatan dan perniagaan kepada *routes* yang mereka rasa boleh mendapatkan keuntungan dan memberikan perkhidmatan kepada pelancongan mereka. Mereka harus dibenarkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]:** Sebab itu misalnya di Indonesia sendiri....

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]:** ....kalau Yang Berhormat tahu....

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik, baik.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]:** ....ada....

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Terima kasih.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]:** .....ada Syarikat Lion Air, Jatayu dan banyak lagi syarikat-syarikat yang lain. Merpati Airlines, Mandala Airlines dan sebagainya. Adakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya kalau sekiranya kita benarkan Malaysia Airlines ini hanya beroperasi di dalam *international* dan manakala domestik kita buka seluas-luasnya bukan sahaja kepada Air Asia tetapi juga kepada syarikat-syarikat yang berminat untuk menjalankan operasi penerbangan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]:** Terima kasih.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Terima kasih Yang Berhormat, itu pandangan Yang Berhormat. Sebab itu saya katakan tadi, saya tidak ada apa-apa masalah dengan mengizinkan mana-mana *airlines* untuk beroperasi di Malaysia. Itu tidak menjadi persoalan saya.

Persoalan saya tadi ialah mengapa pihak menteri tidak dapat menyatakan kepada kita, di mana kerugian sebenarnya? Itulah persoalannya dan Air Asia ini baru dijemput untuk mendapatkan laluan-laluan domestik terutama sekali dan juga dia mendapat laluan rantau ini. Tidak bermasalah dengan soal internasional, tidak masalah tentang soal domestik pada masa yang lampau dan saya kira di sini sebab itu saya mulakan mauduk saya hari ini. Begitu molek sekali membina tamadun.

Soalnya perkiraan ekonomi apa pendekatan sekalipun yang kita lakukan dalam hal ini ialah soal rugi untung. Rugi untung, rugi untung. Tetapi tajuk kita membina tamadun. Tamadun itu manusia. Tahukah Yang Berhormat iaitu apa yang akan berlaku kepada MAS apabila ini berlaku, iaitu penstrukturan semula syarikat itu. Penstrukturan semula yang mana akan melibatkan 6,500 pekerja. Bayangkan kalau kali dua, kalau kali tiga, kalau kali empat, apa ini semua? Ini persoalan dia. Saya tidak mempertikaikan apa pendekatan ekonomi sekalipun ataupun kita hendak katakan ekonomi bebas, bebas, biar sahaja. Sebab itu saya buat cadangan hari itu, tutup sahaja MAS bawa SIA mari sini, senang. SIA dia tidak ada domestik, dia ada internasional sahaja, ini Malaysia dalam konteks membina tamadun di mana manusia itu...

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]:** [Bangun]

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** [Bangun]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat....

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Yang Berhormat.....

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** ... harus kita angkat ke satu tahap yang baik.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]:** Yang Berhormat...

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Kita bercakap dalam buku ini.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Dalam ini ada Yang Berhormat...

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]:** Yang Berhormat bagi Sungai Petani...

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Kita bercakap ini sahaja. Untuk buat itu, buat ini, tetapi apa akan jadi nasib kepada 6,500 ini?

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]:** Yang Berhormat bagi Sungai Petani.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Saya sebagai wakil rakyat, saya rasa terpenggil untuk menyatakan perasaan ini. Cuba Yang Berhormat pergi bertanya, di mana air port-air port? Apa mereka akan katakan kepada kita.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Yang Berhormat, tamadun Yang Berhormat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Jerai.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Ya, sila Yang Berhormat bagi Jerai.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Yang Berhormat bawa keluar buku besar, saya bawa keluar buku kecil yang penuh dengan intipati ucapan Perdana Menteri kita. Yang Berhormat, saya amat bersimpati, sama seperti Yang Berhormat bersimpati tentang nasib pekerja-pekerja. Dari segi kita hendak mencari keuntungan kita juga hendak melihat dari segi sosial, dari segi cari makan, dari segi rezeki. Ini bukan sahaja berlaku di MAS, tetapi juga di syarikat-syarikat lain yang kononnya apabila diubah cara GLCnya, maka pekerja-pekerja dihentikan hanya kerana hendak mencari keuntungan yang berlebihan. Ini juga menyebabkan ramai orang yang hilang mata pencarian dan ramai yang tidak berpekerjaan pada hari ini sedangkan yang berpekerjaan di hentikan.

Jadi apakah Yang Berhormat bercadang supaya kerajaan ambil tahu hal ini, bantu dan adakah Yang Berhormat sedar dalam surat khabar baru ini Tony Fernandes daripada Air Asia mengatakan 49% saham hari ini adalah milik orang luar. Malaysia menguasai 51%. Tetapi adakah Yang Berhormat faham, kalau pun orang itu *block*

*control*, dia menguasai blok dia walaupun 35%, dia menguasai sesuatu syarikat yang *dilistedkan*. Jadi Adakah Yang Berhormat ingin melihat supaya jangan satu lagi peluang rezeki Malaysia ini mengalir ke negara asing, terima kasih Yang Berhormat.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Ini saya amat bersetuju, 101% dengan Yang Berhormat bagi jerai di mana pembelaan kita sebagai wakil rakyat yang mengundi kita, bawa di sini untuk menyuarakan hasrat mereka dan ini macam saya katakan tadi, 6,500 kalau kali dua, kali berapa lagi berapa biji mata yang kita perolehi yang akan menuding kepada kita. Kita sebagai dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *government of the day*, apakah tanggungjawab kita? Mahukan anak-anak pekerja ini menuding tanya balik, 'kita mahu makan apa besok bapa'? Kita mahu apa? Memang kalau VSS, semua dapat duit, tetapi berapa duit yang mereka akan perolehi. Saya tidak mahu pertikai lagi.

Lagi satu ialah Air Asia. MAS juga terbang di seluruh dunia, mana dunia dia tidak pergi? Semua dia pergi dan di sini kita hendak membangunkan pelancongan.

Bagaimana dengan *connecting flight* antara negara tadi dengan Kuala Lumpur, kemudian apa pula *flight* diambil. Kalau ini boleh diurus oleh MAS, saya rasa ini tidak bermasalah. Ini soal dia, *connecting flight* lagi satu dan kalau orang tahu begini akan berlaku, mereka tidak akan datang ke Malaysia.

Ini sekali lagi saya harap pihak Kementerian Pelancongan akan lihat perkara ini. Dan saya hendak tanya juga bahagian pengangkutan tadi mengenai dengan MAS, apakah laluan antara London-Langkawi-KL masih dikekalkan ataupun hendak di musnahkan. Saya dengar cerita bahawa setiap tahun pengunjung dari England datang ke Langkawi untuk menginap di Langkawi beberapa hari dan *flight* itu bawa balik. Mereka rasa mudah dan begitu juga *flight-flight international flight, connecting flight* ini tadi. Jadi apa masalah dia? Sebab itu saya tanya tadi masalah menteri ini di mana? Tidakkah boleh kita mengurus semula. Saya merayu kepada menteri yang berkenaan untuk kita buat *negotiation* semula mengenai dengan rutin tadi.

Ia boleh, saya tidak menentang sama sekali Air Asia. Air Asia boleh buat operasi, terus menerus. Kalau boleh macam Yang Berhormat kata tadi, kita katakan boleh kita buka *airlines* sekali, kita hendak buka, bukalah, terbanglah ke udara ini. itu sahaja yang saya mahu bangkit.

Perkara yang mengenai dengan pengangkutan juga yang saya hendak bangkitkan ialah KTMB. Kita bercakap sudah begitu lama mengenai dengan KTMB. Mengapa tidak sekarang dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, kita juga meletakkan



asas bagaimana hendak membaiki kelajuan kereta api tadi? Oleh kerana pada musim-musim perayaan, kita kata banyak *accident* berlaku. Kenapa tidak kita menggunakan kereta api ataupun kawasan-kawasan bandar kecil berhampiran dengan Kuala Lumpur boleh diadakan kereta api - *commuters*, kenapa tidak? KTMB harus ada perancangan ini dan saya minta juga kementerian mengadakan perancangan dari segi KTMB dalam laluan dekat, jauh dan sebagainya dan kelajuannya juga diambil kira.

Perkara kedua yang saya hendak bangkitkan ialah apa yang disebutkan kerap kali dalam Dewan ini mengenai dengan modal insan. Saya percaya kita harus dan kita mesti memahami sedalam-dalamnya modal insan. Jangan hanya sekadar kita hendak mengatakan bahawa dalam pelajaran ini pembinaan sekolah sekian, sesi sekian dan sebagainya. Saya percaya sudah sampai masanya ini 2006 ia merupakan sebagai batu perbatuan yang mana boleh kita asaskan di sini untuk melihat kembali susunan, sistem pelajaran kita.

Adakah kita masih hendak gunakan sistem yang ada sekarang ini? Iaitu kita sudah tahu pada tahun enam dia mengambil UPSR, kemudian lepas UPSR, PMR, lepas PMR, SPM, lepas SPM dia juga ke universiti dan sebagainya. Jadi apakah ini kita tidak boleh memikirkan, apakah sistem yang kita akan lakukan dalam abad yang ke 21?

Banyak negara seperti Britian, Amerika Syarikat telah merubah keadaan mereka bulan lagi seperti yang ada sekarang, konvensional, begitu konvensional sehingga kita begitu terikat, tidak boleh keluar daripada kepompong tadi.

Bila darjah 6, mesti UPSR maka menggigillah ibu bapa tadi mendapat anak sama ada dapat 10A, 15A, berapa A, ini menggigil. Yang menjadi perhitungan ialah ibu bapa sama ada anak berjaya ataupun gagal.

**Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** Yang Berhormat Sungai Petani, boleh mencelah sedikit.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Maka ukuran itu dianggap gagal, kalau gagal SPM, PMR dianggap gagal dalam kehidupan, seolah-olah saya katakan.

**Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Sungai Petani. Saya ingin bertanya sebagai seorang yang berpengalaman dalam bidang pendidikan dan pelajaran. Dan, tadi Yang Berhormat sebutkan bahawa sistem yang kita ada sudah lama dan mungkin tidak berapa sesuai lagi untuk sekarang ini. Adakah Yang Berhormat terfikir ada satu sistem baru yang dalam pemikiran Yang Berhormat yang boleh kita cadangkan kepada

kerajaan supaya sistem pelajaran, pendidikan yang ada sekarang lebih berkesan dan dapat melahirkan modal insan, Yang Berhormat sebutkan tadi. Terima kasih.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya saya tidak mahu mengakui bahawa sistem yang ada sekarang tidak langsung boleh dipakai. Sistem ini sudah pun dari satu aspek dia telah mengeluarkan manusia-manusia seperti kita. Apa yang saya maksudkan, apakah tidak boleh kita cari paradigma yang lain supaya kita boleh sesuaikan dia dengan cabaran-cabaran abad ke-21.

Maksud saya begini, sistem peperiksaan itu adalah satu aspek sahaja untuk buat penilaian. Maksud saya di sini ialah kita harus lihat dari segi kokurikulum kita, kalau kita hendak lihat kokurikulum. Mahu pun kokurikulum dalam sejarah pun kita harus tukar, mereka berhenti seolah-olah mencapai kemerdekaan, habis. Lepas kemerdekaan, pembangunan negara macam mana? Tidak ada, ini maksud saya. Jadi, dia punya bahan-bahan dia, *content* dia, kokurikulum tadi harus dipertingkatkan dan peperiksaan itu masih dikekalkan.

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** [*Bangun*].

**Dr. Junaidy bin Abdul Wahab [Batu Pahat]:** Minta penjelasan.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Tetapi sebagai satu aspek untuk membuat penilaian tahap-tahap tertentu. Soal saya ialah dari segi penggubalan kokurikulum dan sebagainya. Yes.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, siapa dulu?

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Ketereh?

**Dr. Junaidy bin Abdul Wahab [Batu Pahat]:** Batu Pahat?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ketereh.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Ketereh.

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih [*Disampuk*] Yang Berhormat bagi Sungai Petani, [*Ketawa*] saya tidak berapa nampak, tidak pakai *speck*, selalu dok ingat sebelah sana.

Saya tertarik dengan pandangan Yang Berhormat tadi dan saya bersetuju sebab sistem peperiksaan yang ada sekarang ini. Pada pandangan saya, dari dulu saya berpendapat demikian, selalu ada perbincangan dengan guru-guru ialah sistem yang menguji keupayaan pelajar pada waktu itu. Kalau dia peperiksaan pada 9 hari bulan November 2006, pukul 10 pagi, maka dia diuji kebijaksanaannya pada pukul 10 sehingga pukul 11, kalau dia bijak pukul 12, sudah tidak jadi apa. Ataupun kalau dia

ingat pukul 12, dia sudah tidak jadi apa, ataupun kalau dia ingat pukul 8, pukul 9 dia tidak ingat.

Jadi, kita meletakkan asas kebijaksanaan seseorang budak itu, atau murid itu, atau pelajar itu pada *time* itu sahaja. Kalau dia sakit, dia susah, dia ada masalah persekitaran atau dia bijak sepanjang tahun, tiba-tiba pada 9 hari bulan pukul 10 pagi dia jadi *blank*. Maka dia sudah jadi manusia yang gagal. Saya rasa sistem seperti ini yang ada sebenarnya tidak memberi keadilan sepenuhnya kepada pelajar. Minta penjelasan.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Ketereh. Memang itu maksud saya, iaitu peperiksaan satu aspek. Jadi, apakah pemarkahan maksud saya, kita menilai aspek-aspek yang lain iaitu aspek kreativiti seseorang anak-anak muda tadi. Dan, kita ada cara-cara dia, kalau saya hendak menghuraikan ini satu persatu, memang tidak cukup masa sehingga esok pagi pun tidak habis saya hendak hurai. Tetapi lebih baik secara ringkas saya tuju soalan ini kepada Kementerian Pelajaran untuk melihat kembali, *relook* tentang perkara ini. Jangan kita hanya memikirkan berapa buah sekolah akan dibuat, berapa guru diambil, berapa itu? Kita hendakkan dari dalaman itu, apa benda yang kita hendak ubah, maksud saya begitu. Ya, Yang Berhormat.

**Dr. Junaidy bin Abdul Wahab [Batu Pahat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Saya memang menyokong hujah Yang Berhormat tadi menyatakan bahawa kita tidaklah melampau memikirkan berkenaan dengan *paper qualification*, dengan izin. Apa yang kita pentingkan ialah nilai keupayaan murid itu sendiri sebagai pelajar secara *holistic*. Maksudnya berdasarkan kepada kemampuan dalam asas yang lain seumpamanya kepimpinan, sukan dan sebagainya.

Jadi, cadangan daripada Yang Berhormat supaya kita mengkaji semula dasar pendidikan negara bagi saya, kita hendaklah menilai juga, kita perhatikan sekarang bahawa pelajar dari darjah 6 sudah menduduki peperiksaan. Kemudian tingkatan 3, kemudian tingkatan 5. Jadi, apakah cadangan daripada Yang Berhormat kepada pihak Kementerian pada mereka yang tidak lulus ataupun tidak menunjukkan kecemerlangan pada peperiksaan tingkatan 3. Adakah mereka sepatutnya meneruskan pengajian tersebut ataupun diagih-agihkan dalam sektor-sektor yang lain atau bahagian yang lain, pendidikan yang lain supaya mereka dapat meutilizekan kebolehan mereka untuk masa depan.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Terima kasih Yang Berhormat. Semasa saya berkhidmat dalam kementerian dulu, memang ini telah dibangkitkan bahawa pihak kementerian telah pun mengadakan mata pelajaran yang baru seperti mata pelajaran vokasional. Yang ini kita amat mengalu-alukan, iaitu ada anak-anak ini yang suka kepada pengetahuan vokasional. Dan, nasihat saya mudah saja iaitu ibu bapa kadang kala anak-anak lelaki mengambil *tailoring*, dia bantah. Dia kata ini anak lembut, itu salah. Bagi saya sama ada *catering*, sama ada *tailoring*, ini adalah kita kata untuk buat masa depan dia hendak buka dia punya *business* dalam jahitan misalnya, kenapa tidak. Jadi, ini perkara-perkara yang membangkit.

Dan, saya rasa pihak kementerian mempunyai pakar-pakar untuk menilai kembali dan di manakah patut dia masukkan perkara tadi. Jadi, mengenai dengan kursus-kursus tadi kita biarlah pada pihak kementerian.

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]:** [Bangun]

**Datuk Ronald Kiandee [Beluran]:** Yang Berhormat Sungai Petani.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat.

**Datuk Ronald Kiandee [Beluran]:** Sungai Petani.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang mana?

**Datuk Ronald Kiandee [Beluran]:** Beluran?

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Dak, dak, Yang Berhormat

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]:** Cameron Highlands? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Saya tertarik dengan pandangan Yang Berhormat mengatakan bahawa sistem perlu dirombak semula dari segi dalaman. Dan salah satu faktor yang telah menggugat, saya gunakan perkataan menggugat kecemerlangan pendidikan di negara kita adalah insan, yang ada dalam sistem itu. Bukan sistem, dan selalunya kita hendak ubah sistem, dengan izin, *the external rival*. Dan, saya rasa ini mungkin tidak akan berkesan dalam senario Malaysia.

Perkara yang perlu dilihat adalah orang yang memimpin di semua peringkat. Bagaimanakah fenomena ini dapat diatasi? Ini adalah satu krisis yang begitu serius dalam keseluruhan sistem itu. Saya minta pandangan daripada Yang Berhormat.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Ya, inilah yang saya hendak bangkitkan tadi. Kita mesti lakukan bersesuaian dengan cabaran abad ke-21. Kita ini adalah dinosaur abad ke 20-an. Jadi, kita mahu lihat anak-anak muda ini, kalau kita kata RMK-9 ini adalah sebagai perbatuan pertama untuk kita menuju kepada 2020.

Bayangkan anak-anak yang masuk tahap satu tahun ini, mereka sudah berumur berapa pada tahun 2020? Mungkin di antara .....

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]:** Yang Berhormat, orang yang tidak *perform* pun masih disimpan di situ kerana sistem tidak membenarkan.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Ini yang saya nyatakan.

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]:** Bagaimana ini boleh diubahsuaikan?

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Yes, betul. Sebab itu saya katakan perlu kita lihat kembali, kita lihat semula, kupas balik, tarik yang mana yang kita rasa tidak bersesuaian, dan yang mana sesuai kita masukkan. Kita memang banyak di kementerian pakar-pakar pendidik tadi, *educationist*, maksud saya. Jadi, cara-cara untuk mereka nasihatkan menteri memang ramai. Daripada pusat kokurikulum, macam-macam pusat dalam kementerian kita ada, jangan bimbang.

Jadi, saya teruskan juga, saya ingin bertanya di sini, peruntukan untuk MLVK daripada Kementerian Sumber Manusia itu mengapa tidak dipindahkan sahaja kepada Kementerian Pelajaran? Yang mana Kementerian Pelajaran lebih, saya katakan lebih baik untuk menjalankan mata pelajaran vokasional tadi.

Pindahkan peruntukan itu. Dan seterusnya saya hendak bangkit perkara yang ketiga, ialah dengan mengenai dengan pengajian tinggi. Begitu juga kalau asas kita daripada bawah kalau kita tidak betulkan maka yang atas juga tidak betul. Jadi dari segi pengajian tinggi, sebelum itu saya ingin ucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Menteri Sains yang telah begitu mengambil berat mengenai dengan *biotech* dan macam-macam lagi dan di sini tahniah kita kepada Kementerian Sains khususnya kepada menterinya yang mengambil banyak inisiatif dalam *biotech*. Saya bagi peluang Pasir Mas hendak sangat.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Ya, sila kita bagi orang tua-tua.

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat dari Sungai Petani. Saya mendengar apa yang disebut yang diterangkan oleh Yang Berhormat Sungai Petani dengan maksudnya, tujuan yang begitu mulia bagi melihat generasi kita masa depan yang terdiri daripada generasi yang baik, generasi yang cemerlang sebagaimana yang dikehendaki oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Tinggal lagi apakah dasar pendidikan di sekolah kita ini benar-benar mampu dan boleh melahirkan pelajar-pelajar yang akhirnya mempunyai akhlak mulia, yang mempunyai jati diri, yang mempunyai ketelusan dan mempunyai gagasan sebagai kemudian daripadanya, sebagai seorang graduan universiti. Saya ulangi lagi, apakah dasar pendidikan negara kita sekarang ini? apakah perlu ada peningkatan ataupun masih di tahap yang lama? Kalau ada peningkatan ke arah mana yang kita mahu bawa generasi kita?

Kalau kita lihat perkara ini banyak berlaku di kalangan pemuda-pemuda kita, di kalangan bekas pelajar-pelajar kita yang macam-macam kerenah dan masalah-masalah yang berlaku pada mereka. Barangkali hasil daripada tabiat pendidikan di negara kita, apakah pandangan Yang Berhormat?

**Dato' Mahadzir bin Mohd Khir [Sungai Petani]:** Terima kasih Yang Berhormat Pasir Mas. Saya tadi apa yang saya sebut memang sistem kita mampu menghasilkan manusia-manusia yang baik, itu tujuan kita. Tapi saya maksudkan bagi menghadapi cabaran abad ke-21, perlu atau tidak kita sesuaikan ataupun kita ukur kembali apakah perlunya menghadapi cabaran ini melalui sistem pelajaran.

Untuk mengatakan bahawa sistem kita sudah gagal itu saya tidak terima. Sistem kita masih mampu tetapi menghadapi cabaran abad ke-21, kita harus menukar sedikit ataupun kita kata ada kebaikan, tingkatkan dia sedikit. Macam dalam pelajaran agama, kita memang dari segi kementerian telah membuatkan sukatan yang baik sekali. Cuma yang menjadi haru-biru, hiruk-pikuk ialah parti politik.

Kita banyak main politik sebab itu anak-anak muda kita pun jadi haru-biru, ya Jerai.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Terima Sungai Petani. Saya tertarik dengan *biotech* Tuan Yang di-Pertua kerana *biotech* ini boleh membawa perubahan dari segi ekonomi dan hidup masyarakat pada zaman moden hari ini.

Saya bersetuju Yang Berhormat, Kementerian Sains dan Teknologi ada berusaha dan sedang berusaha. Tetapi sampai hari ini saya tidak nampak sesuatu yang Kementerian Sains dan Teknologi lakukan untuk melibatkan *biotech* ini dari segi pertanian kita ini, ini yang kita harap-harapkan.

Kalau yang peringkat antarabangsa itu bagi saya tidak penting, itu kemudian. Yang pentingnya dalam negara kita ini, dan kerajaan fokus kepada pertanian. Apakah Kementerian Sains akan seiring dengan Kementerian Pertanian untuk mencapai matlamat mempertingkatkan lagi pendapatan pak tani-pak tani i ini. Ini yang saya selalu

bertanya dan saya akan bertanya selagi kita tidak nampak seorang pak tani itu berubah ataupun anak-anak dia berubah mengikut jejak pembangunan negara ke alam *biotech*, terima kasih Sungai Petani.

**Dato' Mahadzir bin Mohd Khir [Sungai Petani]:** Terima kasih Jerai. Saya terus terang saya katakan saya beri tahniah kepada Kementerian Sains. Jadi kalau Yang Berhormat bertanya saya dengan soalan itu, saya angkat soalan Yang Berhormat itu tuju kepada Kementerian Sains untuk mereka sama-sama jawab. Jadi saya mengangkat ataupun saya dengan izinlah *adopt*, mengambil dia sebagai anak angkat saya.

**Seorang Ahli:** [*Menyampuk*] Jadikan sebahagian daripada ucapan.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Adakah Yang Berhormat mengatakan Kementerian Sains gagal dari segi untuk mempertingkatkan *biotechnology* dalam pertanian.

**Dato' Mahadzir bin Mohd Khir [Sungai Petani]:** Tidak saya tidak berkata macam itu. Saya kata biarlah mereka ada kerja sama dengan Kementerian Pertanian tadi. Walhal kalau kita ambil Kementerian Pertanian, kita dapati MARDI itu, apa yang dia tidak ada? Segala PHD nya semua penuh dalam MARDI itu, kita pergi semua PHD dalam itu.

Dan macam saya katakan, *biotech* pun kita kena berhati-hati. Sebab ada juga dunia-dunia yang telah menolak *biotech* ini tadi. Maksud saya begini, yang ini Yang Berhormat daripada Arau memang pakar dalam hal ini, kita menggunakan baja organik umpamanya, kita tidak pakai lagi baja yang boleh misalnya kita kata buah mempelam kecil lepas itu hendak buah mempelam besar. Kemudian hendak juga jambu kecil hendak jadi besar, hendak tomato kecil hendak jadi besar.

Pakai baja macam-macam ini *biotech* ini, *cross break* ini macam-macam dia buat. Akhirnya mereka menolak dengan kata itu, apa kita kata tidak sihat. Akhirnya mereka balik kepada *basic*, iaitu hendakkan tomato kecil, hendakkan ubi kecil, hendakkan itu dan ini. Jadi saya rasa.....

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Yang Berhormat adakah *biotechnology* ini dari kecil jadi besar?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat duduk.

**Dato' Mahadzir bin Mohd Khir [Sungai Petani]:** Ya, yang kecil jadi besar.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Jadi yang besar jadi kecil boleh tidak?

**Dato' Mahadzir bin Mohd Khir [Sungai Petani]:** Boleh!

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]:** Boleh Arau, boleh.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat saya harap perbincangan kita ini berjalan dengan struktur yang sesuai. Kalau itu hendak bertanya, mencelah kena bangun dan minta kebenaran daripada Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Mahadzir bin Mohd Khir [Sungai Petani]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya lihat tadi Jasin minta.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Terima kasih sahabat saya Sungai Petani. Yang tentang *biotech* dan juga pengajian tinggi. Kita ada 16 universiti, 18 termasuk Terengganu, Kelantan. Lepas itu kita ada MARDI macam Yang Berhormat sebut, kita ada FRIM, kita ada SIRIM apa rim-rim yang kita tidak ada termasuk RIM. Tapi macam mana yang disebut oleh Jerai, setakat hari ini tidak nampak lagi, tidak nampak berkenaan dengan *biotech* ini.

Kita cadangkan adakah Yang Berhormat ingin mencadangkan supaya Kementerian Sains ini, bagi kepada pusat-pusat pengajian tinggi kita ini geran untuk menjalankan kerja-kerja penyelidikan tentang *biotech* ini dan seterusnya kita salurkan pertemuan-pertemuan ini kepada masyarakat. Setakat hari ini kita tengok pusat-pusat penyelidikan kita, dia syok sendiri sahaja. Dia dapat ketemu pun tetapi masyarakat di bawah ini tidak dapat apa-apa. Apa pendapat Yang Berhormat Sungai Petani?

**Dato' Mahadzir bin Mohd Khir [Sungai Petani]:** Ya, saya amat bersetuju dengan Yang Berhormat Jasin iaitu peruntukan-peruntukan ini pun saya memang dalam cadangan saya iaitu kepada Kementerian Sains tadi. Peruntukan-peruntukan memang dia mempunyai peruntukan yang begitu besar daripada membuat penyelidikan.

Oleh itu dapat ia disalurkan kepada pusat-pusat pengajian tinggi mengeluarkan geran, saya amat bersetuju mengeluarkan geran yang begitu besar kepada universiti-universiti tempatan yang mengendalikan pelbagai macam saintifik *research*. Saya bagi Pengkalan Chepa.

**Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Masa sekolah saya *head prefect*, ketua pelajar. Dan masa dalam tahun 70-an, saya menjadi guru kaunseling ..... Saya bersetuju dengan Cameron, Yang Berhormat Cameron Highlands dan saya bersetuju dengan Yang Berhormat. Ada faktor-faktor yang sangat menjejaskan kedudukan di sekolah-sekolah.



Pertama sekali disiplin, yang kedua *environment*. Saya melihat bahawa disiplin-disiplin sekolah-sekolah ini tidak seperti mana dulu-dulu. Kalau disiplin ini seperti dulu termasuk bukan sahaja di kalangan murid tetapi di kalangan guru-guru. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat iaitulah kadang-kadangnya politik itu terlampau. Sebab saya juga pernah menganggotai PIBG. Guru Besar di sesebuah sekolah itu dia menjadi Ketua Cawangan. Apabila orang besar datang, menteri datang dia tinggalkan sekolah. Guru-guru berkeliaran, disiplin tidak ada.

Apabila saya pergi kepada penempatan sekolah iaitu Sekolah Berasrama Penuh, saya dapati bahawa guru itu sangat komited. Menteri datang pun dengan pelaksanaan - menteri datang pun dia tidak kisah, sehingga pelajar-pelajar itu berjaya dengan cemerlang dan saya sebagai guru *counseling and guardian* kadang-kadang terpaksa pergi ke rumah untuk melihat kenapa pelajar ini tidak datang ke sekolah. Jadi saya bersetuju, adakah pandangan Yang Berhormat bukan sahaja dasar yang perlu tetapi disiplin dan juga *environment* sekolah itu perlu dibaiki sekarang ini.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Ya, terima kasih. Sebab itu saya percaya dalam Kementerian Pelajaran akhir-akhir ini di mana menterinya mengambil prihatin yang begitu tegas terhadap disiplin yang mana saya percaya dengan membaiki keadaan-keadaan seperti sekolah itu terlalu besar misalnya, di mana mereka sedang mewujudkan sekolah satu sesi sahaja. Ini langkah-langkah yang sedang diambil. Jadi Yang Berhormat bersabarlah. Kerajaan Barisan Nasional memang amat bersetuju sekali kalau Yang Berhormat kata begitu tadi iaitu kita membaiki *environment*.

Ini yang sedang dilakukan malah dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini yang diperuntukkan untuk membina lebih banyak sekolah. Sebab itu saya percaya kalau parti PAS menyokong kita 100 peratus, saya percaya kita berjaya dalam soal pelajaran anak-anak kita di sekolah. Jadi saya balik kepada soal universiti tadi, saya mahu tadi...

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Penjelasan, penjelasan sebelum pindah tajuk.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Sedikit sahaja.

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Pasal biotek, saya minta sebab tadi Yang Berhormat bercakap pasal biotek. Saya masih ingat lagi, sebenarnya kita sudah ada sedikit kejayaan dalam biotek. Cuma kita tidak *proceed* dengan izin, kita tidak teruskan.. Misalnya saya pernah dengar dahulu kita ada sejenis binatang yang nama dia "selembu" iaitu bila benih seladang di

campur dengan lembu dia jadi “selembu”. Kemudian kita dengar ayam campur dengan puyuh tetapi dia jadi kecil, dia jadi “yamyuh”, kemudian di campur pula puyuh dengan ayam, dia jadi besar jadi “puyam”. Sebenarnya sudah ada, begitu juga dengan pokok-pokok. Cuma benda itu hilang begitu sahaja. Jadi apa pandangan Yang Berhormat, sudah ada tetapi tidak ada kejayaan yang diteruskan. Terima kasih.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Ya, memang saya bersetuju kadang-kadang dalam perancangan kita tidak kita laksanakan sebab mungkin kerana peruntukan misalnya, tetapi dalam soal ini biarlah kita ajukan soalan itu kepada Kementerian Sains dan Inovasi dan juga Kementerian Pengajian Tinggi. Saya hendak pendekkan saya mahu lihat satu peruntukan...

**Dr. James Dawos Mamit [Mambong]:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, masa...

**Dr. James Dawos Mamit [Mambong]:** Penjelasan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang di-Pertua di sini, Yang Berhormat. Masa hampir habis. Sekarang soalan akhir sekali.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Sedikit. Sedikit sahaja. Pendek sahaja.

**Dr. James Dawos Mamit [Mambong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat. Tentang biotek lagi. Biotek memang sudah lama maju di dalam negara kita. Apa yang kita lihat sekarang adalah hasil daripada biotek - teknologi biologi. Memang sudah ada tetapi masalahnya sekarang bukannya biotek, masalahnya sekarang adalah pembangunan industri bioteknologi. Ini masalahnya kerana kalau kita mahu pendapatan yang lebih tinggi lagi daripada proses biotek, sistem biotek, kita haruslah memajukan industri bioteknologi. Ini masalahnya. Bolehkah Yang Berhormat bawa ini kepada kementerian yang berkenaan?

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Ya, terima kasih. Saya rasa itu adalah cadangan yang baik dan sekali lagi saya mengangkat cadangan ini untuk ditujukan kepada kementerian yang berkenaan. Saya hanya hendak menyatakan di sini untuk Pengajian Tinggi iaitu R&Dnya harus dijadikan budaya universiti itu kalau universiti ini hendak menjadi universiti yang terkemuka sama ada di Malaysia mahupun antarabangsa. Universiti hidup atas penyelidikan, kalau tidak ada penyelidikan universiti itu adalah bertaraf kolej sahaja, dia tidak akan menaikkan taraf universiti.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik Yang Berhormat. Cukuplah.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Oleh yang demikian, saya hendak bangkit sedikit sahaja. Yang Berhormat tadi *interruption* banyak. Sedikit sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Saya tahu Tuan Yang di-Pertua bagi banyak peluang kepada saya. Terima kasih banyak Tuan Yang di-Pertua, Allah sahaja yang selamatkan Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, cepat sedikit.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Iaitu mengenai dengan universiti-universiti tadi, saya buat cadangan supaya kita adakan *ranking* universiti dalam mata, kursus-kursus yang telah ditawarkan. Adakah universiti ini baik dalam perubatan, universiti ini baik dari segi mana, bukanlah saya hendak katakan universiti yang lekeh sekali dia akan menurun dan sebagainya. Tidak. Dia akan juga boleh *catch up*, naik juga. Kita ada *scale* kita sendiri.

Satu lagi ialah macam yang saya katakan juga mengenai dengan sahabat saya Yang Berhormat bagi Muar, mengenai soal bahasa. Saya minta sekali lagi peranan Dewan Bahasa juga dikaji semula oleh pihak Kementerian Pelajaran kerana kebelakangan ini kita sudah tidak dengar lagi Dewan Bahasa benar-benar berfungsi seperti mana yang telah kita kehendaki daripadanya.

Yang akhir sekali saya minta ialah iaitu Kementerian Penerangan, sejauh manakah Kementerian Penerangan sudah bersedia untuk menyediakan pemikiran atau *mindset* dengan izin, kepada rakyat pada keseluruhannya bersedia menghadapi segala macam cabaran dan juga bagaimana hendak menjayakan rancangan Rancangan Malaysia Kesembilan.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya merayu sekali lagi kepada Yang Berhormat Menteri Pengangkutan supaya diambil kira sekali lagi tentang penerbangan Air Asia dan MAS serta juga nasib 6,500 pekerjanya. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bukit Gantang.

**3.17 ptg.**

**Cik Tan Lian Hoe [Bukit Gantang]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk turut membahaskan usul Rancangan Malaysia Kesembilan yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan peruntukan perbelanjaan pembangunan berjumlah RM200 bilion bagi mencapai misi nasional.

Tuan Yang di-Pertua, Rancangan Malaysia Kesembilan ini bukannya hanya akan menjadi strategi pembangunan negara bagi tempoh lima tahun akan datang malah ia

akan menyediakan tapak bagi pencapaian Wawasan 2020 kerana Malaysia kini akan berada dalam fasa terakhir ke arah pencapaian matlamat jangka panjang untuk menjadikan negara maju dan kemajuannya dinikmati bersama oleh rakyat tanpa mengira kaum dan agama.

Bagi memastikan kejayaan Rancangan Malaysia Kesembilan, Tuan Yang di-Pertua, kita perlu memikirkan bersama apakah halangan-halangan yang akan menghalang pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesembilan ini. Selain sistem penyampaian yang telah dibincangkan oleh rakan-rakan sebagai penghalang utama kepada pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesembilan, Tuan Yang di-Pertua, penghalang yang kedua bagi saya ialah kelemahan sistem yang wujud sekarang yang tidak menggalakkan ketelusan. Sistem yang hari ini telah membuka peluang dan ruang kepada *temptation* iaitu keinginan, godaan sehingga membawa kepada perlakuan yang tidak beretika.

**Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]:** Minta jalan sedikit. Saya tertarik dengan halangan-halangan tadi.

**Seorang Ahli:** Saya ingat tertarik dengan Bukit Gantang.

**Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]:** Memang semuanya tertarik kepada Bukit Gantang. *[Ketawa]* Halangan pertama, saya tidak berapa setuju merupakan *delivery system* itu, itu penghalang yang kedua. Tetapi kalau kita tengok dalam bajet tahun 2006 - bajet untuk pembangunan RM35.5 bilion, dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, peruntukan itu perlu dicari sebanyak RM44 bilion.

Ini bermakna kekurangan dalam pembangunan untuk melaksanakan Rancangan Malaysia Kesembilan ini sekurang-kurangnya 9.5 bilion. Adakah Yang Berhormat boleh cari duit sebanyak ini sedangkan ini sudah hendak masuk bulan Mei. Kalau ini berterusan selama 4 tahun, maka kekurangan ini bagaimana hendak cari duit ini, ini halangan pertama, saya hendak tanya bagaimana caranya?

**Cik Tan Lian Hoe [Bukit Gantang]:** Terima kasih Yang Berhormat Pengkalan Chepa, bagi saya dengan peruntukan yang telah disediakan untuk Rancangan Malaysia Kesembilan ini, peruntukannya memang telah pun disediakan oleh pihak kerajaan tetapi persoalannya sekarang ini ialah pelaksanaannya. Bagi kita sekiranya adanya halangan terhadap pelaksanaannya, saya ingat ia akan membantutkan rancangan pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesembilan secara lancar. Sebab peruntukannya telah pun ditetapkan dan kalau mungkin tidak cukup nanti mungkin pihak kerajaan akan membuat tambahan lagi. Saya sambung Tuan Yang di-Pertua.

Lanjutan '*gather system that exist open temptation to un-ethical diss*', Tuan Yang di-Pertua, dengan izin. Lanjutan daripada kuasa yang besar yang diberikan kepada seseorang individu sehingga apa yang dilakukan menjadi satu rahsia dan tidak adanya *transparency*, maka sistem yang ada hari ini perlu dikaji dan diperbaiki agar tidak membuka ruang atau peluang kepada *temptation* agar segala penyelewengan dapat dikawal dan diatasi dan ia perlu bermula dari peringkat kementerian. Saya cadangkan satu jawatankuasa penyeliaan yang terdiri daripada menteri sendiri, timbalan-timbalan menteri, setiausaha parlimen, KSU dan beberapa pegawai kanan kementerian diwujudkan bagi membolehkan pembentangan segala kelulusan projek dalam sesuatu kementerian bagi mengelakkan masalah kronism, pilih kasih dan penyelewengan.

Tuan Yang di-Pertua, pembentangan pemberian atau kelulusan projek kementerian juga harus dibentangkan di kabinet sebagai peringkat yang kedua. Dengan adanya dua sistem *check and balance* ini dengan izin Tuan Yang di-Pertua, saya pastinya sistem ini tentunya akan mengelakkan *temptation* atau keinginan untuk melakukan penyelewengan. Saya juga cadangkan jawatankuasa ini juga dapat ditubuhkan bukan sahaja di peringkat kementerian tetapi di peringkat negeri dan di setiap daerah sekiranya kita ingin melihat Rancangan Malaysia Kesembilan ini dilaksanakan dengan jaya dan berkesan. Di samping memantau pelaksanaan oleh jawatankuasa pemantauan yang ditubuhkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh soal perpaduannya yang ditekankan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam pembentangan Rancangan Malaysia Kesembilan kita tidak dapat menafikan kepentingan integrasi kaum di negara ini dapat mencapai aspirasi kerajaan ke arah menjayakan Rancangan Malaysia Kesembilan di mana perpaduan dapat dicapai melalui pendidikan di tempat kerja dan pemahaman akan sensitiviti kaum dan agama. Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan kerajaan harus mempercepatkan proses memperkasakan semua sekolah tidak kira sekolah kebangsaan, sekolah jenis kebangsaan Cina atau Tamil sebagai sekolah bangsa Malaysia. Bagi menangani polarisasi kaum dan semua sekolah harus mempunyai murid daripada komposisi kaum yang seimbang. Sudah sampai masanya kita jangan membeza-bezakan sekolah-sekolah yang ada mengikut kaum seperti sekolah kebangsaan dan sekolah jenis kebangsaan.

Tuan Yang di-Pertua, Bahasa Mandarin dan bahasa Tamil di perkenalkan di semua sekolah dengan sepenuhnya untuk semua rakyat Malaysia apatah lagi kedua-

dua bahasa ini mempunyai nilai ekonomi dengan kebangkitan negara Cina dan India dalam menguasai ekonomi dunia pada masa ini dan pada masa hadapan.

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]:** *[Bangun]*

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Penjelasan.

**Cik Tan Lian Hoe [Bukit Gantang]:** Sila.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Sedikit sahaja, adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa.....

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]:** Saya minta dahulu Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Kerajaan Rancangan Malaysia Kesembilan bahawa tidak ada nampaknya tidak ada apa-apa usaha untuk memperkasakan sekolah-sekolah jenis kebangsaan ini sama ada Cina atau Tamil dan oleh kerana Yang Berhormat Menteri ada di sini munginkah dia harap dan bersetuju bahawa beliau boleh memutuskan perkara ini pada masa penggulungan bahawa akan ada usaha-usaha untuk memperkasakan sekolah-sekolah jenis kebangsaan Cina dan Tamil dengan angka-angka mengenai peruntukan dan kewangan.

**Cik Tan Lian Hoe [Bukit Gantang]:** Terima kasih Yang Berhormat Ipoh Timor. Apa yang dicadangkan oleh saya sendiri adalah bahawa kita tidak lagi mahu membezakan yang ini sekolah Cina, ini sekolah Melayu dan ini sekolah Tamil sebab yang penting sekarang ini untuk mencapai perpaduan negara kita tidak boleh membezakan yang ini Cina, Melayu atau India. Yang pentingnya ialah kita hendak sekolah bangsa Malaysia sebab apabila wujudnya sekolah bangsa Malaysia maka peruntukan itu akan diberi secara mengikut keperluan.

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]:** *[Bangun dan mengetuk mikrofon]*

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** *[Bangun]*

**Cik Tan Lian Hoe [Bukit Gantang]:** Sila.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat Cameron Highlands dan Sungai Petani.

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]:** Cameron Highlands. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat. Apabila kita mempersoalkan mengenai sekolah SJK (T) dan SJK (C) dan juga sekolah kebangsaan, saya rasa satu perkara adalah paradigma masyarakat yang menjadi warga

sekolah-sekolah ini, ibu bapa mereka. Salah satu persepsi di kalangan mereka adalah di mana mereka tertindas, oleh sebab dasar yang mungkin nampak tidak adil.

Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat, salah satu isu untuk pemberian bantuan kepada sekolah-sekolah sebegini vernakular adalah soalnya hak milik tanah. Saya dapati lebih kurang 300 sekolah kebangsaan terletak di atas tanah persendirian dan ini pula diberi naungan dan juga bantuan penuh tetapi masalah sekolah-sekolah SJK (T) dan SJK (C) oleh kerana tanah itu tidak dimiliki oleh mereka bantuan tidak dapat dilanjutkan. Dalam bajet pembangunan saya dapati bahawa pembangunan untuk sekolah-sekolah vernakular langsung tidak ada, itu sebab kadang-kadang menteri kena beri bantuan dari segi wangnya sendiri. Minta penjelasan bagaimana proses dasar ini boleh ditukar dahulu sebelum bantuan dan juga persepsi ini dapat dikikis demi mewujudkan bangsa Malaysia dan pendidikan bangsa Malaysia?

**Cik Tan Lian Hoe [Bukit Gantang]:** Terima kasih Yang Berhormat Cameron Highlands. Sebab itu saya menyarankan kepada pihak Kementerian Pelajaran apabila kita wujudkan sekolah bangsa Malaysia ini, maka kita akan mengikis sifat dan pemikiran prejudis di kalangan ibu bapa itu yang kita sarankan dan apabila dapat wujudnya sekolah bangsa Malaysia ini sudah pastinya Kementerian Pelajaran akan menyalurkan peruntukan yang sebaik mungkin mengikut keperluan sekolah itu.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** *[Bangun]*

**Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat.

**Cik Tan Lian Hoe [Bukit Gantang]:** Saya ingat cukuplah sebab saya ada lagi.....

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Sungai Petani, Sungai Petani bangun, sekali sahaja....

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Rembau, Rembau.....

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Tidak, Sungai Petani bangun banyak kali.

**Cik Tan Lian Hoe [Bukit Gantang]:** Okeylah saya beri pada Rembau.

**Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]:** Terima kasih Yang Berhormat Bukit Gantang dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya inginkan penjelasan, apakah yang dikatakan sekolah bangsa Malaysia itu? Pada saya sekolah bangsa Malaysia ialah sekolah kebangsaan, kita perkasakan sekolah kebangsaan. Kita adakan

pengajaran Bahasa Mandarin, Bahasa Tamil, kita galakkan rakyat Malaysia daripada berbagai-bagai kaum khususnya kaum Tionghoa dan Tamil belajar di sekolah kebangsaan. Dalam masa yang sama, murid-murid Melayu juga belajar Bahasa Mandarin dan Bahasa Tamil dan mereka berinteraksi di padang, di dalam kelas, di luar kelas, di kantin dan barulah wujud bangsa Malaysia. Apa pandangan Bukit Gantang?

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Setujulah itu!

**Cik Tan Lian Hoe [Bukit Gantang]:** Terima kasih Yang Berhormat Rembau, memang saya tidak menafikan bahawa sekolah kebangsaan ini akan menjadi sekolah bangsa Malaysia tetapi disebabkan oleh sebab dahulu kita telah pun menamakan sekolah Cina ini sebagai Sekolah Jenis Kebangsaan Cina, Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil dan sekolah SK ini sebagai sekolah Melayu. Sebab itu kalau boleh, ia ditukarkan balik, semua nama sekolah-sekolah ini menjadi semua SK. Saya ingat ia tidak akan timbulnya ibu bapa hendak menghantar ke sekolah Kebangsaan ke Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina dan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil. Itu yang saya maksudkan. Integrasi saya sambung ya Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Sekali ya Bukit Gantang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Sungai Petani.

**Cik Tan Lian Hoe [Bukit Gantang]:** Ya, sila Yang Berhormat bagi Sungai Petani.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Bukit Gantang, beri laluan. Sebenarnya Yang Berhormat sedar atau tidak, kita tidak ada lagi sekolah Melayu. Yang kita sebut Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina, Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil, tetapi tidak ada sekolah Melayu, tidak ada. Kita hanya ada sekolah Kebangsaan. Maksud dia ialah, terbuka kepada semua warganegara Malaysia. Cuma pilihan ialah bahasa pengantar di mana telah disesuaikan dalam Akta Pelajaran kita untuk diberi laluan, sekolah jenis Kebangsaan itu ialah sekolah yang bahasa pengantarnya Cina, itu sahaja.

Jadi saya rasa Yang Berhormat, apakah pandangan Yang Berhormat bahawa cita-cita kementerian ialah untuk memperkasakan sekolah Kebangsaan. Sebab itu, peruntukan yang begitu besar sekali diberi kepada peruntukan sekolah Kebangsaan kerana ia adalah untuk warganegara Malaysia. Terima kasih.

**Cik Tan Lian Hoe [Bukit Gantang]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Sungai Petani. Memang saya tidak dapat nafikan sebab masalahnya sekarang ialah persepsi ibu bapa sejak dahulu lagi. Apabila kami kata sekolah Kebangsaan ini, mereka



mempersiksikannya bahawa itu ialah sekolah Melayu, itu sahaja. So, sebab itu saya cadangkan kalau boleh nama okey, untuk Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina ataupun Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil ditukarkan semuanya kepada SK supaya mereka tidak ada lagi iaitu pilihan. Okey, saya sambung Tuan Yang di-Pertua.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Integrasi kaum juga dapat dicapai melalui tempat kerja. Tenaga kerja yang seimbang daripada pelbagai kaum dalam sektor awam dan swasta sudah tentunya dapat mengurangkan jurang polarisasi kaum dan mengurangkan sangkaan negatif semua kaum terhadap ketidakadilan dan pilih kasih kerajaan. Sensitiviti kaum terutamanya berdepan dengan kes pertikaian membabitkan isu pertukaran agama apabila berlakunya kahwin campur di kalangan rakyat memerlukan kaedah penyelesaian terbaik yang dapat memastikan hati semua kaum dijaga.

Pembangunan modal insan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan penting bagi menjadikan negara kita lebih kompetitif dan berdaya saing. Maka, penekanan kepada pembangunan sumber manusia dan perlunya kepentingan kualiti menjadi agenda utama Rancangan Malaysia Kesembilan jika negara tidak mahu kecundang dalam persaingan global. Kata-kata sindiran mengenai Malaysia yang mempunyai prasarana kelas pertama tetapi mentaliti kelas ketiga seharusnya menyedarkan rakyat Malaysia untuk mengubah sikap dan pemikiran mereka dan menggunakan amalan terbaik untuk membuat anjakan paradigma agar lebih kompetitif dalam persaingan global.

Kita perlu mengorak langkah dengan segera kerana Malaysia hanya mempunyai 15 tahun lagi untuk mencapai Wawasan 2020 untuk menjadi negara maju. Sudah sampai masanya kerajaan menumpukan kepada pelaburan dalam program pendidikan dan latihan. Perhatian terhadap setiap peringkat pendidikan anak-anak perlu ke arah melahirkan modal insan yang berkualiti dan mampu bersaing. Kejayaan seseorang pelajar itu mestilah bermula di peringkat prasekolah diikuti dengan peringkat sekolah rendah, menengah, kolej dan universiti.

Pembangunan modal insan, penawarannya mestilah sepadan dengan permintaan. Bekalan tenaga pengajar yang mencukupi mengikut keperluan kepakaran dan mendapat latihan berkualiti dan latihan berterusan penting bagi melahirkan modal insan yang bermutu tinggi. Kita perlu letakkan *the right man for the right job to teach the right things* dengan izin Tuan Yang di-Pertua, bagi memastikan kualiti modal insan.

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Tangga Batu Yang Berhormat. Tangga Batu.

**Cik Tan Lian Hoe [Bukit Gantang]:** Sila.

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Yang Berhormat bagi Bukit Gantang, *the right man for the right job to teach the right things*, Tangga Batu dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Saya kurang bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Bukit Gantang tentang pertama sekali, kenyataan, kata-kata sindiran tentang prasarana dunia pertama tetapi mentaliti dunia ketiga. Saya percaya kenyataan ini bukanlah satu kenyataan sindiran. Ia adalah satu kenyataan tepat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kepada kita semua untuk kita beranjak, berubah cara kita berfikir supaya dapat melengkap prasarana dunia pertama yang memang sedia ada di negara kita.

Yang kedua Yang Berhormat bagi Bukit Gantang, oleh kerana Yang Berhormat bagi Bukit Gantang bercakap berkenaan dengan sistem pendidikan dan pelajaran negara pada ketika ini, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat bagi Bukit Gantang sebagai seorang berpengalaman di dalam bidang ini, adakah faktor-faktor yang menyumbang kepada pencapaian akademik anak-anak kita pada hari ini bertepatan ukurannya pada hari ini, bertepatan sumbernya pada hari ini untuk kita mencapai Wawasan 2020, kecemerlangan pendidikan? Pengisian negara maju dengan modal insannya yang berkualiti. Adakah dengan apa yang ada hari ini, bertepatan untuk kita bawa bersama sehingga ke tahun 2020? Boleh Yang Berhormat ulas sedikit perkara itu? Terima kasih.

**Cik Tan Lian Hoe [Bukit Gantang]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Tangga Batu. Sebenarnya ungkapan yang rakyat Malaysia mempunyai prasarana kelas pertama dan mentaliti kelas ketiga sebenarnya okey, kita perlu meneliti pada diri kita bahawa harapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa kalau boleh, memang menjadi hasrat Yang Amat Berhormat rakyat Malaysia ini mempunyai juga mentaliti kelas pertama agar kita dapat memberi sumbangan untuk kemajuan negara.

Faktor pencapaian akademik, apa yang ada sekarang ini sebenarnya adalah tidak mencukupi. Sebab itu, kita perlu memperkasakan apakah kelemahan-kelemahan ataupun kekurangan yang ada supaya kita dapat membawa, memastikan bahawa segala rancangan, terutamanya Rancangan Malaysia Kesembilan ini dapat dilaksanakan secara berjaya.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin sambung. Peruntukan infrastruktur dan prasarana pendidikan yang mencukupi dan terkini mengikut keperluan dan diberikan sama rata untuk semua sekolah bagi mewujudkan persekitaran, pengajaran dan pembelajaran yang kondusif...

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Pasir Mas.

**Cik Tan Lian Hoe [Bukit Gantang]:** ... bagi meningkatkan kualiti pendidikan dan melahirkan modal insan di semua peringkat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Yang Berhormat bagi Pasir Mas. Hendak beri jalan?

**Cik Tan Lian Hoe [Bukit Gantang]:** Sila, sila.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Yang Berhormat. Sila.

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Bukit Gantang. Saya tertarik dengan ....

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** *[Menyampuk]*

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** Kacau ini, kacau. *[Ketawa]*

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Ehh kacau. *[Ketawa]*

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** Saya tertarik dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Bukit Gantang sekejap tadi bagi memanfaatkan modal insan.

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]:** Tertarik dengan Yang Berhormat?

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** *[Ketawa]*

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Cik Tan Lian Hoe [Bukit Gantang]:** *[Ketawa]*

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** Saya kira bahawa untuk melahirkan modal insan ini, keseluruhan ataupun semua pihak mesti mengambil peranan sehingga lahir sungguh modal insan terdiri daripada kalangan belia kita, pemuda-pemuda kita selaku belia dan beliawanis negara masa hadapan. Jadi apakah pandangan Yang Berhormat dengan sikap yang ditunjukkan oleh setengah kalangan?

Saya tidak nampak contohnya penonjolan melalui dasar, barangkali bukan dasar tetapi apa yang dilaksanakan dalam penyiaran TV misalnya. Sesetengah apa itu...

**Beberapa Ahli:** Apa itu?

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** Nanti dulu, dengar dulu...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Jangan panjang sangat Yang Berhormat. Ambil masa Yang Berhormat bagi Bukit Gantang banyak.

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** Sesetengah program itu tidak membantu. Itu maksud dia.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya.

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** Sesetengah program itu tidak membantu ke arah memanfaatkan modal insan yang dikehendaki oleh Perdana Menteri dan negara itu sendiri. Apa pandangan Yang Berhormat?

**Cik Tan Lian Hoe [Bukit Gantang]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Pasir Mas. Memang saya setuju jugalah bahawa penglibatan oleh semua pihak amat diperlukan untuk memastikan kejayaan pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesembilan.

Berkaitan dengan siaran-siaran yang mungkin ada sedikit pengaruhnya kepada golongan remaja ini memang akan diambil perhatian oleh Kementerian Penerangan. Saya sambung, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] :** Sila teruskan, Yang Berhormat.

**Cik Tan Lian Hoe [Bukit Gantang]:** Peruntukan RM1.5 bilion bagi menambah kemudahan sekolah luar bandar dan RM1.51 bilion untuk program pengkomputeran sekolah akan memberi manfaat kepada pelajar, manakala rancangan membina 180 sekolah rendah serta 229 sekolah menengah dan sekolah asrama dapat mengurangkan jumlah murid yang tinggi di sekolah-sekolah yang telah mencecah lebih daripada 1,500 murid yang perlu mendapat perhatian Kementerian Pelajaran kerana jumlah yang besar ini mengakibatkan bukan sahaja wujudnya masalah pengurusan malah kualiti sebahagian besar murid terjejas.

Nisbah guru:murid dalam kelas wajib diberi perhatian serius dan tindakan untuk mengecilkannya kerana ketika ini lebih daripada 90% nisbah guru:murid di kebanyakan sekolah adalah 1 kepada lebih daripada 30 orang murid, di mana ia tidak akan melahirkan modal insan yang berkualiti.

Institusi pengajian tinggi bertaraf antarabangsa perlu diwujudkan sekiranya Malaysia ingin menjadi pusat kecemerlangan pendidikan seperti yang dihasratkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Kementerian Pengajian Tinggi perlu menetapkan jumlah kajian dan penyelidikan pensyarah-pensyarah di universiti-universiti sebagai suatu keperluan dalam peningkatan kualiti pencarian penemuan baru sebagai kriteria peningkatan pangkat.

Geran harus diberikan kepada pelajar-pelajar sebagai galakan dan inisiatif untuk mereka menjalankan kajian dan penyelidikan. Pengambilan pelajar universiti berdasarkan meritokrasi sudah tentunya dapat mewujudkan daya saing dalam persaingan pelajar global dalam menjadikan Malaysia sebagai *hub of education learning*, dengan izin. Kajian terhadap permintaan tenaga kerja dalam pasaran mengikut keperluan semasa perlu dijalankan secara berterusan agar tidak berlaku *mismatch*, dengan izin, dengan penawarannya. Latihan praktikal (*practical training*) di kalangan pelajar universiti wajib dijalankan seawal mungkin. Mungkin pada tahun kedua sehinggalah tahun terakhir bagi pendedahan suasana pekerjaan sebenar dan peningkatan *competence* pelajar sebagai pekerja berkualiti dalam kesediaan dunia pekerjaan yang mencabar.

Pembasmian kemiskinan dijadikan sasaran utama dalam Rancangan Malaysia Kesembilan dalam usaha besar kerajaan menangani ketidakseimbangan pencapaian sosioekonomi negara. Jurang kemiskinan antara kaya dan miskin dalam kaum itu sendiri intra dan di antara kaum telah dapat dikurangkan melalui pendidikan. Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pengajian Tinggi perlu mengkaji semula objektif sebenarnya pemberian biasiswa dan penubuhan asrama di seluruh negara.

Bukankah tujuan biasiswa dan asrama didirikan pada asalnya diberikan kepada pelajar-pelajar yang benar-benar miskin. Malangnya hari ini pemberian biasiswa dan penempatan pelajar di asrama di seluruh negara kini diberikan kepada pelajar-pelajar yang datang daripada keluarga yang mampu dan berada sehingga peluang-peluang bagi anak-anak yang kurang berada ini dinafikan peluangnya kerana dirampas oleh anak-anak daripada orang yang mampu dan berada hari ini.

Sekiranya keadaan ini berlanjutan, sudah pastinya hasrat kerajaan mengurangkan jurang kemiskinan di antara yang kaya dan miskin ini tidak akan menjadi suatu realiti di mana yang kaya bertambah kaya kerana sentiasa mendapat peluang dan yang miskin bertambah papa.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Ayer Hitam bangun Yang Berhormat, hendak bagi jalan?

**Cik Tan Lian Hoe [Bukit Gantang]:** Ya, sila.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Bukit Gantang. Saya tertarik sangat dengan kenyataan Yang Berhormat tadi mengenai biasiswa yang diberikan kepada pelajar-pelajar dan saya hendak minta pandangan

Yang Berhormat, bagaimana dengan biasiswa, adakah ia patut diberikan keutamaan kepada orang kurang upaya.

Hari ini kita membaca surat khabar bahawa seorang pelajar 12A1 yang terbaik di kalangan orang kurang upaya itu tidak dapat biasiswa. Adakah kerajaan sepatutnya memberi keutamaan untuk memberikan mereka tempat kerana kecacatan yang ada pada mereka itu sebagai suatu *disadvantage* kepada mereka. Apakah pandangan Yang Berhormat tentang perkara ini?

**Cik Tan Lian Hoe [Bukit Gantang]:** Terima kasih, Yang Berhormat bagi Ayer Hitam. Saya setuju sangat dengan cadangan Yang Berhormat dan saya mengambilnya sebagai sebahagian daripada ucapan saya. Begitu juga dengan peluang ekonomi yang adil dalam semua sektor untuk semua golongan daripada semua kaum perlu diberi dengan cara perkongsian bijak antara yang kaya dengan yang kurang mampu untuk dinikmati keuntungan dan dikongsi bersama bagi mengurangkan jurang pendapatan yang semakin ketara.

Kita tidak mahu melihat lagi hanya yang kaya mendapat peluang dan mengambil kesempatan mengaut kekayaan negara sehingga tiada apa yang tinggi untuk orang yang miskin dan orang yang miskin cuma boleh berkongsi kekayaan-kekayaan yang sebenarnya ialah kemiskinan untuk dikongsi dengan orang-orang miskin.

Usaha membasmi kemiskinan tanpa mengira kawasan dan wilayah dalam Rancangan Malaysia Kesembilan perlu dipertingkatkan terutama bagi kawasan pendalaman dengan membawa projek-projek kerajaan seperti institusi pendidikan, sekolah berasrama penuh, sekolah vokasional, institusi pengajian tinggi, pusat-pusat pentadbiran kerajaan dan lain-lain lagi bagi membangunkan kawasan dan menggalakkan aktiviti ekonomi limpahan daripada pembangunan tersebut dan keutamaan diberikan kepada semua kawasan Parlimen.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Minta gulung Yang Berhormat.

**Cik Tan Lian Hoe [Bukit Gantang]:** Tuan Yang di-Pertua, sedikit lagi, Tuan Yang di-Pertua. Wanita negara hari ini tentunya berasa terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang begitu prihatin terhadap nasib wanita serta sumbangannya terhadap negara. Sumbangan wanita dalam agenda pembangunan negara terus diperkasakan sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan.

Peningkatan wanita dalam tenaga kerja sebagai penggubal dan pembuat dasar dan keputusan dapat dicapai sasaran 30% dalam pelaksanaan Rancangan Malaysia

Kesembilan terutamanya dalam jawatan hakim syariah, *vice chancellor* universiti-universiti, ketua-ketua jabatan dalam pelbagai sektor awam di peringkat kementerian, negeri, daerah sehinggalah ke peringkat mukim dan kampung sebagai pegawai daerah, penghulu dan ketua kampung kerana wanita telah pun menunjukkan keupayaan cemerlang apabila diberikan peluang yang saksama.

Bagi membolehkan wanita bekerja, kemudahan sokongan seperti menyediakan tempat kerja mesra keluarga. Pusat penjagaan kanak-kanak berasaskan komuniti dibina oleh pihak kerajaan seperti yang dilakukan di negara-negara Eropah.

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Pasir Puteh, Yang Berhormat hendak bagi jalan.

**Cik Tan Lian Hoe [Bukit Gantang]:** Silakan.

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat bagi Bukit Gantang. Saya hendak tanya adakah bersetuju dengan pandangan saya bahawa Badan Bertindak Pelaksana Negara, PM sendiri dengan TPM ini seriusnya RM200 bilion akan dilaksanakan dalam RMK-9. Setuju atau tidak kalau peringkat negeri, ada teknikalnya, ada peringkat daerah, bagi Parlimen sebagai pemantau, sebagai pengerusi dalam itu. Setuju atau tidak?  
*[Disampuk]*

**Cik Tan Lian Hoe [Bukit Gantang]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Pasir Puteh. Saya memang setuju 100% dagangan cadangan itu.

Saya sambung – peluang latihan semula dan tawaran bekerja semula perlu ditawarkan kepada wanita dan di sini saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Pelajaran yang telah pun memberi peluang kepada wanita untuk masuk ke dalam profesion perguruan.

Kerajaan harus memberi insentif seperti pengecualian cukai kepada majikan yang menyediakan peraturan kerja yang kondusif dengan mengambil kira pelbagai peranan dan tanggungjawab wanita seperti telekerja, kerja sambilan dan perkongsian kerja dalam pelaksanaan konsep kerja dari rumah. Bagi memastikan peningkatan penyatuan wanita dalam aktiviti peniaga dan keusahawanan khususnya di luar bandar dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini.

Program bantuan kewangan sedia ada daripada agensi-agensi kerajaan perlu dipermudahkan dan didedahkan ke peringkat akar umbi dalam program latihan yang baik yang mempunyai peluang-peluang permintaan pasaran diberikan secara intensif.

Bagi wanita yang tidak bekerja sepenuh masa membantu urus niaga keluarga dan menjadi suri rumah sepenuh masa sebenarnya memberikan sumbangan besar dari sudut ekonomi dan sosial dari aspek pembangunan keluarga dan pembangunan insan.

Mereka harus dihargai dan kebajikan pada hari tua mereka terjaga dari sudut ekonominya kerana mereka tidak diberikan upah semasa melaksanakan kerja-kerja ini. Maka di sini saya ingin syorkan pada pihak kerajaan bahawa wang pencaruman bulanan untuk isteri, *women's providence fund* dengan izin, yang dibayar oleh suami sebanyak mungkin 10% daripada gaji suami patut dipertimbangkan, dikaji dan dilaksanakan agar wanita yang telah memberi sumbangan akan terjaga kebajikan bukan sahaja untuk dirinya sendiri tetapi untuk anak-anak dan keluarga apabila berlakunya sesuatu yang tidak diingini seperti penceraian dan kematian suami kelak.

Bagi mengurangkan keganasan terhadap wanita melalui program kesedaran yang berkaitan dengan pemahaman peranan dan keperluan gender, pencegahan penderaan dan keganasan, penyelesaian konflik dan pengekalan keharmonian keluarga, peruntukan yang lebih perlu disalurkan kepada pertubuhan-pertubuhan wanita bukan kerajaan untuk sama-sama membantu dalam usaha ini. Sekian, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Gombak.

**3.51 ptg.**

**Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk terlibat dalam perbahasan ini. Tuan Yang di-Pertua, Rancangan Malaysia Kesembilan adalah fasa pertama di dalam tiga fasa rancangan lima tahun untuk menuju misi nasional pada tahun 2020. Ia amat penting dalam pembentukan Malaysia dapat mencapai misi nasional seperti mana yang saya katakan tadi pada tahun 2020. Lima teras yang telah digariskan adalah penting dalam memastikan arah tuju pembangunan di landasan yang betul dan dapat menuju ke matlamat. Teras yang pertama kita lihat, yang telah dibentangkan oleh Perdana Menteri ialah meningkatkan nilai tambah dalam ekonomi negara melalui aktiviti yang berasaskan pengetahuan seperti ICT, bioteknologi dan nanoteknologi.

Tuan Yang di-Pertua, bioteknologi adalah merupakan sebagai sumber pertumbuhan dan menjana kekayaan baru. Kita tahu bahawa di negara yang telah maju bahawa bioteknologi ini menyumbangkan peratusan yang amat tinggi di dalam GDP ataupun KDNK negara tersebut. Walau bagaimanapun *Malaysian Biotechnology*



*Corporation* (MBC) mensasarkan dalam tahun 2020, GDP yang boleh disumbangkan oleh bioteknologi hanyalah 5%.

Seperti mana yang saya katakan tadi bahawa bioteknologi adalah aktiviti ekonomi yang berasaskan pengetahuan. Sektor bioteknologi ini walaupun kita selalu sebut bioteknologi tetapi bukanlah sesuatu yang mudah kerana kita, Malaysia adalah sebuah negara yang baru masuk ke arena ini yang mana sektor bioteknologi ini begitu maju di negara-negara yang telah maju. Jadi persaingannya akan merupakan persaingan yang amat sengit dan berbentuk global. Jadi pada saya bioteknologi bukan sahaja merupakan satu retorika tetapi harus mengenal pasti untuk membangun apakah produk-produk tertentu yang ingin kita bangunkan hingga kita dapat mencapai ke peringkat antarabangsa. Kita tahu bahawa kerajaan semakin hari semakin sedar tentang perkara ini dan kita lihat keseriusan itu ditunjukkan baru-baru ini, dalam tahun lalu telah dilancarkan Dasar Bioteknologi Negara.

Dasar Bioteknologi Negara ini semasa pelancaran itu Perdana Menteri telah melancarkan satu agensi baru yang dinamakan sebagai *Malaysian Biotechnology Corporation* untuk menjadi *one stop agency*. *Suppose to be profesional one stop agency* untuk memantau segala strategi-strategi yang telah dibentangkan, strategi-strategi yang difikirkan bersama di dalam kita memacu bioteknologi ini kepada matlamat dan arah yang diharapkan.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat bahawa pada masa ini, kita hanya mempunyai lebih kurang 117 syarikat yang berkaitan dengan bioteknologi, yang mana syarikat-syarikat ini berupaya memberi nilai tambah hanya sebanyak RM1.4 bilion. Jadi apa yang diharapkan di akhir Rancangan Malaysia Kesembilan ini iaitu di dalam tahun 2010, yang diharapkan ialah kita dapat sekurang-kurangnya menghasilkan 400 syarikat. Saya memang mengalu-alukan perkara ini dan kita memanglah berharap bahawa syarikat.....

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** *[Bangun]*

**Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]:** Sekejap, Yang Berhormat bagi Jasin. Saya akan beri laluan. Kita harap bahawa syarikat ini bukan hanya tumbuh oleh sebab pelbagai insentif yang telah ditawarkan sekarang dan hanya menggunakan jenama bioteknologi tetapi pengisiannya bukan bioteknologi. Silakan sahabat saya Yang Berhormat bagi Jasin.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Gombak yang bijaksana. Syarikat-syarikat bioteknologi dalam negara kita sebagaimana

yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi hanya 117 syarikat. Kita lihat banyak di antara syarikat-syarikat yang wujud ini hanya mengeluarkan barangan-barangan ikut selera orang negara kita. *Long Jack*, Kacip Fatimah, Tongkat Ali, ini yang salah silap bagi kita. Pasaran yang terbesar untuk bioteknologi ialah Amerika, ialah Eropah.

Saya hendak ambil contoh satu bagaimana kita punya buah-buahan dulu. Kita juga ada R&D tentang buah durian. Di Thailand, apabila di hendak *develop* dia punya klon buah durian, dia suruh orang Amerika, orang Eropah, orang Barat rasa dia punya buah durian. Bila dia rasa - orang di sana dia hendak yang cantik, yang tidak ada bau, yang kurang manis. Masalah bagi kita bukan kita tidak buat R&D buah durian. Kita buat R&D buah durian, kita keluarkan D24, D berapa-berapa ini semua tetapi kita minta orang Malaysia yang rasa. Bila orang Malaysia rasa kita hendak yang pahit, yang bau harum, yang mana tidak menarik pada orang Barat.

Oleh yang demikian kita haraplah Yang Berhormat cuba cadangkan kepada kerajaan, kita mintakan supaya syarikat-syarikat kita yang hendak mengeluarkan barangan bioteknologi ini ikut selera, ikut kehendak pasaran di luar, bukan pasaran di Jerai, bukan pasaran di Arau. Setuju tak? *[Ketawa]*

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Tidak boleh, Gombak buat.

**Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]:** *[Ketawa]* Biar saya jawab dulu Tuan Yang di-Pertua. Saya bersetuju dengan pandangan yang telah diutarakan oleh sahabat saya Yang Berhormat bagi Jasin. Saya rasa itulah satu sebabnya mengapa kerajaan menubuhkan yang dipanggil *Malaysian Biotechnology Corporation*, sebagai agensi pemantau terhadap projek-projek bioteknologi ini. Kalau kita lihat dari segi struktur *Malaysian Biotechnology Corporation* ini pula ada satu lagi dipanggil *advisory panel* yang terdiri daripada pakar-pakar antarabangsa...

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Yang Berhormat bagi Gombak...

**Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]:** ...*Advisory panel* yang mengawasi dan melihat *Malaysian Biotechnology Corporation* ini dalam mengawasi program-program bioteknologi. Silakan sahabat saya Yang Berhormat bagi Jerai.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Terima kasih. Tentang MTC, saya bersetuju separuh pandangan Yang Berhormat bagi Jasin dan tidak bersetuju separuh. Fasal apa kita hendak cipta buah durian, sudah Allah Taala bagi bau

dan warna begitu, hendak tukar bau dan warna *cheese* untuk Amerika? Tidak boleh! Itu bau keaslian durian dan durian ini adalah buah yang cukup baik. *King fruit of Malaysia*. Raja segala buah di Malaysia. Kita kena cipta, gunakan biotek ini mencipta buah-buahan dengan lebih, mungkin durian tanpa duri, pun boleh. Ini satu...

**Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail [Arau]:** Kalau begitu tidak nama durianlah, rian.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Ya, nama rian, tidak durian. Ini Yang Berhormat bagi Arau bagi pandangan pada saya. Jadi adakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya, MTC kena *concentrate*. Banyak yang hendak kena buat.

Macam tadi Yang Berhormat bagi Jasin mengatakan universiti-universiti kita ini sedang kelaparan menunggu peruntukan untuk mereka keluarkan apa yang ada dalam otak mereka itu dijadikan bahan untuk mempertingkatkan dalam negara kita terlebih dahulu daripada kita dok megah-megah atau agung-agungkan negara-negara luar. Pasal apa kita hendak hantar ke Barat untuk mereka makan buah durian kita? Ke negara-negara lain boleh.

Jadi, kita tengok negeri Thailand, buah dia sampai ke rata pelosok dunia. Dia tidak ubah baru durian, macam itu juga. Tetapi pasal apa kita hendak ubah bau yang asal dicipta Allah itu, *original smell of the fruit*, dengan izin. *Thank you very much.*  
[Ketawa]

**Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]:** Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat inilah saya rasa peranan yang amat penting yang harus dimainkan oleh *Malaysian Biotechnology Corporation* yang telah dilancarkan oleh Perdana Menteri tersebut. Walau bagaimanapun, kita harap bahawa keanggotaan mereka yang duduk dalam *Malaysian Biotechnology Corporation* ini mempunyai pandangan-pandangan yang seperti mana juga yang disuarakan oleh Yang Berhormat bagi Jasin, juga Yang Berhormat bagi Jerai.

Jadi, yang kita khawatirkan ialah apa yang berlaku seperti yang berlaku dahulu ialah kebanyakan penyelidikan-penyelidikan ini kurang diinterpretasikan dalam bentuk pengkomersialan yang mana kita tahu bahawa di dalam kita menjana bioteknologi ini, dalam kita membawa kepada pertandingan yang lebih kepada bentuk antarabangsa, kita juga harus melihat bahawa yang dipanggil sebagai standard ataupun taraf antarabangsa supaya bahan-bahan yang kita hasilkan itu boleh bertanding ke peringkat yang lebih atas. Saya melihat dari segi bentuk strategi...

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Kudat bangun. Hendak bagi jalan?

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]:** Yang Berhormat bagi Gombak, sahabat saya...

**Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]:** Saya sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak fokus banyak kepada *biomedicine* ini sebenarnya kerana saya dapati bahawa di dalam – saya belum lagi sampai kepada mukadimah kerana saya dapati bahawa dalam bioperubatan atau biokesihatan, kita jauh ketinggalan dan kalau boleh saya hendak *elaborate* lebih dalam hal ini tetapi kalau saya banyak diganggu, mungkin saya...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Terpulang kepada Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]:** ...kerana dalam bahagian pertanian, saya kurang mempunyai kepakaran. Tetapi mungkin juga saya beri laluan.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]:** Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin berkongsi satu keadaan iaitu mengenai bioteknologi pertanian atau perikanan yang sebenarnya telah pun wujud. Universiti-universiti kita telah pun diberikan banyak peruntukan-peruntukan untuk melaksanakan penyelidikan, misalnya dalam bioteknologi perikanan yang kebetulan satu daripada penyelidikan ini telah dibuat di kawasan saya yang telah dibuat oleh Universiti Malaysia Sabah berkaitan dengan penanaman rumpai laut yang kononnya penanam rumpai laut ini dapat ditransform untuk diextract kompaunnya untuk dijadikan *cryogen* dan *cryogen* ini boleh digunakan untuk banyak kegunaan tertentu sama ada dari segi kosmetik ataupun penggunaan-penggunaan makanan yang sebenarnya adalah produk bioteknologi pertanian.

Tetapi apa yang membimbangkan saya, projek ini sudah hampir 10 tahun kajian demi kajian dibuat sehingga hari ini dan saya tidak nampak apa-apa kemajuan. Jadi, saya khuatir jikalau sekiranya ada percubaan-percubaan untuk menyerahkan geran atau peruntukan-peruntukan ini hanya kepada universiti-universiti, saya khuatir bahawa ianya akan menghadapi masalah yang sama. Jadi, saya minta supaya satu rumusan yang lebih konkrit dapat dibuat untuk memastikan bioteknologi negara kita dapat berkembang dengan pesat. Terima kasih.

**Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail [Arau]:** *[Bangun]*

**Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]:** Okey, sila.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Yang Berhormat bagi Arau pula.

**Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail [Arau]:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ini jarak lagikah? Bukan?

**Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail [Arau]:** Tidak, tidak, bukan jarak ini. Ini jarak pendek sedikit. [*Ketawa*] Yang Berhormat bagi Gombak, tentang bioteknologi bukanlah hanya bioteknologi dari segi pertanian, bahkan juga dari segi *biomedicine*. Yang saya dok dengar ini tentang bioteknologi ini, saya nampak seolah-olahnya banyak syarikat akan masuk di dalam bidang bioteknologi dan hanya syarikat-syarikat ini yang akan menguntungkan berjuta-juta tetapi cara manakah bioteknologi ini, yang orang kampung kita boleh dapat manfaatnya. Itu yang penting pada saya oleh kerana saya, Yang Berhormat bagi Jerai dan rakan-rakan lain, penduduk-penduduk kami adalah petani-petani. Jadi, itu yang kita hendak cari satu jalan daripada Yang Berhormat bagi Gombak yang pakar di dalam *medicine*. Terima kasih.

**Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya, Yang Berhormat bagi Kudat dan juga Yang Berhormat bagi Arau. Saya bersetuju kepada kedua-dua pandangan itu. Itulah kalau saya lihat apa yang telah berlaku, produk-produk yang dikatakan sebagai produk bioteknologi yang telah kita hasilkan dahulu tidak mengalami satu kajian ataupun satu sistem pengeluaran yang mengikut tahap yang dikehendaki di peringkat antarabangsa.

Kita tahu bahawa untuk sesuatu itu dihasilkan, ia melalui proses-proses yang satu dinamakan proses *research*, proses kajian. Yang kedua, kita namakan proses *development* ataupun proses pembangunan produk-produk tersebut. Yang ketiga ialah proses yang kita namakan sebagai *regulatory* iaitu proses untuk kita mendaftarkan produk-produk tersebut dan yang keempat barulah strategi ataupun proses pemasaran. Saya percaya semua bentuk bahan bioteknologi harus melalui proses-proses ini dan setiap kajian dan juga penyelidikan yang dijalankan haruslah mengikut tahap yang telah dipersetujui di peringkat antarabangsa.

Misalnya dalam bidang perubatan, dalam setiap kajian itu ia harus mengikut *good clinical practice* (GCP) yang telah ditentukan di peringkat antarabangsa, barulah

kajian-kajian yang kita buat, produk yang kita mahu hasilkan itu dapat kita terbitkan dalam jurnal-jurnal antarabangsa, seterusnya barang-barang ataupun produk tersebut boleh diangkat ke peringkat antarabangsa.

Jadi, kalau kita lihat, pertama kita banyak kata tentang *biodiversity* ataupun bio kepelbagaian. Apa yang saya lihat ialah bio kepelbagaian ini hanya kita dapat gunakan, hanya dapat kita manfaatkan, pertama dalam negara kita, Malaysia sahaja. Yang kedua, hanya dapat kita manfaatkan dalam bentuk ubat-ubatan yang dinamakan ubat-ubatan alternatif atau ubat-ubatan tradisi kerana tidak boleh lagi memasuki pasaran antarabangsa ataupun tidak boleh lagi diiktiraf di peringkat dunia kerana tidak mengalami ataupun tidak dijalankan mengikut kajian-kajian yang dikehendaki oleh peringkat antarabangsa.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Yang Berhormat bagi Kepong pula.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua.... *[Disampuk]* Tidak apalah, asalkan bukan Yang Berhormat bagi Jerai. Penjelasan. Memang Yang Berhormat bagi Gombak yang mempunyai kepakaran dan apa yang disebutkan tadi itu ada munasabah. Bolehkah Yang Berhormat jelaskan kepada Yang Berhormat bagi Arau, Yang Berhormat bagi Jerai dan orang-orang lain yang berminat. *[Disampuk]* Tidak, tidak pandai juga. Saya pun belajar daripada dia juga.

Di dalam penyelidikan, ia memerlukan wang yang banyak, modal yang banyak dan peratusan yang berjaya pun sedikit, mungkin tidak sampai 5%. Bagaimana dengan suruhanjaya demi suruhanjaya ditubuhkan dan sebagainya, bagaimana negara kita dapat mengumpul begitu banyak modal untuk penyelidikan, kemudian hasilnya daripada 1% atau 5% sahaja. Adakah kita mampu? Kalau tidak mampu, apakah cara untuk mengumpulkan wang yang begitu banyak, bukan sahaja modal, bahkan juga kita memerlukan penyelidik-penyelidik, *scientist* dan sebagainya yang kita tidak mempunyai bilangan yang cukup. Kita mesti tarik balik dari luar negara kerana orang seperti Yang Berhormat bagi Jerailah yang hambat mereka keluar dari negara ini. *[Ketawa]*

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** *Point of Order* 36(1).

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Apa *Point of Order*?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Saya tidak pernah menghalau sesiapa. Minta dia tarik balik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, cukuplah, Yang Berhormat.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Saya orang baik.  
[Ketawa]

**Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]:** Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Kepong....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Dia bergurau, Yang Berhormat. [Ketawa]

**Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]:** Yang pertama seperti mana yang diterangkan tadi kita tahu bahawa untuk menghasilkan sesuatu produk yang berjaya, terutama kalau kita sebut dalam bahagian bioteknologi kesihatan atau *biomedicine* ataupun bioperubatan, ia ada peringkat-peringkatnya.

Seperti mana saya katakan tadi, pertama dipanggil peringkat *pre-clinical development* ataupun peringkat *research*. Peringkat *research* ini, selalunya memakan masa lebih kurang di antara 2 ke 3 tahun. Peringkat *research* ini, Tuan Yang di-Pertua bukan sahaja memerlukan kepakaran, tetapi perlu juga memerlukan modal yang banyak kerana kalau yang pernah berlaku di negara barat, daripada 10 ribu molekul ataupun 10 jenis produk yang dicadang untuk dikeluarkan, hanya 1 sahaja yang boleh diangkat ke peringkat yang dipanggil, pembangunan klinikal or *clinical development*.

Dalam peringkat *clinical development* itu, ada fasa-fasanya iaitu fasa yang pertama, fasa yang kedua dan fasa yang ketiga dan apabila sampai kepada fasa yang pertama, selalunya akan dilakukan ujian dan kajian di kalangan manusia. Lebih kurang 100 orang dan harus mengikuti *methodology-methodology* di peringkat antarabangsa dan walaupun telah banyak wang dibelanjakan di peringkat fasa yang pertama, tidak memastikan bahawa produk ini boleh lagi digunakan atau boleh lagi dipasarkan.

Dia harus melepasi fasa yang kita panggil sebagai fasa yang kedua, iaitu *phase two "clinical ground" trial*. Maknanya, dalam fasa yang kedua ini, diperlukan lebih ramai orang untuk dilakukan kajian-kajian dan fasa ini juga memakan masa lebih kurang 2 ke 3 tahun dan juga memerlukan belanja yang cukup banyak. Dan masuk fasa yang lebih penting iaitu fasa yang ketiga iaitu menentukan kemujaraban dan juga keselamatan ubat tersebut. Yang mana memerlukan beribu-ribu subjek ataupun manusia yang terlibat kepada kajian ini.

Itu sebab Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan negara-negara maju, penyelidik negara-negara maju, bila sampai kepada fasa yang ketiga, dia datang kepada negara-

negara membangun, dia akan mempergunakan subjek-subjek daripada negara membangun. Kerana bukan sahaja subjek-subjek ini murah, tetapi juga pengkaji-pengkaji dan penyelidik-penyelidik juga boleh dibayar dengan murah.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Yang Berhormat, fasa kedua.

**Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]:** Itu sebab kita di dalam apa yang di...

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Fasa kedua Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]:** Sekejap, sekejap. Apa yang dicadangkan oleh apabila saya membaca dengan secara mendalam iaitu ujian klinikal dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini, saya lihat akan diswastakan. Pada saya, ini harus dilakukan dengan hati-hati kerana banyak negara maju telah mengalami kerugian yang amat tinggi oleh sebab bila ujian-ujian klinikal ini diswastakan, bukan sahaja dia, penyelidik-penyelidik ini menuntut *consultancy* yang begitu tinggi, tetapi juga boleh berlaku penipuan-penipuan dan sebagainya. Silakan, Jerai.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Dah Jerai.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Terima kasih, fasa kedua itu cukup penting. *[Ketawa]*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat nak jadi *sample*.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Tuan Yang di-Pertua, Allah Taala menjadikan pohon-pohon, pokok-pokok ini, banyak hikmahnya. Banyak hikmahnya. Jadi, kita tengok, macam kita katalah untuk kencing manis. Kencing manis orang kata, daun pokok manggis. Daun pegaga dan berbagai-bagai-bagai jenis daun ini boleh dijadikan salah satu daripada ubat mengurangkan tekanan kencing manis. Jadi, benda-benda ini ada berselerak di kampung-kampung.

Orang-orang kampung buat cara kampung. Inilah yang saya hendakkan supaya daun pegaga ini, daun manggis, daun ceri, macam Arau kata, banyak-banyak daun, tongkat ali yang dahulunya tongkat ali, siapa kenal Tongkat Ali? Tapi hari ini, Tongkat Ali *dicommercialisekan* sedemikian rupa tetapi *pattern* itu bukan milik kita, sedangkan pokok Tongkat Ali itu dalam negara kita. Di Gunung Jerai pun banyak. Jadi, saya bimbang macam Yang Berhormat kata tadi, apabila hendak diswastakan.

Jadi bermaknanya, orang ini, orang boleh suap. Badan swasta yang diswastakan ini dan mereka boleh blok orang lain untuk melibatkan diri dalam *research* dan juga ..



[Disampuk] Ya, penjualan orang kampung ini. Jadi, bagi saya Yang Berhormat, benda ini banyak ada di keliling kita. Jadi, kita gunakan ini untuk masuk dalam Fasa kedua Yang Berhormat tadi. Sebab Fasa kedua ini, tidak akan menyusahkan kita meng*approach*kan ke dalam Fasa yang ketiga. Jadi, Yang Berhormat bersetuju tak dengan saya?

**Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]:** [Bangun]

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Terima kasih Yang Berhormat Gombak bagi saya peluang tambahan daripada apa yang disebutkan oleh sahabat saya Jerai. Kita hendak minta kerajaan supaya melihat balik, hari ini bagaimana yang disebutkan oleh Jerai tadi, banyak produk-produk perubatan daripada barang-barang tradisi di peringkat kampung telah dikeluarkan oleh syarikat-syarikat kita dan semua mengaku bioteknologi.

Nama bioteknologi dijual di mana-mana. Kita tengok apa yang Yang Berhormat Gombak cakap tadi, bermaknanya *test* ini akan memakan masa. Saya tahu sekarang ini, ada beberapa orang pengeluar macam kata Kacip Fatimah, Tongkat Ali dan ada satu lagi barangan Tuan Yang di-Pertua, dia sendiri pun sekarang ini, kawan yang mengeluarkan itu yang mengatakan untuk sihat badan, dia sendiri tak sihat. Tapi, dia menjual benda ini.

Apa kata Yang Berhormat Gombak, kita kena berhati-hati ini. Kerana apa sekarang ini, semua chop bioteknologi, jual bioteknologi ini, produk Malaysia bioteknologi. Akhirnya besok, apabila di pasar di luar negara, orang makan mudarat kepada badan mereka, akhirnya program kita ini akan besok, hancur. Apa pendapat Gombak?

**Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]:** Tuan Yang di-Pertua, Terima kasih Yang Berhormat Jasin. Kalau kita lihat, sesuatu produk itu Tuan Yang di-Pertua, pertimbangan yang paling penting dalam menghasilkan sesuatu produk itu, pertama ialah produk itu haruslah selamat, iaitu *safety*. *Safety aspect* ini adalah yang paling penting dalam menghasilkan sebarang produk. Yang kedua, pertimbangan yang paling penting juga ialah dari segi kemujaraban ataupun dalam bahasa medicalnya dipanggil sebagai "*efficacy*" iaitu kemujaraban sesuatu ubat itu.

Jadi, harus ada perimbangan di antara *safety* dan "*efficacy*". Jadi, yang kita lihat kebanyakan produk-produk yang kita sebutkan tadi, yang kita kata bio kepelbagaian, ada misal kata bunga pegaga, daun pegaga dan sebagainya yang saya kurang arif tentang benda itu. Yang kita kluatir ialah, mungkin produk itu ada kemujarabannya.

Tetapi tidak dijalankan kajian secara terperinci apakah kesan sampingan ubat tersebut? Jadi itu sebab kebanyakan ubat-ubat yang telah dijalankan di sini, tidak boleh diangkat ke peringkat antarabangsa kerana tidak dikaji secara mendalam apakah jenis *safety profile* yang ada, dari segi *toxicity*, dari segi *pharmacology*? Adakah cara yang terbaik, asyik minum daun sajakah? Minum air daun, ataupun mungkin ada cara yang terbaik. Mungkin bukan melalui minum daun ataupun dengan cara kita mengambil daun itu, menempelkan kepada sakit?

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, boleh saya tanya sikit?

**Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]:** Jadi perkara ini harus dilihat di dalam kajian.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Terima kasih Yang Berhormat. Walaupun benda ini ialah macam Yang Berhormat katakan tadi, agak *advance* dengan izin. Masalahnya orang kampung ini, dia mudah terpengaruh. Jadi apakah Yang Berhormat cuba beri satu nasihat kepada pemakanan ini, orang-orang kampung ini, kalau boleh sebelum mereka terpengaruh dengan pasaran ini, dapat mereka rujuk kepada mana-mana klinik ataupun doktor, pegawai kesihatan yang terdekat sebelum mereka mengambil. Kerana, kesan sampingan, akhirnya besok, akan bukan sahaja merugikan mereka tetapi merugikan juga kepada negara kita, masalah-masalah ini akan timbul. Jadi apakah pandangan Yang Berhormat supaya sebelum benda ini dipasarkan, setiap mereka yang hendak mengambil, mesti merujuk dahulu, kepada pastikan, diwajibkan.

Kementerian Kesihatan mewajibkan kepada semua. Tongkat Ali, baik, apa jugalah, Kacip Fatimah, dirujuk dahulu kepada mereka yang berkenaan, doktor-doktor pakar. Macam Yang Berhormat sendiri, kalau macam kami di Parlimen boleh rujuk kepada Gombak untuk mendapatkan sedikit pandangan dan nasihat walaupun kadang-kadang kita pun mengeliru, dikelirukan juga. Bukan Yang Berhormat lah, yang lain. Jadi apakah Yang Berhormat bersetuju Kementerian Kesihatan mewajibkan. Macam rokok ya? Rokok, diberi amaran keras, walaupun mereka masih ada ambil, tapi mesti ada satu amaran daripada Kementerian Kesihatan tentang pengambilan ini mestilah dirujuk dahulu kepada mereka yang berkenaan. Apa pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Sambung sikit apa yang disebut Larut, Yang Berhormat Gombak. Ini masalah kita orang-orang kampung. Sekarang

merata-rata di warung-warung, ada jual Tongkat Ali, kopi Tongkat Ali, kopi Ginseng apa semua. *[Menyampuk]* Tupai Jantan. Berleluasa! Dan orang kita dah tak segan-silu, masuk sahaja kedai kopi, "Tongkat Ali satu"! Dan saya dapat tahu Yang Berhormat, daripada orang kampung, ada yang mereka yang kerap minum Tongkat Ali, kopi Tongkat Ali, kalau dahulu tak ada darah tinggi, hari ini dia dah menghidap darah tinggi. Ada!!

Dan ada saya cakap tadi, saya ulang balik. Saya kenal rakan saya tapi saya tidak boleh sebut nama dia. Pengeluar barang-barang ini hari ini sudah kena strok. Pengeluar barang-barang ini. Yang dia sendiri tidak sihat, macam mana hendak menjual barang-barang kononnya kesihatan untuk orang ramai. Apa pandangan Yang Berhormat?

**Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat bagi Jasin. Itulah yang saya perkatkan tadi. Apa yang berlaku pada hari ini ialah kita hanya melihat misal kata sesuatu produk itu dikatakan mujarab yang dimakan oleh satu dua orang tertentu dan benda ini disampaikan dari mulut ke mulut tanpa kajian yang terperinci dan digunakan oleh ramai yang lain. Tetapi tidak dilihat dari segi kesan sampingan seperti mana yang saya katakan tadi. Satu lagi, tidak ada piawaian yang dilakukan oleh pengeluar-pengeluar ini. Misal kata, kandungan bahan kimianya mungkin berubah-ubah dari satu pengeluar dengan pengeluar yang lain ataupun dari pengeluar yang sama dari satu *batch* dengan *batch* yang lain. Jadi tidak ada konsistensi dari segi pengeluaran bahan-bahan tersebut.

Jadi sebab itu tadi saya katakan bahawa setiap projek bioteknologi ini, setiap perkara yang kita hendak hasilkan ini harus melalui kajian yang terperinci. Kalau kita lihat seperti mana penjelasan yang dipohon oleh Yang Berhormat bagi Larut tadi, memanglah pada masa ini kita harus merujuk kepada Jabatan Farmasi. Mereka inilah yang seharusnya mengawal ubat-ubatan dan juga makanan-makanan yang melanggar kepada peraturan-peraturan yang telah ditetapkan. Kadang-kadang seperti mana yang saya katakan tadi susah untuk mereka melakukan penguatkuasaan undang-undang kerana benda ini berlaku secara tidak formal di kampung dan melalui sampai menyampai, melalui perasaan ingin mencuba dan sebagainya.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]:** Yang Berhormat, pandangan terakhir. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat bahawa kita kena buat kajian. Kalau tidak pengguna akan menjadi mangsa di penghujung penggunaannya

macam Yang Berhormat kata tadi iaitu dapat darah tinggi. Mungkin bila dia makan banyak tongkat ali dia pukul naik, itu yang dapat darah tinggi.

**Beberapa Ahli:** *[Ketawa]*

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Jadi kita kena lihat dari segi kosmetik begitu juga Yang Berhormat. Kosmetik. Zaman sekarang kosmetik macam-macam keluar. Cukup banyak sedangkan orang-orang tua dahulu Tuan Yang di-Pertua dia lumur bedak sejuk sahaja muka lembut dan gebu. Tok saya dan mak saya dahulu bubuh bedak sejuk. Saya pun mak saya bubuh bedak sejuk belah malam.

**Beberapa Ahli:** *[Ketawa]*

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Jadi gebu, sejuk muka. Jadi tengoklah muka ini macam mana. Tidak payah *botox* apa semua elok. Cuma saya hendak tahu Yang Berhormat hendak minta pandangan Yang Berhormat macam contohnya Yang Berhormat bagi Arau saya berbincang dengannya pakar juga tentang biji durian. Biji dia itu boleh jadi bedak dan tepung untuk kosmetik. Tapi tidak naiklah. Cuma kita bimbang takut muka akan jadi macam kulit durian.

**Beberapa Ahli:** *[Ketawa]*

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Itu satu. Lagi satu Yang Berhormat, kita tengok *lemon grass* dengan izin dalam bahasa Melayu dipanggil serai.

**Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail [Arau]:** Serai wangi.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Serai wangi dan ini adalah satu aroma terapi, mewangikan dan kita tengok satu syarikat telah menggunakan iaitu syarikat...

**Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail [Arau]:**  
*[Menyampuk]*

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Bukan, yang Kak Pah itu.

**Tuan Sazmi bin Miah:** Nona Roguy!

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Nona Roguy! Nona Roguy dia *promote* minyak....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Nyonya ke nona Yang Berhormat?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Nona, nona. *[Ketawa]* Saya pun lupa. Nona Roguy dia *promote* serai untuk buang angin. Jadi minyak itu dia campur dengan serai kalau kita berangin malam-malam urut dengan minyak itu dia

buang angin. Orang naik angin pun okay. *[Ketawa]* Ini daripada serai kajian yang dibuat. Jadi banyak benda yang boleh dibuat. Adakah Yang Berhormat bercadang supaya kementerian fokus sedikit benda-benda macam ini.

**Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail [Arau]:** Benda yang praktikal.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Ha, benda yang praktikal. Terima kasih.

**Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai. Kalau kita lihat bahawa walau bagaimanapun kita harus berlaku adil kerana kalau kita lihat apa yang dipaparkan dalam rancangan Malaysia Kesembilan ini dari segi bioteknologi hanyalah dikatakan sebagai *capacity building* iaitu membentuk perkara-perkara asas dari segi pembangunan manusia dan sebagainya.

Kalau kita lihat bahawa dari segi potensi barang-barang dan juga barangan ataupun hasil di Malaysia ini misal kata bahan-bahan di Malaysia ini peruntukan RM2 bilion. Tuan Yang di-Pertua, hanya RM2 bilion diperuntukkan untuk bioteknologi dan hampir RM1 bilion, RM928 juta kalau tidak silap saya digunakan untuk dibuat *physical development*. Jadi selama lima tahun sebanyak RM1 bilion manakan mungkin kita membuat kajian semua produk-produk yang berpotensi yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Jasin, Yang Berhormat bagi Jerai, Yang Berhormat bagi Arau dan sebagainya. Jadi itulah sebab saya mengatakan bahawa kalau kita begitu serius untuk menjayakan bioteknologi sebagai satu cabang kekayaan yang baru untuk menjana ekonomi negara perkara ini pada saya harus dilihat dengan serius.

**Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]:** *[Bangun]*

**Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]:** Berbalik pada tadi. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Kubang Kerian.

**Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]:** .....saya baru sampai mukadimah ini. Masih banyak....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, masa Yang Berhormat sudah habis. Minta gulung.

**Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]:** ....lagi isi-isi penting yang saya belum cakapkan. *Unless*, mungkin kalau *urgent*.

**Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Gombak. Indonesia adalah negara yang paling banyak mengeluarkan produk tradisional baik dari segi kosmetik atau ubat-ubatan. Ratu Ayu Solo dan seumpamanya. Satu persepsi Tuan Yang di-Pertua yang saya hendak minta kepakaran Yang Berhormat bagi Gombak ini adalah bagaimana dengan kosmetik dan ubat-ubatan daripada barat. Jenama seperti Felisa, Yves Saint Laurent, Mac Factor ini, adakah jenama daripada barat itu terjamin kualitinya. Maknanya pembangunan bioteknologinya hebat ataupun Indonesia tadi mengeksport begitu banyak lambakan ubat-ubatan ini kerana itu satu *indicator* yang menunjukkan ketinggian teknologi bioteknologi mereka bagaimana pandangan Yang Berhormat. Ini untuk keselamatan pengguna kita di Malaysia ini. Terima kasih.

**Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Kubang Kerian. Jadi bukan bermakna setiap barangan daripada barat itu lebih baik daripada barangan yang dikeluarkan oleh timur. Tapi Cuma yang saya katakan tadi bahawa setiap barangan ini pertama dia melalui proses-proses yang mengikut tahap-tahap yang begitu terperinci iaitu misal kata kalau pun bahan-bahan kosmetik dia juga melihat dari segi *safety profile* iaitu dari segi kesan kepada kulit dan sebagainya. Itu dilihat dengan begitu terperinci.

Yang kedua, ada kajian-kajian yang melihat keberkesanan produk-produk itu. Yang ketiga, semasa menghasilkan produk-produk tersebut telah terhasil bila didaftarkan ada *regulatory bodies* yang betul-betul memantau, melihat produk ini dihasilkan dengan terperinci mengikut standard dan piawaian yang telah ditetapkan. Selain daripada itu mereka juga mempunyai harus akur kepada GMP (*Good Manufacturing Practice*) yang mana kilang-kilang mereka diperiksa bahan-bahan mereka diperiksa dan juga dilihat dari segi konsistensi produk tersebut.

Setiap *batch* yang dikeluarkan itu harus mempunyai *content* ataupun kandungan yang sama yang mana kita lihat perkara-perkara begini kadang-kadang kurang berlaku di negara-negara yang membangun oleh kerana tidak ada sistem GMP yang *really in place* dengan izin Tuan Yang di-Pertua, tidak ada sistem *regulatory* ataupun pendaftaran yang betul-betul memantau dan melihat barang-barang ini mengikut proses-proses yang telah ditetapkan. Kita lihat contohnya macam di Jepun. Di Jepun kalau sesuatu produk itu mahu dibawa ke Jepun harus dilakukan '*clical development*'. Maknanya macam saya katakan tadi harus dibuat fasa satu, fasa dua untuk mendaftarkan satu produk di Jepun. Misal kata kalau saya hendak bawa ubat yang baru

di Jepun, memakan masa paling kurang lima tahun. Jadi, maknanya negara Jepun menetapkan bahawa produk itu mesti ada kesesuaian dan keserasian terhadap orang Jepun. Itu contohnya. Itulah begitu rapinya. Jadi persoalannya...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Terus gulung.

**Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]:** ....untuk kita memanfaatkan kepelbagaian.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Terus gulung Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]:** *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, saya sebenarnya belum sampai *point* yang pertama pun ini tentang *biomedicine*. Okay saya cakap sedikit Tuan Yang di-Pertua. Pada saya yang paling penting kepelbagaian ini harus disokong dengan R&D. Tetapi alhamdulillah kita lihat di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini telah ditubuhkan dua institut.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Yang pertama dipanggil institut kebangsaan produk asli, vaksin dan *biological* dan satu dipanggil sebagai Institut Farmaseutikal dan Nutraceutical Kebangsaan.

Tuan Yang di-Pertua, memang kedua-dua institut in kita alu-alukan penubuhannya. Tapi soalnya siapakah yang akan melakukan kerja-kerja di kedua-dua institut ini terutama apabila institut ini baru dimulakan. Yang kedua, siapakah yang menjalankannya dan tenaga pakar yang bagaimana ingin diambil untuk bertugas di kedua-dua institut ini. Seperti mana yang kita tahu bahawa kedua-dua institut pada saya adalah amat penting dan kita mengalu-alukan dan saya cukup mengalu-alukan program *brand gain* yang mana di peruntukkan sebanyak RM500 juta termasuk di dalam menjana modal insan sains dan teknologi.

Jadi saya harap, program *brain gain* ini Tuan Yang di-Pertua, haruslah dimanfaatkan dengan betul. Pada saya untuk kita betul-betul mengangkat Malaysia ke peringkat yang lebih tinggi, kita harus bukan sahaja melihat pakar-pakar Malaysia yang bertugas di luar negara dan kalau perlu, kita harus juga mengambil pakar-pakar dari luar. Ini pada saya harus...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, masa..

**Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya bioteknologi ini saya tengok satu cabang yang amat penting dan kalau kita ingin menunjukan kepada negara maju, bioteknologi ini harus diperkasakan dan yang saya khuatir Tuan Yang di-Pertua, bioteknologi ini kebanyakan perkara yang berkaitan

dengan bioteknologi ialah perkara berkaitan pembangunan insan. Bagaimana kita menjalankan R&D itu. Kalau tidak, walaupun wang tidak banyak kita belanjakan pada Rancangan Malaysia Kesembilan ini, pada saya kalau setakat RM2.2 bilion, kalau kita sebut bioteknologi adalah satu jumlah yang amat kecil. Kita tahu untuk menghasilkan satu produk yang bertaraf dunia, sudah paling kurang memerlukan RM1 bilion.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Boleh gulung.

**Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]:** Itu sebab Tuan Yang di-Pertua, pada saya kita harus juga, di dalam kita menjana modal insan ini....

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** Tambah sedikit lagi.

**Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]:** ...kita harus meletakkan pakar-pakar di Malaysia ini yang ingin bertugas di kedua-dua tempat ini melakukan *attachment* ataupun melakukan untuk bekerja sementara, mendapat pengalaman di organisasi-organisasi besar, yang telah berjaya ataupun institut-institut luar negara yang berjaya dalam hal yang berkaitan dengan bioteknologi. Sila Yang Berhormat.

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** Terima kasih...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tidak habis lagi Yang Berhormat?

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** Ada Yang Berhormat bagi Pasir Puteh hendak tambah sedikit. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya. Minta izin. Yang Berhormat bagi Gombak telah menyatakan tadi, pusat latihan untuk melahirkan pakar-pakar ini, rupanya hendak ambil lagi yang luar. *Why not* kita *create* dengan izin untuk pakar-pakar kita *diupgradekan* menjadi satu pakar yang betul-betul boleh menjana dalam erti kata modal insan ini, kita gunakan sepenuhnya, setuju tidak dan seterusnya, dalam *delivery system* ini saya tengok, tonggak yang kelima ini itulah dia matlamat khas Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Saya rasalah, kalau kita tidak buat betul-betul, tidak akan capai. Macam mana pandangan Yang Berhormat?

**Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Pasir Puteh. Seperti mana apabila kita hendak menjana modal insan, ilmu yang berkaitan dengan bioteknologi ini begitu spesifik. Kita tidak boleh tangkap sesiapa yang dalam universiti itu suruh dia membangunkan sesuatu kerana satu, bukan sahaja dia tidak mempunyai mungkin dia pekerja universiti, tetapi ilmunya belum mencukupi lagi. Pengalaman dan pendedahannya belum mencukupi lagi, itu sebab kedudukan bioteknologi kita masih tidak perkasa. Pada saya, kalau kita hendak *kick off*, kalau kita hendak perlu ada sesuatu yang kita lakukan mesti kita bawa pakar dari luar.



Buat masa sekarang pada pengamatan saya dan saya juga banyak bercampur di peringkat universiti dan sebagainya, tidak ada lagi keupayaan di Malaysia, kecuali kita bawa pakar-pakar dari luar dan kita harus juga hantar pakar-pakar kita untuk membuat *attachment* dengan institusi-institusi yang telah *establish* dalam hal ini.

Satu lagi perkara yang saya juga menyokong apa yang disokong oleh kerajaan pada kali ini ialah, dalam Rancangan Malaysia Kelima (Kesembilan) ini, tertubuhnya penubuhan Tabung Sains dan Tabung Teknologi dalam pembayaran R&D dan kita berharap bahawa dengan penubuhan Tabung Sains dan Tabung Teknologi ini, ini mengurangkan birokrasi di dalam mengeluarkan geran. Kerajaan berjanji untuk mengeluarkan geran sebanyak RM100 juta, mana-mana syarikat yang menjalankan penyelidikan dan seterusnya mengadakan pengkomersialan.

Walau bagaimanapun, kita harap bahawa syarikat-syarikat yang memohon itu adalah syarikat-syarikat sekali lagi, syarikat kita yang benar-benar menjalankan penyelidikan dan boleh menghasilkan sesuatu dan mereka yang memantau syarikat-syarikat tersebut harus juga orang yang mempunyai keahlian. Kita takut mereka yang memeriksa borang-borang, memeriksa syarikat-syarikat yang memohon yang mengatakan buat penyelidikan itu, memberikan peruntukan yang dipohon, geran yang dipohon mengatakan mereka membuat penyelidikan untuk mengkomersialkan sesuatu...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah, Yang Berhormat cukuplah.

**Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]:** ....akhirnya hanyalah sebagai kulit sahaja berbentuk bioteknologi, kulit sahaja berbentuk penyelidikan tetapi ini bukan sahaja boleh membazirkan wang rakyat, seolah-olah kita rasa kita semua tertipu. Jadi pada saya ini adalah perkara yang penting ditentukan dan orang yang mengawal ini mestilah mempunyai keahlian, bukan setakat Pegawai Tadbir biasa dalam proses yang berlaku. Pegawai Tadbir menentukan sama ada sesuatu syarikat itu mempunyai keupayaan penyelidikan, mempunyai keupayaan pengkomersialan. Inilah kadang-kadang dalam *delivery system* kita gagal di dalam membelanjakan wang rakyat dengan cara yang terbaik. Juga saya harap sistem *incubator*...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, berapa minit lagi?

**Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]:** Satu mini Tuan Yang di-Pertua. Kita harap bahawa sistem *incubator* yang mana untuk kita membantu mereka-mereka yang terlibat dalam penyelidikan ini dibanyakkan lagi bukan sahaja setakat di SIRIM, bukan

sahaja setakat di Taman Teknologi Malaysia tetapi di banyakkkan juga di tempat-tempat yang mana *incubator* ini boleh membantu mereka yang berminat dalam bioteknologi untuk terus memperkasakan penyelidikan itu bagi dijadikan bahan-bahan komersial yang bertaraf antarabangsa, bukan setakat syok sendiri sahaja Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Bagan.

**4.36 ptg.**

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, satu jumlah peruntukan RM220 bilion telah dianggarkan untuk menjalankan sasaran-sasaran dan juga projek-projek yang telah dikenal pasti. Sekiranya kita ambil RM220 bilion dibahagikan kepada lima tahun untuk dilaksanakan, maka jumlah peruntukan yang patut di belanjakan adalah RM44 bilion untuk satu tahun.

Tuan Yang di-Pertua, dalam buku Bajet Persekutuan 2006, anggaran Bajet 2006, adalah RM136.75 bilion. Ini termasuk anggaran perbelanjaan mengurus RM101.25 bilion dan juga anggaran perbelanjaan pembangunan RM35.5 bilion. Saya ingin menanya, adakah anggaran Bajet tahunan bagi tahun 2006 iaitu satu jumlah RM136.75 bilion ini tidak termasuk RM44 bilion iaitu dari Rancangan Malaysia Kesembilan untuk satu tahun? Jikalau kedua-dua ini ditambah sekali dan dijalankan serentak dalam satu tahun, maka anggaran perbelanjaan untuk tahun ini iaitu tahun 2006 adalah RM180.75 bilion dan jumlah RM180 bilion hingga RM200 bilion untuk satu tahun ini akan diperlukan untuk tahun-tahun yang akan datang iaitu 2007, 2008, 2009 dan 2010.

Anggaran hasil kutipan tahunan negara kita adalah RM110 bilion. Ini bermakna satu defisit RM70 bilion satu tahun. Jadi, dari manakah jumlah defisit ini akan ditebus supaya dapat diseimbangkan akaunnya? Adakah ia merupakan pinjaman dari luar dan dalam negeri? Dalam buku Bajet Persekutuan 2006 hutang awam dalam negeri adalah RM185 bilion dan luar negeri adalah RM31.5 bilion. Ini dua-dua campur sekali akan menjadi RM216 bilion. Oleh yang demikian, maka pada 2010, hutang awam negara kita, baik di dalam dan di luar negeri mungkin mencecah RM300 bilion. Dan, kerajaan juga ada memberi jaminan kepada syarikat-syarikat GLC iaitu dalam negeri RM33.9 bilion dan di luar negeri RM19.4 bilion, satu jumlah RM53.3 bilion.

Tuan Yang di-Pertua, adakah hutang awam ini sihat untuk masa depan negara kita? Sebagai seorang bapa, saya boleh berjanji kepada anak-anak saya. Bapa akan

membeli rumah, akan membeli kereta dan membeli barang-barang yang lain untuk mereka. Dan semua ini saya membeli secara pinjaman bank. Akhirnya bapa kena bertungkus lumus dan berpeluh-peluh untuk mencari rezeki melangsaikan hutang pinjaman. Akhirnya juga, nasib kurang baik mungkin menjadi mufliis dan jatuh sama sekali. Adakah kita, oleh kerana semata-mata hendak menunjukkan kepada dunia bahawa kita banyak maju, banyak kaya dan juga oleh kerana hendak memancing hati pengundi demi mengekalkan kuasa pemerintahan Barisan Nasional maka semua ini boleh dikorbankan atas kesengsaraan anak cucu kita kemudian.

Saya merayu kepada kerajaan, pilihlah projek-projek yang betul-betul memerlukan, yang betul-betul boleh memberi faedah ke arah memungkinkan pertumbuhan ekonomi kawasan dan usaha-usaha menjanakan peluang pekerjaan kepada rakyat. Bukan apabila diminta oleh wakil rakyat seperti yang disarankan dalam Dewan yang mulia ini untuk kepentingan peribadi dan juga politik maka ia dibelanjakan seperti yang diamalkan sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, Pulau Pinang dibenarkan menjalani 3 projek yang besar iaitu:

- (i) Jambatan Pulau Pinang;
- (ii) *Penang Outer Ring Road*; dan
- (iii) *Monorail*.

Kesemua tiga-tiga projek ini adalah projek penswastan dan kita telah memperolehi banyak pengalaman dari projek-projek yang telah dijalankan seperti penswastan lebuhraya-lebuhraya, monorail dan LRT dan juga MRR dan juga BORR. Semua ini mengalami masalah-masalah kewangan maka akhirnya kerajaan kena menyelamatkan nasib mereka. Saya merayu supaya projek-projek di mana-mana pun perlu ditawarkan secara tender terbuka. Hanya yang handal dan yang berwibawa sahaja dipilih dan bukan dirunding secara senyap-senyap yang mengandungi unsur-unsur kronisme.

Rancangan Malaysia Kesembilan yang baru dibentangkan di dalam Parlimen ini dan kita masih berbincang dalam Dewan yang mulia ini dan ia belum lagi diluluskan tetapi Menteri Kerja Raya sudah mengumumkan bahawa syarikat HSS telah dipilih menjadi pakar perunding untuk jambatan kedua Pulau Pinang. Perjanjian untuk Penang Outer Ring Road akan ditandatangani pada bulan depan dengan pemaju Peninsular Metro Work Sdn. Bhd. Monorail syarikat ....

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Penjelasan.

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** Sebentar lagi. Berkenaan dengan monorail, syarikat MMC dan sekian berminat untuk menyertai projek ini. Ini semua telah disusun dan diatur tahun-tahun dahulu. Mana ada ketelusan dan *transparent*?

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Sekian?

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** Belum lagi, saya beri ..... [Ketawa]

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua, minta maaf. Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat sedar bahawa pelantikan perunding kejuruteraan, pelantikan arkitek, pelantikan juru ukur termasuklah pelantikan doktor dan sebagainya tidak perlu di tender, tidak perlu di tender. Sama juga dengan pelantikan peguam, tidak perlu di tender. Tadi Yang Berhormat menyebut pelantikan HSS telah pun dilantik. Saya rasa tidak salah sebab itu tidak perlu ditenderkan dan tidak perlu tender. Memang tidak boleh tender pun untuk kerja-kerja perundingan, untuk kerja-kerja perunding, bukan perundingan, untuk kerja-kerja *consultant* atau perunding. Sama dengan perkhidmatan doktor dan sebagainya yang tidak boleh ditenderkan. Adakah Yang Berhormat sedar tentang itu?

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** Mengapa syarikat pakar perunding tidak boleh di tender? Bukan dia mencaj satu kadar caj yang seragam? Mungkin satu syarikat pakar perunding ia akan caj RM50 juta, mungkin satu boleh menawarkan RM25 juta. Jadi, kita kena pilih yang munasabah, yang ada pengalaman dan yang berwibawa.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Penjelasan. Yang Berhormat, terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya kadar harga untuk kerja-kerja perunding kejuruteraan ini telah pun ditetapkan dalam Lembaga Jurutera Malaysia, sama dengan Lembaga Arkitek dan sebagainya, sama dengan peguam. Cadangan dari Yang Berhormat itu memang baiklah tetapi akta telah menentukan begitu, maksudnya tidak boleh ditenderkan. Kalau kerja-kerja perunding itu ditenderkan maknanya kita akan mendapat perkhidmatan yang lebih teruk daripada yang telah berlaku.

Sekarang ini pun ada perkara-perkara yang buruk berlaku tetapi dapat diselesaikan. Tetapi kalau perkhidmatan perunding ditenderkan, saya fikir kita akan *backward*, dengan izin. Sekian, terima kasih.

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** Kalau ia tidak ditender secara terbuka pun, ia perlu dirunding secara lulus. Dan, saya ambil Yang Berhormat tadi kata macam doktor tidak boleh dipilih, sekarang kita ada banyak hospital-hospital swasta yang menjalani rawatan penyakit-penyakit. Adalah kita menjalankan satu hepatitis *operation*, satu

hospital menawarkan RM3 ribu, RM1,500, atau RM2 ribu, mana yang hendak dipilih? Kita boleh pilih, mungkin kita tidak payah buka tender tapi boleh pilih, bukan? Ia sama-sama juga jalankan rawatan penyakit. Terima kasih.

Bilakah negara kita akan mengamalkan cara seperti *Singapore*, di mana mereka hendak menubuhkan, membuka satu kasino bertaraf antarabangsa. Maka firma-firma bertaraf dunia termasuk Genting Highlands Group berpeluang untuk menender dan merebut projek tersebut. Dan, akhirnya cuma firma-firma yang handal, penawaran yang jimat dan juga menguntungkan kepada kerajaan dan rakyat sahaja dipilih dan bukan kawan-kawan, konco-konco atau orang-orang pandai memasang kabel akan mendapat projek tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, jadi adakah mulai dari sekarang projek-projek yang besar khususnya projek-projek penswastaan akan dibuka tender secara terbuka. Kita mahu kontraktor yang berwibawa dan berprestasi dan yang sudi membayar kepada sub-sub kontraktor dan bukan sapu duit dan *enjoy* sahaja. Akhirnya, projek terbengkalai dan kerajaan perlu menyelamatkan projek-projek tersebut, kita sedar selalu mendapat banyak pengaduan dari sub-sub kontraktor bahawa main kontraktor selepas kerja, tidak membayar walaupun projek-projek kerajaan. Tetapi dalam bab kontrak yang disediakan oleh persatuan-persatuan kejuruteraan baik, persatuan-persatuan arkitek baik, ia memaktubkan bahawa sub-sub kontraktor yang dilantik dalam satu-satu projek itu perlu dipersetujui oleh persatuan jurutera atau persatuan arkitek-arkitek. Sekiranya mereka telah bersetuju untuk memilih sub-sub kontraktor menjadi sebahagian dalam satu-satu projek itu maka kepentingan mereka perlu dilindungi. Dan sekiranya ada berlakunya perselisihan pembayaran amaun yang dituntut maka satu tribunal atau satu perbicaraan perlu dijalankan dan kerajaan patutlah memotong sebahagian bayaran yang perlu dibayar kepada main kontraktor ini kepada subkontraktor-subkontraktor berkenaan dan bukan senang-senang sahaja menolak bahawa ini adalah satu *business transaction*. Ini adalah masalah antara main kontraktor dengan subkontraktor-subkontraktor maka kerajaan tidak ada bidang kuasa untuk campur tangan.

Jadi saya berharaplah kerajaan boleh mengambil satu ketetapan atau mengambil satu langkah supaya semua-semua orang tidak kira dia subkontraktor, main kontraktor atau *nominated* subkontraktor dalam satu-satu projek itu kepentingan mereka dilindungi demi untuk memastikan semua orang dapat faedah dari projek-projek yang dijalankan.

Tuan Yang di-Pertua, tadi saya ada menyebut amalan sekarang dalam melaksanakan satu-satu projek adalah mengikut permintaan wakil rakyat atau mengikut kepentingan politik semata-mata maka wujudlah *facilities-facilities* atau bangunan-bangunan atau infrastruktur-infrastruktur asas yang merupakan gajah putih. Kita bolehlah nampak dewan serbaguna dibina di sana di sini, kolej komuniti dibina di sana di sini dan semua ini memerlukan perbelanjaan penyenggaraan iaitu *maintainers fee*. Kita kena bayar bil elektrik, bil air, cukai tanah, *assessment bill*, semua-semua kena bayar siapa tanggung? Ini semua adalah ditanggung oleh kerajaan.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita perlu mengkritik bahawa beratus-ratus juta perlu di belanja atas *maintainers* bangunan-bangunan kerajaan ini dan sekarang ini siapa punya salah? Menerimalah padahnya oleh sebab hendak menarik dan memancing hati pengundi-pengundi. Tuan Yang di-Pertua dalam Rancangan Malaysia Kesembilan banyak lagi projek-projek akan dilaksanakan, adakah kerajaan mampu untuk menanggung perbelanjaan penyelenggaraan ini Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan projek perumahan kos rendah untuk rakyat yang kurang mampu. Saya mendapati bahawa di Selangor atau DBKL ada menyediakan banyak unit perumahan kos rendah untuk dipohon oleh rakyat negeri Selangor dan merata DBKL. Tetapi di Pulau Pinang, pembinaan rumah kos rendah hanya dijalankan oleh syarikat-syarikat swasta sahaja. Syarikat-syarikat kerajaan iaitu Penang Development Corporation (PDC) pada masa sekarang tidak lagi membina rumah-rumah kos rendah dan saya nampak DBKL ada banyak membina rumah-rumah kos rendah tetapi mengapa tidak kerajaan tempatan di negeri Pulau Pinang iaitu MPP dan MPSP tidak membina rumah kos rendah. Jadi ini juga seperti PERDA, juga tidak membina rumah-rumah kos rendah. Maka sampailah masanya bahawa kerajaan pusat perlu mengseragami satu-satu kerajaan baik di kerajaan tempatan atau itu anak-anak syarikat Kerajaan Pusat atau negeri, perlu menjalankan tanggungjawab mereka untuk membina rumah kos rendah untuk mereka yang kurang mampu memiliki rumah-rumah yang mewah.

Dan satu cadangan untuk pemaju-pemaju yang perlu membina rumah kos rendah ini tetapi di kawasan yang tidak strategik, perlu dikatakan mereka ini mesti menyumbang kepada satu tabung supaya kerajaan boleh menggunakan tabung ini untuk membina rumah-rumah kos rendah di tempat-tempat strategik seperti di dalam bandar dan bukan jauh sangat dari bandar kerana kebanyakan mereka ini mereka bekerja di bandar-bandar. Sekiranya kontraktor-kontraktor atau pemaju-pemaju di mana

mereka diwajibkan untuk membina rumah kos rendah, mereka membina rumah-rumah jauh dari tempat kerja pekerja-pekerja maka tidak ada orang hendak pergi mendudukinya dan ini sudah nanti jadi satu usaha yang sia-sia sahaja.

Jadi saya berharaplah kerajaan boleh menentukan satu strategi di mana pemaju-pemaju atau kontraktor-kontraktor yang tidak boleh membina atau kurang ada tanah di kawasan bandar, mereka bolehlah menyumbang kepada satu tabung ini supaya kerajaan boleh membinakannya di tempat-tempat yang strategik.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan pertanian khususnya di bidang penternakan khinzir. Sekarang ada di negeri Melaka, Negeri Sembilan dan negeri Pulau Pinang, mereka ingin memusatkan tempat ternakan khinzir di satu-satu kawasan yang tertentu. Ini satu cadangan yang baik tetapi malangnya kos untuk menyediakan loji penapisan najis mereka tidak begitu mampu untuk membinanya kerana satu loji untuk memproses najis ini mungkin akan mencecah belanja lebih kurang RM150 ribu dan sekiranya mereka tidak mampu maka mereka tidak boleh menjalankan industri ini.

Saya pernah mencadangkan bahawa kerajaan melalui syarikat-syarikat seperti IWK untuk membina satu *central sewerage* skim iaitu satu skim di mana satu skim pelupusan najis khinzir ini ditubuhkan maka penternak-penternak khinzir ini boleh menyalurkan kepada *central sewerage* ini. jadi ini boleh menjimatkan perbelanjaan di mana mereka hanya memerlukan menyumbang kepada penyambungan skim ini sahaja dan bukan untuk menjalankan penyenggaraan dan juga menyediakan tapak-tapak atau tanah-tanah untuk tujuan ini. Jadi dengan adanya *central sewerage* yang disediakan oleh kerajaan maka industri penternakan khinzir ini adalah satu industri yang boleh membekal keperluan harian rakyat bukan Islam, rakyat bukan Islam di negara ini dan ini boleh menjimatkan *foreign exchange*.

Sekiranya semua *pig farming area* perlu ditutup maka pada suatu hari kami perlu mengimport lagi khinzir ini dari luar negara dan ini adalah satu kerugian dari segi *foreign exchange* dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil, dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini kerajaan bercadang untuk membina 180 buah sekolah kebangsaan. Tetapi ia tidak menyebut sama ada SRJK(C) atau SRJK(T) akan dibina. Seperti rakan-rakan yang lain, saya ingin bertanya kepada kerajaan bahawa adakah SRJK(C) atau SRJK(T) akan dibina dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini dan juga masalah-masalah SRJK(C) dan SRJK(T) ini iaitu masalah kekurangan guru-guru.

Pada masa sekarang SRJK(C) kekurangan lebih kurang 3,000 orang guru-guru di SRJK(C). Saya ingin menanya kepada kerajaan, dalam lima tahun ini iaitu Rancangan Malaysia Kesembilan ini, adakah satu usaha atau satu projek supaya melantik lebih ramai guru-guru untuk sekolah SRJK(C) dan SRJK(T) ini.

Berkenaan dengan bangunan-bangunan SRJK(C) dan SRJK(T), kita juga mendengar bahawa sekolah-sekolah yang sedemikian ini adalah dalam keadaan yang daif, tua dan separuh runtuh. Pernah juga berlaku di mana bangunan-bangunan sekolah ini telah dirosakkan oleh anai-anai yang mengakibatkan maut kepada guru-guru dan juga murid-murid.

Dengan ini saya menyerulah kerajaan supaya tidak mengira apa jenis sekolah-sekolah ini tetapi memberi bantuan kerana SRJK(C) dan SRJK(T) ini mereka juga ada memberi sumbangan yang begitu besar kepada rakyat negara kita ini. Pada masa sekarang dimaklumkan bahawa ada sejumlah 60,000 murid-murid bukan Cina, belajar di SRJK(C) ini! Jadi inilah satu sekolah di mana ia boleh menyumbang kepada pembinaan negara kita juga.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat boleh gulung.

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** Ya. Banyak juga didengari bahawa Kerajaan Pusat perlu menjalankan strategi-strategi supaya dalam lima tahun ini boleh membawa kenaikan taraf kehidupan rakyat Malaysia. Saya ingin bertanya sama ada kerajaan negeri atau kerajaan tempatan juga ada rancangan lima tahun iaitu Rancangan Malaysia Kesembilan, lima tahun untuk dijalankan atau dijanakan oleh kerajaan negeri atau dijalankan oleh kerajaan tempatan supaya ia boleh menyatukan usaha-usaha dari peringkat pusat, peringkat negeri dan peringkat tempatan, supaya boleh memberi satu keadaan yang pembangunannya seimbang.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menanya kepada kerajaan kerana dalam ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, beliau ada menegaskan bahawa pembangunan negara kita ini boleh dicapai oleh rakyat semua tidak kira bangsa, agama dan fahaman politik untuk pembinaan negara kita ini. Dalam hal ini, saya bersetuju dengan pandangan Yang Amat Berhormat dan mengesa supaya kerajaan juga prihatin terhadap agama-agama selain dari agama Islam.

Saya ambil contohnya seperti tokong-tokong Cina atau kuil-kuil India, mereka ini kekurangan tanah atau tapak untuk kuil-kuil (*temples*) mereka ini. Jadi apabila mereka membina sebuah rumah tokong atau sebuah kuil tokong, mereka ini disebutkan sebagai



setinggalan-setinggalan kerana mereka tiada tapak. Tidak ada apa-apa tanah untuk mereka dan mereka sahajalah duduk sana, duduk di sini.

Akhirnya mungkin tempat ini perlu dirobohkan oleh pihak berkuasa tempatan dan ini menjadi salah faham antara penganut-penganut. Mereka akan kata kerajaan ini tidak mementingkan agama mereka, kuil (*temple*) mereka perlu di roboh kerana status tanah dan status tapak adalah tidak sah. Dengan kata-kata demikian saya ucap terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Ampang sila.

#### **5.05 ptg.**

**Dr. Rozaidah binti Talib [Ampang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya berucap untuk menyokong pembentangan Rancangan Malaysia Kesembilan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 31 Mac yang lalu. Tuan Yang di-Pertua, saya berasa amat gembira dan ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di atas kenyataan di dalam pembentangan Rancangan Malaysia Kesembilan bahawa sumbangan wanita dalam agenda pembangunan negara akan terus diperkasakan.

Sebelum saya meneruskan ucapan saya ingin memaklumkan bahawa saya akan mengkhususkan ucapan saya ke atas isu-isu wanita yang disentuh dalam Rancangan Malaysia Kesembilan sahaja memandangkan perwakilan wanita di dalam Dewan yang mulia ini terlalu sedikit sedangkan penduduk negara kita sama bilangannya di antara wanita dan lelaki.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga merakamkan ucapan terima kasih dan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, di atas usaha berterusan beliau untuk memajukan wanita dan institusi keluarga.

Pembentangan Rancangan Malaysia Kesembilan menyebut bahawa usaha akan diambil untuk menyediakan persekitaran yang kondusif bagi memastikan penyertaan wanita yang lebih berkesan dalam pembangunan negara. Sembilan teras strategik telah dirangka bagi meningkatkan lagi kemajuan wanita sepanjang tempoh rancangan lima tahun ini. Antaranya termasuklah langkah-langkah untuk meningkatkan penyertaan wanita dalam tenaga kerja yang mana sekarang ini adalah pada kadar 47.3% dan tentunya ini akan terus meningkat memandangkan bilangan pelajar perempuan di

peringkat pendidikan *tertiary education* dengan izin, adalah sekitar 65% jauh melebihi lelaki.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Larut

**Dr. Rozaidah binti Talib [Ampang]:** Baru mula. Okey.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Ampang. Saya cuma hendak bertanya, apakah pandangan Yang Berhormat tentang kedudukan wanita yang telah diberi kedudukan sama ada dalam penggubal dasar pentadbiran negara ini dan juga peluang-peluang lain jika dibandingkan dengan kedudukan peratus wanita di negara-negara yang lain. Apa pandangan Yang Berhormat, apakah kita lebih baik, lebih menonjol daripada negara lain sedangkan kita lihat bahawa negara Arab seperti Kuwait juga sedang hendak belajar daripada apa yang telah kita lakukan? Apa pandangan Yang Berhormat?

**Dr. Rozaidah binti Talib [Ampang]:** Sebenarnya bilangan, kalau kita ikut peratusan wanita yang diwakili di peringkat perhubungan dasar di negara kita jauh ketinggalan. Kerana apa yang disasarkan di dalam *Beijing Platform* tahun 1995 ialah 30% sedangkan kita masih lagi di peringkat 10%, walaupun tidak dinafikan terdapat beberapa orang wanita yang duduk di kedudukan yang tertinggi dalam negara kita, contohnya Gabenor Bank Negara sendiri.

Sukacita juga saya ingin maklumkan kepada Yang Berhormat bagi Larut bahawa di Iran sendiri peratusan wanita dalam Parlimen mereka lebih tinggi daripada kita, sebuah negara yang begitu *orthodox Muslim*. Tuan Yang di-Pertua saya teruskan.

Tuan Yang di-Pertua...

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Sedikit lagi Yang Berhormat, bermakna Yang Berhormat bagi Ampang setuju bahawa masih ada negara Arab, negara Timur Tengah yang sedang melihat kita sebagai satu *role model* dengan izin. dalam memainkan peranan ini. Apakah pandangan Yang Berhormat.

**Dr. Rozaidah binti Talib [Ampang]:** Saya rasa sebagai negara membangun dan sebagai Pengerusi OIC dan sebagainya negara kita sentiasa dilihat sebagai negara contoh dan kita boleh berbangga bahawa walaupun dalam Parlimen ini hanya 10% tetapi di peringkat Dewan Negara kita ada 33% wanita. Terima kasih Yang Berhormat.

Langkah-langkah yang dicadangkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ...

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Yang Berhormat bagi Ampang, sedikit sahaja. Menyambung apa Yang Berhormat bagi Larut sebut sebentar tadi. Bila

saya tutup mata, dengar Yang Berhormat bagi Ampang berucap ini bunyi dia macam Yang Berhormat Menteri Perdagangan Antarabangsa, suara itu cepat dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua terima kasih, adakah Yang Berhormat Ampang berpuas hati dengan pengiktirafan yang diberikan oleh kerajaan kita pada hari ini kepada pergerakan wanita?

Apabila wanita ini telah dirakamkan sebagai antara yang sama-sama memperjuangkan kemerdekaan negara bukan pada tahun 1957 tetapi seawal Melaka dijajah oleh Portugis. Maksudnya penglibatan wanita telah dirakamkan di dalam sejarah negara seawal itu dan hari ini cuma ada mungkin di peringkat Dewan Rakyat hanya 11% sahaja ataupun tidak diberi pengiktirafan yang sewajarnya kepada wanita.

Adakah Yang Berhormat rasa angka 11% ataupun berapa peratus di peringkat yang lain itu tidak langsung menampakkan pengiktirafan kepada perjuangan wanita. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dr. Rozaidah binti Talib [Ampang]:** Saya bersetuju bahawa pengiktirafan itu hendaklah diterjemahkan dari sudut melantik perwakilan yang lebih ramai. Saya rasa itu telah menjawab pertanyaan Yang Berhormat bagi Tangga Batu.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Yang Berhormat, yang terakhir Yang Berhormat. Apakah Yang Berhormat setuju bahawasanya wanita tidak begitu rakus cuma begitu mengharapkan dari segi peratus perwakilan sebagaimana Yang Berhormat telah sebutkan tadi. Terima kasih.

**Dr. Rozaidah binti Talib [Ampang]:** Wanita memang tidak pernah rakus Yang Berhormat bagi Larut tetapi inilah harapan kami dan ia diharapkan bermula daripada parti-parti politik untuk mengetengahkan calon-calon yang berkebolehan. Saya ingat saya hendak teruskan Tuan Yang di-Pertua sebab saya hendak habiskan sebelum pukul 5.30.

Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah yang dicadangkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan seperti tempat kerja yang mesra keluarga, pusat jagaan kanak-kanak dalam komuniti, pusat asuhan kanak-kanak di kawasan perumahan dan peraturan kerja fleksibel. Sebenarnya telah pun disebut dalam Rancangan Malaysia Kelapan, saya telah semak dan saya telah baca bahawa benda ini sebiji-sebiji semuanya sudah disebut di dalam Rancangan Malaysia Kelapan.

Malangnya kemajuan dari segi pelaksanaan langkah-langkah yang dicadangkan dalam Rancangan Malaysia Kelapan tadi tidak memberangsangkan. Oleh itu ia disebut sekali lagi dalam Rancangan Malaysia Kesembilan maka timbul persoalan di sini adakah

ia akan disebut pula dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh akibat kegagalan pelaksanaan. Malah tidak disebutkan pun jumlah wang yang diperuntukkan bagi menjayakan amalan kerja mesra keluarga yang mana Unit Perancang Ekonomi memasukkannya sebagai program utama. Saya ingin bertanya adakah kerajaan benar-benar serius dalam isu ini

Tuan Yang di-Pertua, saya pernah menyebut dalam ucapan usul menyokong Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong bahawa kegagalan ataupun masalah di pihak majikan adalah kerana insentif yang diberikan terlalu kecil. Potongan cukai sebanyak 10% setahun daripada kos keseluruhan pembinaan untuk sektor swasta dan geran pelancaran sebanyak RM50,000 untuk sektor awam tidak mencukupi untuk menampung kos operasi yang dianggarkan sebanyak RM10,000 sebulan.

Di samping itu, majikan terpaksa juga menanggung kos untuk menggaji untuk pengasuh kanak-kanak yang berkeelayakan ataupun *qualified childminders*, dengan izin. Jika kerajaan tidak membantu, kita khuatir majikan akan mengambil jalan mudah iaitu menggaji sama ada pekerja tidak terlatih dalam asuhan kanak-kanak atau menggaji pekerja asing yang sudah tentunya lebih murah. Jika ini berlaku maka objektif atau tujuan asal untuk mengadakan pusat jagaan kanak-kanak di tempat kerja akan sia-sia.

Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya mencadangkan supaya ada suatu *pool* dengan izin ataupun satu pusat di mana Kementerian Pembangunan Keluarga dan Masyarakat melatih dan mengeluarkan pengasuh kanak-kanak yang berkeelayakan dan pihak majikan tidak kiralah walau pun dari kalangan sektor swasta hendaklah hanya menggaji pengasuh kanak-kanak yang dikeluarkan daripada pusat ataupun *pool* ini.

Dengan cara ini bukan sahaja anak-anak diasuh oleh pengasuh yang dilatih mengikut tahap ataupun piawai yang dipersetujui ataupun diiktiraf oleh kerajaan malah pemantauan berterusan boleh dilakukan. Saya juga ingin menyarankan supaya diberi keutamaan melatih ibu-ibu tunggal menjadi pengasuh kanak-kanak yang mana pada waktu yang sama ibu-ibu tunggal ini boleh membawa sama anak-anak mereka ke tempat di mana ibu mereka bekerja iaitu di pusat jagaan kanak-kanak itu sendiri.

Saya juga tertarik dengan kenyataan dalam pembentangan Rancangan Malaysia Kesembilan di mana usaha akan diambil oleh kerajaan bagi melaksanakan konsep bekerja dari rumah untuk menggalakkan wanita menceburi peniaga kecil. Konsep pejabat dalam rumah atau di peringkat antarabangsa dikenali sebagai SOHO (*Small Office Home Office*) dengan izin membolehkan wanita menjalankan fungsi sebagai ibu dan suri rumah berkerjaya melalui penggunaan ICP ataupun dikenali sebagai telekerja.

Konsep SOHO semakin mendapat perhatian di seluruh dunia berikutan perkembangan ICT. Satu kajian yang dijalankan oleh kerajaan Australia Barat mendapati konsep SOHO semakin berkembang. Ada 25 juta pekerja SOHO di Amerika Syarikat, 2.5 juta di Kanada, 2.2 juta di United Kingdom, 778,000 di Australia dan 200,000 di New Zealand.

Kemunculan konsep SOHO bukan sahaja menjamin penerusan produktiviti wanita malah yang jauh lebih baik golongan kurang upaya ataupun OKU dan warga emas juga boleh mendapat manfaat dan kebaikan. SOHO juga dapat membantu kerajaan mengurangkan kesesakan lalu lintas yang dihadapi di bandar-bandar utama, antara kebaikan-kebaikannya Tuan Yang di-Pertua.

Antara skop pekerjaan menerusi SOHO ialah penulisan, penterjemahan, reka bentuk atau *web-design* dengan izin, bidang multimedia, bidang latihan dan perundingan, perkhidmatan kewangan seperti pelaburan, percukaian, penulisan wasiat, *real estate* ataupun hartanah dan sebagainya. Oleh itu, saya mencadangkan kepada kerajaan agar mengambil kira keperluan mereka yang bekerja dari rumah ini. Antara cadangan-cadangan saya ialah:

- (i) kerajaan mestilah terlebih dahulu mengiktiraf dan menyokong SOHO ini;
- (ii) agar Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyenaraikan dalam *web-site* atau pun laman *web* mereka yang bekerja dari rumah dan juga perkhidmatan yang tawarkan agar masyarakat dapat maklumat berkenaannya;
- (iii) agar bank-bank memberi *soft loan* dengan izin kepada mereka. Begitu juga mempermudah penyaluran bantuan dari agensi-agensi kerajaan; dan
- (iv) agar kerajaan membantu menyediakan program-program latihan yang diperlukan.

Tuan Yang di-Pertua, potensi untuk SOHO berkembang maju cukup baik. Terpulanglah kepada kerajaan untuk melihat secara serius kaedah untuk menggerakkannya ataupun dengan izin *how to mobilize the resources*.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga tertarik dengan program inkubator kemahiran ibu tunggal ataupun dikenali sebagai IKIT.

**Puan Rosnah bte. Haji Abd. Rashid Shirlin [Papar]: [Bangun]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Papar bangun.

**Puan Rosnah bte. Haji Abd. Rashid Shirlin [Papar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat bagi Ampang, saya ingin mengucapkan tahniah kerana telah membawa isu SOHO ini tetapi sedarkan Yang Berhormat bahawa wujudkan beberapa kekangan terutama sekali dalam peruntukan undang-undang kita yang melibatkan premis-premis peniaga yang dibuat daripada rumah. Pada pendapat Yang Berhormat adakah ini akan menjadi suatu masalah apabila kerajaan bersedia untuk mengimplimentasikan SOHO ini pada masa-masa yang akan datang.

**Dr. Rozaidah binti Talib [Ampang]:** Terima kasih adinda saya Yang Berhormat bagi Papar. Saya ucapkan tahniah kerana Yang Berhormat bagi Papar selaku pengamal undang-undang lebih arif tentang isu-isu berkaitan perundangan.

**Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]:** *[Bangun]*

**Dr. Rozaidah binti Talib [Ampang]:** Sebenarnya memang saya sedar bahawa terdapat masalah ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Petra Jaya.

**Dr. Rozaidah binti Talib [Ampang]:** ...tetapi, sekejap ya... tetapi saya difahamkan kalau tidak silap saya tahun lepas Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah berunding dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk mengkaji semula *by-law* ataupun undang-undang kecil mengenai mendirikan pejabat di kawasan-kawasan perumahan.

Saya rasa jika kita betul-betul serius dalam soal ini tidak ada masalah kerana undang-undang itu kita boleh pinda hanya hukum Allah S.W.T sahaja yang kita tidak boleh pinda.

**Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat bagi Ampang. Untuk menambah apa yang telah diperkatakan oleh Yang Berhormat bagi Papar tadi, ada dua. Pertama undang-undang persekutuan dan kedua undang-undang yang di bawah bidang kuasa kerajaan negeri.

- (i) berkaitan dengan tanah – penggunaan tanah. Kalau di rumah-rumah, kita tersekat di bawah undang-undang tanah sebab kita tidak boleh menggunakan rumah selain daripada tujuan *residential* ataupun perumahan untuk tujuan *business*
- (ii) mungkin Yang Berhormat bagi Ampang telah berlaku sebenarnya ada arahan pula sekarang ini dikeluarkan oleh sesetengah *Local*

*Authorities* dengan izin menyekat, memberitahu kepada pihak pendaftaran, misal kata pihak Pendaftaran Bisnes - *Business of Registration* (ROB) supaya tidak membenarkan rumah-rumah untuk pejabat. Ini bertentangan dengan apa yang didasarkan oleh kerajaan. Ini adalah salah satu kekangan yang bakal kita hadapi. Misal kata sekarang ini dasar Kerajaan Persekutuan membenarkan Kontraktor Kelas 'F' untuk menggunakan rumah sebagai pejabat.

Tetapi sekarang ini mereka akan menghadapi masalah untuk memperbaharui lesen disebabkan sekatan-sekatan daripada *Local Authorities* ini. Jadi kalau dapat saya mencadangkan Yang Berhormat Ampang mencadangkan supaya segala permasalahan antara kerajaan pusat dasar dan juga pelaksana di peringkat negeri untuk mengambil kira apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Ampang tadi. Terima kasih.

**Dr. Rozaidah binti Talib [Ampang]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Petra Jaya. Inilah sebabnya mengapa program ataupun perancangan telah termaktub dalam Rancangan Malaysia Kelapan itu terpaksa di bawa ke Rancangan Malaysia Kesembilan kerana apa yang di aspirasikan oleh kerajaan tidak diikuti dalam nada yang sama oleh agensi pelaksana. Dan suka saya juga memasukkan dalam ucapan saya cadangan Yang Berhormat bagi Petra Jaya supaya perkara ini dilihat dengan lebih serius.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai program Inkubator Kemahiran Ibu Tunggal ataupun dikenali sebagai IKIT yang dibentangkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan saya mengucapkan terima kasih kepada kerajaan di atas usaha untuk membantu dan memajukan ibu-ibu tunggal. Saya percaya ramai ibu tunggal mahu menyertai program ini tetapi walaupun telah banyak usaha-usaha kerajaan untuk membantu ibu tunggal tetap ada ibu tunggal yang mendakwa tercicir dari dilibatkan sama dalam apa-apa program atau bantuan kerajaan. Saya melihat ini berpunca daripada masalah koordinasi yang mana penubuhan persatuan-persatuan ibu tunggal itu sendiri tiada kawalan. Di pihak Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat satu struktur yang cukup elok sudah pun ditubuhkan di mana di setiap kawasan Parlimen...

**Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Pasir Puteh.

**Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** Yang Berhormat bagi Ampang, Tuan Yang di-Pertua, ibu tunggal ini selama mana kita hendak nama ibu

tunggal. *Why not* kita buat satu *database* masuk dalam komputer, mana-mana hendak cari isteri carilah ibu tunggal. Sebab saya tengok ibu tunggal di Kuala Lumpur ini kaya-kaya. Setuju tak?

*[Dewan riuh dengan ketawa]*

**Dr. Rozaidah binti Talib [Ampang]:** Yang Berhormat bagi Pasir Puteh ini ustaz nujum pak belalang. Dia tahu saya akan cakap fasal *database* sekejap lagi tetapi bukan tujuan mencari isteri. Saya akan ulaskan fasal *database* sekejap lagi.

Tuan Yang di-Pertua, dipihak kementerian sebenarnya ada struktur yang cukup elok sudah pun ditubuhkan di mana di setiap kawasan Parlimen ada Majlis Pembangunan Wanita Keluarga (MPWK) dan juga Majlis Kebajikan dan Pembangunan Masyarakat (MAYANG) yang mana ia bertujuan untuk membantu golongan yang kurang bernasib baik termasuklah ibu tunggal. Tetapi pengerusi-pengerusi MPWK contohnya saya sendirilah...

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]:** Tuan Yang di-Pertua, tanya sikit boleh tak Gombak.

**Dr. Rozaidah binti Talib [Ampang]:** Sekejap ye..

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]:** Terima kasih Ampang. Dari lubuk hati yang suci, saya menghormati ibu-ibu tunggal yang ada. Kerana mereka gigih dari segi untuk memelihara peninggalan anak-anak yang ada daripada suami sama ada ditinggalkan ataupun kematian suami. Mereka boleh hidup dalam keadaan yang sukar. Kadang-kadang tertekan tetapi terus mereka memelihara anak mereka dan ada yang berjaya dalam pendidikan sebagainya.

Soalannya, apakah Yang Berhormat bersetuju dengan pandangan murni saya ini iaitu kerajaan harus memikirkan, satu program jangka masa panjang supaya ibu-ibu tunggal ini boleh menyara hidup anak-anak mereka dan keluarga mereka. Maknanya berdikari dari segi perniagaan dan sebagainya walaupun hari ini ada, tetapi tidak mencukupi untuk diperluaskan. Jadi saya berharap, kerana saya mengalami keadaan yang sedemikian di mana banyak ibu tunggal di kawasan Parlimen saya, kadang-kadang tidak terbelas disebabkan oleh **constraint** kewangan. Jadi ini satu perkara yang saya nampak satu fokus untuk mengadakan satu program jangka masa panjang, untuk memastikan anak-anak mereka ditempatkan di sekolah-sekolah berasrama dan sebagainya di samping itu juga program ekonomi harus dipertingkatkan untuk ibu tunggal ini berdikari. Macam mana pandangan Ampang terhadap pandangan murni saya ini?



**Dr. Rozaidah binti Talib [Ampang]:** Saya sangat bersetuju dengan pandangan murni Yang Berhormat bagi Jerai, memang betul. Itu sebab saya hendak menyentuh tentang mengapa ada lagi golongan ibu tunggal merasakan diri mereka tercicir sedangkan ada banyak program dan saya juga bersetuju bahawa program itu mestilah bersifat jangka panjang dan salah satu caranya juga bukan sahaja melalui program definisi ibu tunggal itu juga nampaknya kementerian telah perluaskan. Maknanya ibu tunggal itu bukan sahaja definisikan sebagai wanita yang kematian suami ataupun dicerai oleh suami tetapi dia telah berkembang kepada walaupun masih bersama suami tetapi wanita yang menanggung suami yang terlantar akibat penyakit kronik dan sebagainya yang tidak boleh mencari sumber kewangan juga diiktiraf sebagai ibu tunggal dan berhak mendapat apa-apa keistimewaan untuk ibu tunggal. Begitu juga untuk wanita yang tidak berkahwin, digelar ibu kerana terpaksa menjaga mungkin anak saudara dia ke, anak angkat ke yang yatim tetapi wanita tersebut merupakan *break winner* dengan izin maka dikategorikan sebagai ibu tunggal.

**Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Maran.

**Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** Ampang, tanya sikit. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat bagi Ampang. Saya ada sedikit pengalaman dengan luar bandar ini dan terutama dalam program PPRT ini. Kita perhatikan bahawa ramai ibu tunggal ini yang terlibat dalam menjadi ahli PPRT. Cuma yang agak terkilan pada saya ialah sebenarnya sebahagian ibu tunggal ini mungkin ramai daripada mereka ini mempunyai anak-anak yang berjaya. Tetapi oleh sebab ingin mendapatkan peruntukan daripada kerajaan, anak-anak ini sanggup menyenaraikan ibu-ibu mereka sebagai ahli PPRT semata-mata hendakkan kewangan tadi.

Saya rasa ini mungkin tidak selesai masalah ibu tunggal kalau kita biarkan begini. So, apakah pandangan Yang Berhormat? Apakah langkah Yang Berhormat hendak cadangkan supaya perkara seperti ini tidak berlaku kepada ibu-ibu tunggal. Maksud saya sudah ramai ibu tunggal, kita cuba selesaikan masalah ibu tunggal tetapi ramai ibu tunggal sebenarnya telah masukkan dalam senarai PPRT dan mereka ini memohon bantuan daripada kerajaan sebagai ahli PPRT. Maknanya ahli rakyat termiskin. Sedangkan ramai dan sebahagian daripada mereka ini mempunyai anak yang berjaya cuma oleh sebab mengharapkan bantuan kerajaan, duit daripada kerajaan, anak-anak ini sebenarnya sanggup meletakkan ibu mereka sebagai ahli PPRT semata-mata untuk mendapatkan duit. Ini satu fenomena yang harus kita banteras.

Saya minta apa pandangan Yang Berhormat dan apakah cadangan untuk kita berikan kepada kementerian?

**Dr. Rozaidah binti Talib [Ampang]:** Maksudnya terdapat penyelewengan dari segi menggunakan kemudahan yang diberikan oleh kerajaan. Itu sebab pentingnya *database* ini yang mana saya akan sentuh sekejap lagi tentang *detail database* kalau saya punya masa.

Tuan Yang di-Pertua, ok, pengerusi-pengerusi MPWK, di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, kadang-kadang merasakan tidak dapat *access* kepada semua ibu tunggal di kawasan masing-masing kerana ada ibu-ibu tunggal yang mendaftar menjadi ahli kepada persatuan-persatuan ibu tunggal di bawah NGO. Mereka ini bergerak sendirian, mendapat peruntukan juga secara bersendirian juga membuat program-program yang kadang-kadang mereka sendiri-sendiri buat. Ibu-ibu tunggal ini Tuan Yang di-Pertua, bila cukup sahaja bilangan ahlinya akan mendaftar dengan Pendaftar Pertubuhan ataupun ROS dan saya difahamkan jumlah persatuan-persatuan ini cukup banyak. Contohnya di kawasan saya ada persatuan - Persatuan Ibu Tunggal Bunga Tanjung Ampang. Tetapi bukan sahaja ahli-ahlinya orang luar Ampang tetapi pendaftarannya juga di Wilayah Persekutuan sedangkan Ampang terletak di negeri Selangor.

Tetapi apabila namanya Ampang maka jika ada ahli persatuan tercicir dari dilibatkan sama dengan program-program kerajaan akhirnya pengerusi MPWK Ampang yang dipertanggungjawabkan itu adalah yang disalahkan. Ini satu contoh Tuan Yang di-Pertua. Saya memohon Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat memberi pengerusi-pengerusi MPWK di setiap kawasan parlimen senarai persatuan-persatuan IT (ibu tunggal) yang ujud di kawasan masing-masing. Dari situ bolehlah kita ujudkan satu pengkalan data ataupun *database* mengenai semua IT yang ada tidak kira dengan cara apa sekali pun mereka ini dikesan. *Database* ini Tuan Yang di-Pertua cukup penting bukan sahaja untuk mencari jodoh. Dia adalah untuk melihat latar belakang sosio ekonomi ibu tunggal itu dan kecenderungan. Saya bagi contoh terdapat beberapa program bersifat *ad hoc* yang tiba-tiba sahaja kadang-kadang pengerusi MPWK akan dapat surat, contohnya dari Kementerian Perumahan Kerajaan Tempatan, sila namakan sepuluh ibu tunggal untuk dipohon rumah kos rendah misalnya. Jika saya tidak ada *database* saya masuk sahaja sesiapa ibu tunggal yang sepuluh orang yang saya tahu. Atau pun misalnya PBT akan mengadakan kursus.....

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** [Bangun]

**Dr. Junaidy bin Abdul Wahab [Batu Pahat]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Jasin, Batu Pahat.

**Dr. Rozaidah binti Talib [Ampang]:** ... Kursus kek dan pastri misalnya dan siapa sahaja saya tahu saya bagi sedangkan ibu tunggal ini mungkin tidak minat buat kek tetapi minat menjahit jadi perlulah *database* ini untuk saya menyalurkan kepada saluran yang betul untuk dimanfaatkan oleh mereka sendiri. Siapa bangun dulu?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Batu Pahat.

**Dr. Rozaidah binti Talib [Ampang]:** Batu Pahat, Jasin dan Rembau.

**Dr. Junaidy bin Abdul Wahab [Batu Pahat]:** Terima kasih. Saya hendak pandangan dari Yang Berhormat. Yang Berhormat banyak mengatakan bahawa banyak perancangan banyak latihan dan banyak program yang dibuat pada ibu-ibu tunggal. Apa sebabnya program-program sudah dibuat, kursus-kursus dibuat, tetapi masih belum berjaya. Apa sebabnya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat. Yang Berhormat boleh jawab esoklah. [Ketawa] Ahli-ahli Yang Berhormat mesyuarat Dewan yang mulia ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 10.00 pagi hari esok.

***Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.***